



**MENCORAK
PENERAJU PASARAN**

VISI SYARIKAT

Untuk menjadi syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia

MISI SYARIKAT

Untuk melahirkan generasi syarikat peneraju Malaysia yang seterusnya, di samping menggalakkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi secara saksama, efektif dan mampan.

NILAI-NILAI SYARIKAT

Didorong Secara Komersial

Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai

Prestasi Tinggi

Kami sentiasa berusaha untuk mencapai lebih daripada sasaran

Berdasarkan Merit

Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran hanya berdasarkan prestasi

Bersemangat

Kami bersemangat dalam menjalankan tugas kami untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan

Fokus

Kami sentiasa fokus dalam usaha untuk mencapai objektif kami

Rendah Diri

Kami berpegang teguh kepada asal usul kami



RASIONAL MUKA HADAPAN

Keberkesanan pucuk kepimpinan sesebuah organisasi adalah penting dalam menentukan kejayaannya. Selaras dengan ini, Ekuinas telah ditubuhkan untuk mengenal pasti dan melabur dalam syarikat-syarikat bersaiz sederhana yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dengan tujuan untuk mencorak mereka menjadi peneraju perniagaan masa hadapan.

Tema pada tahun ini dipaparkan melalui seni origami. Matlamat origami adalah untuk mengubah sehelai kertas menggunakan teknik lipatan sehingga ia menjadi produk siap yang menarik.

Demikian jugalah matlamat Ekuinas. Syarikat-syarikat pelaburannya dicorakkan melalui visi, kreativiti dan disiplin dalam mencipta nilai syarikat. Dalam hal ini, produk siap yang ditampilkan iaitu kapal-kapal origami mewakili pelbagai organisasi yang dibantu oleh Ekuinas dalam transformasi mereka menjadi peneraju industri.

KANDUNGAN

EKUINAS SEPINTAS LALU

SOROTAN PENTING

- 4 Sorotan Peristiwa 2013
- 6 Maklumat Penting Kewangan 2013
- 12 Sorotan Kewangan 2010-2013
- 14 Perutusan Pengerusi
- 18 Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

INDUSTRI

- 33 Apa itu Ekuiti Persendirian?
- 34 Tinjauan Ekuiti Persendirian di Malaysia oleh Bain & Company
- 38 Pemilihan Pengurus Ekuiti Persendirian di Asia Tenggara oleh Towers Watson Investment

ORGANISASI

- 45 Struktur Organisasi
- 46 Profil Lembaga Pengarah
- 52 Profil Pengurusan Kanan
- 55 Pengurusan Lain
- 56 Warga Pelaburan

OPERASI & PRESTASI

- 59 Ulasan Prestasi Pelaburan
- 83 Syarikat-Syarikat Portfolio

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

- 99 Rangka Kerja Tanggungjawab Sosial Korporat Ekuinas
- 112 Program MASE untuk Inisiatif Pembinaan Keupayaan Usahawan CSR Ekuinas oleh Boston Consulting Group (BCG)

TADBIR URUS KORPORAT


- 122 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 138 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 147 Laporan Jawatankuasa Audit
- 152 Dasar Pendedahan

MAKLUMAT-MAKLUMAT LAIN


- 156 Profil Korporat
- 168 Struktur Korporat
- 169 Maklumat Korporat
- 170 Peristiwa Penting Korporat
- 172 Glosari Terma Lazim dalam Ekuiti Persendirian
- 173 Direktori Kumpulan
- 174 Penghargaan
- 175 Senarai Semakan Serahan Cadangan Perniagaan

EKUINAS - SEPINTAS LALU SEHINGGA 31 DISEMBER 2013

EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND



PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL - GABUNGAN PELABURAN LANGSUNG DAN PROGRAM PENYUMBERAN LUAR



JUMLAH PORTFOLIO PELABURAN



SYARIKAT PENGURUSAN DANA



SOROTAN PERISTIWA 2013

APR
2013



PRESTASI

Pengumuman pencapaian tahun kewangan berakhir 2012:-

- Pulangan Kasar Portfolio: RM368.6 juta
- Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR): 27.5%, IRR Tahunan Bersih: 20.6%
- Peningkatan dalam nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM1.9 bilion atau 1.4 kali ganda modal yang dilabur oleh Ekuinas; dan
- Peningkatan dalam Jumlah Nilai Keseluruhan Pemegang Saham sebanyak RM2.4 bilion atau 1.7 kali ganda modal dilabur Ekuinas.

PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I (MGO Fund), yang diuruskan oleh Navis Capital Partners di bawah Program Penyumberan Luar Ekuinas, melaksanakan dua pelaburan iaitu di dalam Kumpulan Strateq, sebuah syarikat perkhidmatan teknologi maklumat (IT) terkemuka di Malaysia dan syarikat HG Power Transmission Sdn Bhd, sebuah syarikat terlibat dalam bidang kejuruteraan, pembuatan dan pemasangan, khususnya menara dan talian penghantaran elektrik.

DANA

Ekuinas menerima dana peruntukan sebanyak RM600.0 juta daripada Kerajaan.

SEPT
2013



PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

Pelancaran Program Penyumberan Luar Tranche II dengan saiz dana sejumlah RM375.1 juta, di mana RM240.0 juta merupakan modal komited Ekuinas manakala RM135.1 juta disediakan oleh pelabur persendirian. Majlis Pelancaran Program Penyumberan Luar Ekuinas Tranche II telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar.

PELUPUSAN

Ekuinas melaksanakan pelupusan utama pertama dengan penjualan keseluruhan 61.6% ekuiti dalam Konsortium Logistik Berhad (KLB).

Melalui pelupusan ini, Ekuinas telah berjaya menjana keuntungan sebanyak RM347.4 juta termasuk dividen terkumpul yang diterima.

PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

Pelaburan oleh Pengurus Dana Penyumberan Luar:-

- 1 Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. yang diuruskan oleh Navis Capital Partners melaksanakan pelaburan di dalam Brickfields Asia College, sebuah institusi pengajian tinggi swasta dengan pengkhususan dalam bidang undang-undang dan perniagaan.
- 2 CIMB National Equity Fund yang diuruskan oleh CIMB Private Equity melaksanakan pelaburan dalam Macro Kiosk Berhad, sebuah syarikat perkhidmatan pembayaran mudah alih.
- 3 COPE Opportunities 3 Sdn Bhd yang diuruskan oleh CMS Opus Private Equity melaksanakan pelaburan sulungnya di dalam STX Precision Corporation Sdn Bhd, syarikat pengeluar komponen logam jitu.
- 4 RMCP One Sdn Bhd yang diuruskan oleh RM Capital Partners sejeurus selepas pelantikannya telah membuat pelaburan pertama dalam Consobiz Ventures Sdn Bhd, sebuah syarikat pengeluar lampin bayi.

OKT
2013



DIS
2013

PELABURAN LANGSUNG

Pelaburan ke-13: Ekuinas mengumumkan penyertaannya ke dalam sektor pembuatan makanan dengan perolehan 100% ekuiti di dalam PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz), sebuah syarikat pemprosesan daging halal premium terkemuka dengan jumlah pelaburan sebanyak RM40.0 juta.



PELABURAN LANGSUNG

Pelaburan ke-15: Ekuinas melaksanakan pelaburan susulan di dalam sektor pendidikan melalui kumpulan pendidikan, Ilmu Education Group (ILMU), untuk pelaburan saham majoriti sebanyak 76.5% di dalam APIIT Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka), penyedia pendidikan tinggi swasta terkemuka di Sri Lanka, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM32.3 juta.



PELABURAN LANGSUNG

Pelaburan ke-14: Ekuinas menyediakan modal tambahan sehingga RM48.8 juta ke dalam Kumpulan Peruncitan F&B, Integrated Food Group (IFG), untuk memperoleh 20.9% kepentingan tambahan daripada pemegang saham minoriti dan suntikan modal baru ke dalam Cosmo Restaurants Sdn Bhd, pemilik francais dan pengendali Burger King Malaysia.



MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2013

1 DANA DITERIMA DARIPADA YAYASAN EKUITI NASIONAL (YEN)

	2013 RM juta	2012 RM juta
Dana diterima pada tahun ini	600.0	700.0
Jumlah dana terkumpul	2,400.0	1,800.0

2 DANA DITUBUHKAN

Nama Dana	Tahun Ditubuhkan	Saiz Dana RM juta	Tumpuan Pelaburan	Tempoh	Status Kedudukan
Ekuias Direct (Tranche I) Fund	2010	1,000.0	Buy-out & Modal Pertumbuhan	5 + 2 tahun	Diagihkan sepenuhnya
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	2012	1,000.0	Buy-out & Modal Pertumbuhan	5 + 2 tahun	Dilaburkan
Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund	2011	400.0	Modal Pertumbuhan	6 + 1 tahun	Dilaburkan
Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund	2013	240.0	Modal Pertumbuhan	7 + 1 tahun	Dilaburkan

3 JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN

	2013 RM juta	2012 RM juta
Pelaburan Langsung	2,000.0	2,000.0
Penyumberan Luar	640.0	400.0
	2,640.0	2,400.0
Jumlah dana sedia ada untuk pelaburan, termasuk modal persendirian	2,927.0	2,516.9

4 RINGKASAN PRESTASI DANA

a. Ringkasan Aktiviti Pelaburan Terkumpul

	Bilangan Pelaburan	Pelaburan Komited RM juta	Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM juta
2013			
Ekuiнас Direct (Tranche I) Fund	10	1,258.2	1,380.3
Ekuiнас Direct (Tranche II) Fund	5	375.2	375.2
Jumlah	15	1,633.4	1,755.5
2012			
Ekuiнас Outsourced (Tranche I) Fund	7	179.5	595.0
Ekuiнас Outsourced (Tranche II) Fund	2	20.3	50.0
Jumlah	9	199.8	645.0
Jumlah	24	1,833.2	2,400.5
2012			
Ekuiнас Direct (Tranche I) Fund	10	1,258.2	1,380.3
Ekuiнас Direct (Tranche II) Fund	2	254.1	254.1
Jumlah	12	1,512.3	1,634.4
Ekuiнас Outsourced (Tranche I) Fund	3	74.1	434.8
Jumlah	3	74.1	434.8
Jumlah	15	1,586.4	2,069.1

b. Ringkasan Aktiviti Pelupusan Terkumpul

	Jumlah Bilangan Pelupusan RM juta	Jumlah Terealisasi dari Pelupusan RM juta
2013		
Ekuiнас Direct (Tranche I) Fund	2	409.4
Jumlah	2	409.4
2012		
Ekuiнас Direct (Tranche I) Fund	1	62.0
Jumlah	1	62.0

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2013

4 RINGKASAN PRESTASI DANA (SAMBUNGAN)

c. Ringkasan Prestasi Kewangan

	Pulangan Kasar Portfolio RM juta	Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR)	IRR Bersih
Dana Pelaburan Langsung			
2013			
Ekuias Direct (Tranche I) Fund	655.9	25.5%	20.4%
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	133.0	68.9%	50.4%
2012			
Ekuias Direct (Tranche I) Fund	368.6	27.5%	20.6%
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	27.0	95.8%	83.1%
Dana Penyumberan Luar			
2013			
Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund	12.5	5.0%	2.4%
Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund ¹	–	N/A	N/A
2012			
Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund	(18.3)	-35.2%	-38.4%

¹ Prestasi kewangan untuk Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.

d. Prestasi Objektif Sosial – Gabungan Pelaburan Langsung Dan Penyumberan Luar

	Ekuiti Bumiputera Dicipta		Jumlah Ekuiti Dicipta	
	Nilai RM juta	Gandaan Modal dilaburkan	Nilai RM juta	Gandaan Modal dilaburkan
2013	2,838.2	1.7x	4,087.5	2.5x
2012	1,944.1	1.4x	2,394.1	1.7x

5 EKUITI NASIONAL BERHAD (SYARIKAT PENGURUSAN DANA)

	2013 RM juta	2012 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	2,640.0	2,400.0
Perbelanjaan Operasi (OPEX)	33.8	24.8
Keuntungan selepas Cukai (PAT)	14.6	6.1
Nisbah OPEX kepada FuM	1.3%	1.0%

PRESTASI DANA INDIVIDU

1. Ekuinas Direct (Tranche I) Fund

	2013 RM juta	2012 RM juta
Saiz Dana	1,000.0	1,000.0
Jumlah Pelaburan	10	10
<u>Aktiviti Pelaburan</u>		
Pelaburan Komited yang Dilaksanakan	1,258.2	1,258.2
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	1,380.3	1,380.3
<u>Aktiviti Pelupusan</u>		
Bilangan Pelupusan	2	1
Jumlah Terealisasi	409.4	62.0
<u>Prestasi Kewangan</u>		
(i) Pulangan		
Pulangan Kasar Portfolio	655.9	368.6
Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) (tahunan)	25.5%	27.5%
IRR Bersih (tahunan)	20.4%	20.6%
(ii) Lembaran Imbangan		
Nilai Portfolio	1,461.2	1,436.5
Nilai Aset Bersih	1,264.0	1,467.4

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2013

2 Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

	2013 RM juta	2012 RM juta
Saiz Dana	1,000.0	1,000.0
Jumlah Pelaburan	5	2
<u>Aktiviti Pelaburan</u>		
Pelaburan Komited yang Dilaksanakan	375.2	254.1
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	375.2	254.1
<u>Prestasi kewangan</u>		
(i) Pulangan		
Pulangan Kasar Portfolio	133.0	27.0
Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) (tahunan)	68.9%	95.8%
IRR Bersih (tahunan)	50.4%	83.1%
(ii) Lembaran Imbangan		
Nilai Portfolio	370.1	110.9
Nilai Aset Bersih	302.0	106.8

3 Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

	2013 RM juta	2012 RM juta
Saiz Dana	400.0	400.0
Jumlah Pelaburan	7	3
<u>Aktiviti Pelaburan</u>		
Pelaburan Komited yang Dilaksanakan	179.5	74.1
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	595.0	434.8
<u>Prestasi Kewangan</u>		
(i) Pulangan		
Pulangan Kasar Portfolio	12.5	(18.3)
Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) (tahunan)	5.0%	-35.2%
IRR Bersih (tahunan)	2.4%	-38.4%
(ii) Lembaran Imbangan		
Nilai Portfolio	216.2	71.4
Nilai Aset Bersih	216.2	71.4





4 Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund ¹

	2013 RM juta	2012 RM juta
Saiz Dana	240.0	–
Jumlah Pelaburan	2	–
<u>Aktiviti Pelaburan</u>		
Pelaburan Komited yang Dilaksanakan	20.3	–
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	50.0	–
<u>Prestasi Kewangan</u>		
(i) Pulangan ²		
Pulangan Kasar Portfolio	–	–
Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) (tahunan)	N/A	–
IRR Bersih (tahunan)	N/A	–
(ii) Lembaran Imbangan		
Nilai Portfolio	17.1	–
Nilai Aset Bersih	17.1	–


¹ Tiada perbandingan kerana Dana ditubuhkan pada 2013.

² Prestasi kewangan untuk Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.


SOROTAN KEWANGAN 2010-2013




**PRESTASI DANA -
EQUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND**




**PRESTASI DANA -
EQUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND**



**JUMLAH NILAI EKUITI BUMIPUTERA DAN
PEMEGANG SAHAM LAIN YANG TERCIPTA**



**JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FuM) DAN
NISBAH FuM KEPADA PERBELANJAAN OPERASI**





PERUTUSAN PENGERUSI

Meskipun berdepan dengan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang semakin mencabar serta persaingan sengit daripada firma ekuiti persendirian asing, Ekuinas telah berjaya mencipta nilai berkekalan dalam tahun kewangan 2013. Sememangnya, persaingan di kalangan firma-firma ekuiti persendirian merupakan petanda baik bagi pertumbuhan industri ini di Malaysia dan membuktikan terdapatnya potensi menarik bagi sektor bermodal sederhana di negara ini bagi tujuan pelaburan secara amnya.

PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan sorotan kewangan dan operasi Syarikat untuk tahun 2013.

MENGEKALKAN PENCIPTAAN NILAI

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 (TK2013) menyaksikan ekonomi global yang masih tidak menentu meskipun mempunyai tinjauan yang lebih positif. Menurut *IMF World Economic Outlook* yang dikeluarkan pada bulan Oktober 2013, kebanyakan negara telah mengalami pertumbuhan yang baik sepanjang tahun. Zon Eropah yang menghadapi kegawatan akhirnya mencatatkan pertumbuhan pada suku kedua tahun 2013, setelah mengharungi kemelesetan ekonomi yang panjang, manakala Amerika Syarikat pula terus mengekalkan pemulihan ekonomi secara perlahan.

Negara-negara yang sedang pesat membangun terus menjadi pemacu bagi pertumbuhan ekonomi. Negara-negara ASEAN-5, yang terdiri dari Malaysia, Indonesia, Filipina, Vietnam dan Thailand, mencapai pertumbuhan yang stabil, disokong pula oleh permintaan dalam negeri yang kukuh khususnya di Malaysia dan Filipina.

Malaysia terus menunjukkan prestasi kukuh dari segi ekonomi di mana Bank Negara Malaysia telah mengumumkan pertumbuhan tahunan sebanyak 5.0% bagi negara ini pada tahun 2013. Kesan negatif dari sektor luar dapat dikurangkan dengan permintaan domestik yang kukuh, yang mana sebahagian besarnya didorong oleh sektor Pembinaan dan Perkhidmatan sebagai impak positif daripada inisiatif Program Transformasi Ekonomi (ETP) Kerajaan.

Tahun 2013 juga merupakan tahun yang penting apabila Pilihan Raya Umum ke-13 telah diadakan. Ia mendominasi separuh pertama tahun ini dan merupakan satu petanda baik dalam menyediakan kestabilan politik yang berterusan untuk negara.

Prospek ekonomi global dan domestik yang lebih positif, bagaimanapun, memberi kesan negatif kepada intuisi pelaburan ekuiti persendirian. Ini ekoran daripada peningkatan nilai aset yang ketara didorong oleh peningkatan pasaran saham dan harapan serta jangkaan yang tinggi daripada para pemilik perniagaan.

Bagi Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), TK2013 merupakan satu lagi tahun yang penuh bermakna, di mana kami telah mencapai beberapa kejayaan penting yang seterusnya akan menjadi asas kukuh dalam membangunkan lagi penyertaan mapan ekuiti Bumiputera dalam mengembangkan sektor perusahaan sederhana di negara ini.

Lebih penting lagi, meskipun berdepan dengan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang semakin mencabar serta persaingan sengit daripada firma ekuiti persendirian asing, Ekuinas masih mampu berjaya mencipta nilai yang berkekalan dalam tahun kewangan 2013. Sememangnya, persaingan di kalangan firma-firma ekuiti persendirian merupakan petanda baik bagi pertumbuhan industri ini di Malaysia dan membuktikan terdapatnya potensi menarik bagi sektor bermodal sederhana di negara ini untuk tujuan pelaburan secara amnya.

Pada tahun ini, Ekuinas telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM600.0 juta daripada Kerajaan dan ini menjadikan jumlah peruntukan diterima sejak penubuhannya pada tahun 2009 kepada RM2.4 bilion. Jumlah ini mewakili lebih 48.0% daripada dana RM5.0 bilion yang telah diperuntukkan kepada Ekuinas di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan ke-10.

Satu lagi dana telah ditubuhkan pada tahun 2013, iaitu Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund, dengan peruntukan komited sebanyak RM240.0 juta yang akan diagihkan kepada pengurus dana pihak ketiga dilantik untuk membuat pelaburan bagi pihak Ekuinas.

Dalam suasana peningkatan harga aset yang semakin tinggi, Ekuinas memilih untuk kekal berdisiplin dan fokus dalam melaksanakan pelaburannya bagi memastikan pencapaian objektif kewangannya menerusi penyeimbangan profil ganjaran dan risiko. Oleh yang demikian, pada tahun kewangan 2013, Ekuinas telah melaksanakan sebanyak sembilan (9) pelaburan secara langsung dan melalui penyumberan luar dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM246.8 juta. Walaupun ini adalah jauh lebih rendah daripada kadar pelaburan yang telah dilaksanakan pada tahun-tahun sebelumnya, pelaburan pada tahun 2013 menjadikan jumlah pelaburan komited Ekuinas meningkat kepada RM1.8 bilion sejak ia ditubuhkan. Seterusnya, melalui kerjasama dengan pihak pelabur persendirian, jumlah kemasukan modal ekonomi ke dalam negara adalah melebihi RM2.4 bilion yang telah memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia.

Lembaga Pengarah amat gembira dengan prestasi Ekuinas Direct (Tranche I) Fund, dana yang telah dilaburkan sepenuhnya, kerana berjaya mencapai pulangan kasar portfolio sebanyak RM655.9 juta bagi TK2013 (2012: RM368.6 juta). Ini bersamaan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar sebanyak 25.5% setahun (2012: 27.5%) dan IRR bersih 20.4% setahun (2012: 20.6%), yang mengukuhkan rekod kebanggaan Ekuinas sejak penubuhannya dalam menyampaikan pulangan melebihi sasaran minimum pulangan tahunan jangka panjang Syarikat sebanyak 12% dan sasaran aspirasi sebanyak 20%.

MEMPERLUASKAN PORTFOLIO KAMI DAN MENCORAK PENERAJU PASARAN

Dalam perjalanan menghampiri ulang tahun kelima penubuhan Ekuinas, syarikat di bawah portfolio kami giat dibentuk dan dipersiapkan untuk muncul sebagai peneraju pasaran generasi akan datang.

Ekuinas memuktamadkan tiga pelaburan langsung pada tahun 2013 dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM121.1 juta. Ini termasuk pelaburan sulung Syarikat di dalam sektor pembuatan makanan halal yang menjanjikan keuntungan; melalui perolehan di dalam PrimaBaguz Sdn. Bhd., syarikat pemprosesan daging halal premium terkemuka di Malaysia. Pertumbuhan industri makanan halal di peringkat global yang semakin meningkat merupakan petanda baik bagi PrimaBaguz, yang juga mempunyai potensi untuk memanfaatkan sinergi penting sedia ada di antara syarikat portfolio makanan dan minuman Ekuinas (F&B) di bawah Integrated Food Group Sdn Bhd (IFG).

PERUTUSAN Pengerusi

Dua pelaburan lagi pada tahun 2013 adalah pelaburan tambahan, yang juga dikenali sebagai pelaburan "bolt-on", di dalam syarikat portfolio sedia ada. Ekuinas melaksanakan pelaburan tambahan untuk mengukuhkan pemilikan IFG ke atas Cosmo Restaurants Sdn Bhd, pemilik francais Burger King Malaysia dan juga untuk memperluaskan secara agresif rangkaian restoran BURGER KING®. Kami juga memperluaskan lagi kumpulan pendidikan kami, kini dikenali sebagai ILMU Education Group (ILMU), untuk memperoleh APIIT Lanka Pvt. Ltd., sebuah syarikat penyedia pendidikan swasta di Sri Lanka, sebagai sebahagian daripada strategi untuk memperluaskan lagi jejak ILMU di peringkat serantau.

MEMENUHI OBJEKTIF KEWANGAN DAN SOSIAL MELALUI PELUPUSAN UTAMA YANG PERTAMA

Tahun kewangan yang baharu berakhir juga menyaksikan penjualan ekuiti majoriti yang pertama Ekuinas dalam Konsortium Logistik Berhad (KLB) yang diperoleh pada 2010. Pelupusan ini telah menghasilkan keuntungan bersih sebanyak RM106.4 juta atau gandaan pulangan sebanyak 1.5 kali ganda daripada modal yang dilaburkan.

Selain daripada mencapai objektif kewangan, pelaburan dalam KLB turut meningkatkan ekuiti Bumiputera, termasuk menyediakan keuntungan modal bagi pihak pengurusan dan kakitangan KLB menerusi skim opsyen saham kakitangan yang diperkenalkan. Tambahan lagi, sepanjang tempoh pemilikan Ekuinas, KLB juga telah meningkatkan bilangan kakitangan sebanyak 25% iaitu melebihi 1,400 orang.

Pendek kata, pelaburan dalam KLB telah berjaya mencapai kedua-dua objektif kewangan dan sosial dan kami berharap dapat mengulangi kejayaan ini dalam semua aktiviti pelupusan pelaburan kami yang lain.

MENGUKUHKAN OPERASI DAN MENINGKATKAN PRESTASI

Pelaksanaan inisiatif penciptaan nilai kami telah menunjukkan peningkatan yang ketara di seluruh portfolio kami. Ekuinas berada di landasan yang tepat untuk melahirkan peneraju industri pada masa hadapan dengan menyediakan platform yang kukuh untuk syarikat-syarikat portfolio kami, yang mana majoritinya tertumpu kepada tiga sektor: Minyak dan Gas (O&G), Pendidikan serta Makanan dan Minuman (F&B).

Di sebalik cabaran yang dihadapi untuk mencapai pertumbuhan secara organik pada tahun 2013, syarikat-syarikat portfolio Ekuinas terus meningkatkan hasil dan pendapatannya. Kami yakin prestasi operasi syarikat-syarikat portfolio kami akan bertambah baik dalam masa jangka pendek dan sederhana apabila impak daripada inisiatif Pelan Penciptaan Nilai tercapai.

Secara khususnya, kami teruja dengan prospek cadangan Tawaran Awam Awal (IPO) bagi Icon Offshore Berhad, yang telah mengukuhkan kedudukannya sebagai syarikat ketiga terbesar bagi penyedia perkhidmatan kapal sokongan luar pesisir di negara ini. Ini akan menandakan aktiviti penyenaaraihan pertama bagi syarikat portfolio Ekuinas dan segala usaha kini tertumpu dalam memastikan kejayaannya.

Pelaburan kami dalam sektor Pendidikan telah membuahkan hasil di mana ILMU kini muncul sebagai salah sebuah kumpulan pendidikan swasta terbesar di Malaysia. Di samping mengembangkan sayapnya ke peringkat serantau melalui pelaburan dalam APIIT Lanka, ILMU kini mempunyai gabungan populasi pelajar sebanyak 28,000 orang di keseluruhan tujuh institusi pendidikannya.

Dalam sektor F&B pula, khususnya segmen peruncitan, IFG Ekuinas terus berkembang dan kini mempunyai lebih daripada 170 cawangan restoran di seluruh rantau ini menerusi jenama global dan tempatan seperti BURGER KING®, Manhattan Fish Market, Tony Roma's dan San Francisco Coffee.

MEMBANGUN INDUSTRI EKUITI PERSendirian DI MALAYSIA

Industri ekuiti persendirian Malaysia masih di peringkat awal pertumbuhan. Lembaga Pengarah Ekuinas bersama-sama dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) bersetuju bahawa Program Penyumberan Luar Ekuinas melalui fasa keduanya, Tranche II akan memberi fokus khusus untuk membantu membangunkan syarikat ekuiti persendirian tempatan di negara ini.

Dalam memainkan peranan ini, Ekuinas telah memilih empat Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) di bawah Tranche II dan seorang pengganti pengurus bagi Tranche I pada September 2013 untuk membantu syarikat-syarikat bersaiz sederhana yang berpotensi tinggi mengukuhkan operasi mereka dan berkembang ke peringkat seterusnya. Ini menjadikan jumlah dana tersedia untuk pelaburan di bawah Program Penyumberan Luar Ekuinas berjumlah sebanyak RM927.0 juta.

Kami merasa sukacita kerana TK2013 terbukti merupakan tahun yang lebih baik bagi Program Penyumberan Luar dengan pertambahan bilangan pelaburan yang dilaksanakan. Portfolio pelaburan bagi Program Penyumberan Luar Ekuinas kini telah berkembang kepada sejumlah sembilan (9) syarikat Malaysia dalam sektor pertumbuhan tinggi seperti Pendidikan, Barangan Pengguna Laris (FMCG), Peruncitan dan Percutian, dan Perkhidmatan, dan kami berharap dapat menambahkan lagi bilangan pelaburan pada tahun akan datang.

MERAH IMPAK SOSIAL MELALUI DISIPLIN KEWANGAN

Sebagai syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, pencapaian objektif kewangan perlu dilakukan seiring dengan pencapaian objektif sosial.

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa pada tahun kewangan 2013, Ekuinas telah berjaya meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM2.8 bilion bersamaan 1.7 kali ganda jumlah modal yang dilabur (2012: RM1.9 bilion, 1.4 kali ganda jumlah modal yang dilabur).

Pada masa yang sama, nilai jumlah ekuiti untuk semua pemegang saham syarikat-syarikat portfolio juga telah meningkat kepada RM4.1 bilion atau 2.5 kali ganda daripada modal yang dilaburkan (2012: RM2.4 bilion, 1.7 kali ganda jumlah modal yang dilabur).

Ekuinas telah berjaya meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM2.8 bilion, bersamaan 1.7 kali ganda jumlah modal yang dilabur.

Ini merupakan bukti jelas bahawa melalui pendekatan pelaburan ekuiti persendirian Ekuinas, masyarakat Bumiputera serta seluruh rakyat Malaysia akan mendapat manfaat daripada pelaburan Syarikat. Ini membantu ke arah mencapai Model Baru Ekonomi (MBE) yang lebih inklusif seperti yang dihasratkan oleh Kerajaan.

Dari segi meningkatkan bilangan bakat berkebolehan, jumlah pengurus dan bilangan kakitangan di kesemua syarikat portfolio Ekuinas kini masing-masing berjumlah 201 dan 9,336 orang pada akhir TK2013, di mana masing-masing 40.8% dan 56.4% ialah Bumiputera. Ini mewakili peningkatan masing-masing sebanyak 12.3% dan 17.1% bagi bilangan pengurus dan kakitangan Bumiputera sejak kemasukan Ekuinas di dalam syarikat.

Di masa hadapan, Ekuinas berharap untuk mengukuhkan lagi pencapaian objektif sosialnya seiring dengan pertumbuhan agresif portfolio pelaburannya.

BERSIAP SEDIA UNTUK PENINGKATAN PENCIPTAAN NILAI TRANSFORMATIF

Tahun 2014 menandakan tahun kelima Ekuinas dan tidak lama lagi Ekuinas akan berada di peringkat terakhir bagi dana yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-10. Dengan pengumuman Rancangan Malaysia ke-11 yang bakal dilaksanakan, adalah menjadi harapan kami supaya Ekuinas akan terus dikenalpasti sebagai salah satu instrumen yang dapat menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara. Ini akan dilaksanakan menerusi pelaburan yang berasaskan merit, telus dan mesra pasaran dan pada masa yang sama mencontohi amalan terbaik ekuiti persendirian global terkemuka untuk mencapai prestasi yang diharapkan.

Penciptaan nilai transformatif akan kekal sebagai teras utama kami dalam usaha membentuk pemimpin masa hadapan. Oleh yang demikian, impak pelaburan ekuiti persendirian Ekuinas diharap akan memperkemas dan merangsang penyertaan ekonomi Bumiputera dalam cara yang saksama, yang seterusnya akan turut memberi manfaat kepada semua rakyat Malaysia, serta berkekalan untuk tempoh jangka panjang bagi manfaat generasi akan datang.

Tertakluk kepada dana daripada pihak Kerajaan, Ekuinas berharap untuk melaksanakan pelaburan tambahan sebanyak RM650.0 juta, di mana RM500.0 juta akan diperuntukkan di bawah Pelaburan Langsung dan RM150 juta bagi Program Penyumberan Luar pada tahun hadapan. Kami berharap dapat merealisasikan nilai bagi Pelaburan Langsung kami di bawah Tranche I dan menjangkakan bahawa sebahagian besar daripada dana Ekuinas Direct (Tranche II) Fund akan dilaburkan sepenuhnya menjelang akhir tahun.

PENGHARGAAN

Bagi pihak rakan-rakan Pengarah di dalam Lembaga Pengarah Ekuinas, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pemegang-pemegang amanah Lembaga Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) kerana terus mempercayai Ekuinas dengan mandat yang sungguh bermakna iaitu memperkasakan Bumiputera melalui pendekatan pelaburan Ekuiti Persendirian. Dalam TK2013, terdapat perubahan dari segi komposisi pemegang amanah di dalam Lembaga YEN, ekoran persaraan mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berbahagia Tan Sri Nor Mohamed Yacop, yang telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Ekuinas. Beliau telah digantikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, yang membawa bersama beliau pengalaman yang berharga daripada sektor swasta.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan Ekuinas, saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada Tan Sri Nor di atas kebijaksanaan, bimbingan dan nasihat beliau, dan mengharapkan semoga beliau terus berjaya di Khazanah Nasional Berhad. Kami juga ingin mengucapkan selamat datang kepada Dato' Sri Abdul Wahid dan bersedia untuk bekerjasama dengan beliau untuk membawa Ekuinas ke peringkat seterusnya.

Kepada rakan-rakan Pengarah di dalam Lembaga Pengarah Ekuinas, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana terus memberikan pandangan dan perspektif yang tidak ternilai semasa mesyuarat dan perbincangan kami.

Saya turut ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada pihak-pihak berkepentingan dan rakan kongsi perniagaan, terutama kumpulan pengurusan dan kakitangan syarikat-syarikat portfolio kami. Marilah kita terus bekerjasama untuk mencapai matlamat penciptaan nilai seperti yang dirancang.

Dan sekali lagi untuk tahun ini, kumpulan Ekuinas telah membuktikan bahawa dengan gabungan semangat dan komitmen serta dedikasi yang tinggi, ia ternyata boleh menghasilkan keputusan yang positif. Bagi pihak rakan-rakan saya dalam Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kumpulan Ekuinas dan merakamkan penghargaan ikhlas Lembaga Pengarah kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Abdul Rahman Ahmad dan Pengurusan Kanan beliau kerana berjaya mengemudi Syarikat mengharungi pelbagai cabaran yang dihadapi dalam tahun 2013 bagi memenuhi objektif kewangan dan sosial yang ditetapkan.

Saya berharap dapat menyaksikan semangat dan komitmen yang sama untuk terus berjaya dalam perjalanan Ekuinas di masa akan datang.

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN RAJA TUN UDA
Pengerusi

A professional portrait of a middle-aged man with glasses, wearing a dark suit, white shirt, and a blue and pink striped tie. He is smiling and has his hands clasped in front of him. The background is a dark, textured grey.

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pada tahun kewangan 2013, Ekuinas telah melipatgandakan usaha-usaha untuk mengukuhkan operasi syarikat-syarikat portfolio kami dengan melaksanakan pelan penciptaan nilai dalam usaha membentuk syarikat-syarikat ini agar menjadi peneraju industri di masa hadapan. Ketika Ekuinas mengorak langkah ke dalam tahun kelima operasinya, kami juga telah beralih ke fasa merealisasikan nilai pelaburan kami di dalam syarikat-syarikat ini, sesuai dengan transformasi mereka untuk menjadi syarikat peneraju terkemuka Malaysia.

2013 – MEREALISASIKAN PENCIPTAAN NILAI KESELURUHAN PORTFOLIO

Ekuinas sentiasa berusaha menjadi yang terbaik setaraf dengan firma-firma ekuiti persendirian (PE) terkemuka di seluruh dunia. Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan yang unik, peranan Ekuinas untuk mewujudkan satu generasi baharu syarikat-syarikat terkemuka Malaysia melalui pendekatan ekuiti persendirian semakin mendapat perhatian serta pengiktirafan di kalangan komuniti perniagaan.

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 (TK2013) merupakan satu lagi tahun yang menarik dan transformatif bagi Ekuinas, walaupun hasilnya dilihat agak bercampur-aduk. Jumlah kadar pelaburan yang dijalankan sepanjang tahun menurun dengan ketara biarpun setelah banyak usaha dijalankan untuk mendapatkan urusniaga baru. Ini kerana persekitaran pelaburan yang semakin mencabar disebabkan peningkatan nilai aset dan jangkaan pemilik perniagaan yang tinggi.

Dalam tahun kewangan 2013, Ekuinas telah melipatgandakan usaha-usaha untuk mengukuhkan operasi syarikat-syarikat portfolio kami dengan melaksanakan pelan penciptaan nilai dalam usaha membentuk syarikat-syarikat ini agar menjadi peneraju industri di masa hadapan. Ketika Ekuinas mengorak langkah ke dalam tahun kelima operasinya, kami juga telah beralih ke fasa merealisasikan nilai pelaburan kami dalam syarikat-syarikat ini, sesuai dengan transformasi mereka untuk menjadi syarikat peneraju terkemuka di Malaysia.

Hasil daripada usaha-usaha penciptaan nilai ini adalah **sangat memuaskan**, kerana sekali lagi Ekuinas telah **mencapai lebih daripada sasaran prestasi dana** yang ditetapkan serta mencapai kemajuan yang besar dalam objektif sosial kami.

PENINGKATAN AKTIVITI DANA

Pada TK2013, Kerajaan terus menyokong teguh Ekuinas dengan memperuntukkan RM600.0 juta setahun bagi memastikan lebih banyak syarikat Malaysia mendapat manfaat daripada pelaburan ekuiti persendirian. Ini menjadikan jumlah yang disalurkan kepada Ekuinas pada akhir tahun kepada RM2.4 bilion, bersamaan 48.0% daripada jumlah RM5.0 bilion yang diperuntukkan oleh Kerajaan.

Dengan pengagihan sepenuhnya dana sulung Ekuinas iaitu Ekuinas Direct (Tranche I) Fund pada Oktober 2012, dana keduanya - Ekuinas Direct (Tranche II) Fund yang ditubuhkan dengan jumlah modal komited sebanyak RM1.0 bilion telah dilaburkan dan mengakhiri tahun ini dengan pelaburan komited sebanyak 37.5% daripada jumlah dana tersebut.

Ekuinas juga telah mengembangkan Program Penyumberan Luarnya dengan mewujudkan dana baharu, Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund di mana tambahan dana sebanyak RM240.0 juta telah diperuntukkan kepada pengurus dana ekuiti persendirian tempatan.

Dengan ini, Ekuinas kini mengendalikan empat dana, dua dana Pelaburan Langsung dan dua Dana Penyumberan Luar dengan jumlah modal komited sebanyak RM2.6 bilion.

Meskipun menghadapi pelbagai cabaran, sembilan pelaburan baharu telah berjaya dilaksanakan dengan modal komited berjumlah RM246.8 juta yang terdiri daripada pelaburan secara langsung serta pelaburan yang dilaksanakan melalui Pengurus Dana Penyumberan Luar kami (OFM).

Sehingga kini, Ekuinas telah melaksanakan 24 pelaburan komited berjumlah kira-kira RM1.8 bilion dan bersama-sama dengan modal swasta, Ekuinas telah berjaya membantu kemasukan modal sebanyak RM2.4 bilion ke dalam ekonomi negara yang memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia.

- BILANGAN PELABURAN KOMITED SEHINGGA KINI **24 SYARIKAT**
- JUMLAH NILAI PELABURAN KOMITED **RM1.8 BILION**
- JUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA, BERSAMA-SAMA RAKAN PELABUR SWASTA **RM2.4 BILION**

MEMANFAATKAN KEUTUHAN DALAM SEKTOR TUMPUAN MELALUI PELABURAN LANGSUNG

Setelah melalui tahun yang aktif pada 2012, aktiviti pelaburan langsung menjadi perlahan dengan ketara dalam tahun 2013 meskipun kumpulan pelaburan kami telah menjalankan banyak penilaian ke atas cadangan perniagaan yang diterima. Dengan tumpuan pelaburan ke atas strategi memperluaskan pelaburan dalam sektor tumpuan kami iaitu Pendidikan, Peruncitan & Percutian, Minyak & Gas, Barangan Pengguna Laris (FMCG), Perkhidmatan dan Medikal, tiga pelaburan baharu berjaya dilaksanakan dengan jumlah modal komited sebanyak RM121.1 juta.

Dua daripada pelaburan tersebut merupakan pelaburan-pelaburan susulan di dalam Integrated Food Group (IFG) dan Ilmu Education Group (ILMU), kumpulan F&B dan Pendidikan Ekuinas. Ini selaras dengan pendekatan kami untuk membina pelaburan transformatif melalui apa yang diistilahkan dalam ekuiti persendirian sebagai “Strategi Beli dan Bina” di mana kami melaksanakan pelaburan *bolt-on* dalam industri yang sama untuk membantu memacu penggabungan dan membina skala dalam syarikat-syarikat portfolio dengan kadar yang lebih cepat.

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sejumlah RM48.8 juta telah diperuntukkan kepada IFG, bagi membolehkan ia memperoleh kepentingan tambahan dan menyuntik modal baharu ke dalam Cosmo Restaurants Sdn Bhd (BKM), pemegang francais Malaysia untuk BURGER KING® dan seterusnya menambah bilangan restoran BKM. Pelaburan awal Ekuinas di BKM telah dilaksanakan pada September 2011 dan ia telah berkembang pesat dari hanya 24 cawangan kepada 45 cawangan menjelang akhir tahun 2013. Berbekalkan modal tambahan ini, BKM berharap untuk mencecah sasaran 100 cawangan di seluruh Malaysia menjelang 2016.

Pelaburan tambahan juga membawa jumlah pelaburan komited dalam portfolio F&B kepada RM289.8 juta, bersamaan 17.7% daripada jumlah portfolio pelaburan langsung Ekuinas.

Walaupun kami sentiasa menyedari bahawa tempoh matang bagi pelaburan F&B akan memakan sedikit masa, dengan pemilikannya dalam BKM, BURGER KING® Singapore, Manhattan Fish Market, Tony Roma's, Popeye's Singapura dan San Francisco Coffee, IFG kini sudah mempunyai lebih 170 kedai yang beroperasi di seluruh rantau ini dengan gabungan hasil berjumlah RM420.0 juta untuk tahun 2013. Ini mewakili pertumbuhan kukuh pembukaan cawangan dan peningkatan pendapatan masing-masing sebanyak 19.3% dan 10.1% berbanding tahun lalu, di mana ini mencerminkan kemajuan besar buat kumpulan F&B ini.

Ekuinas juga telah melaksanakan satu lagi pelaburan *bolt-on* berjumlah RM32.3 juta dalam ILMU untuk memperoleh sehingga 76.5% kepentingan efektif dalam APIIT Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka). APIIT Lanka adalah salah sebuah penyedia pendidikan tinggi swasta yang terkemuka di Sri Lanka dengan lebih daripada 1,000 pelajar berdaftar. Kolej ini menawarkan ijazah serta kelayakan lekatan ijazah yang dianugerahkan oleh Staffordshire University, United Kingdom, merentasi pelbagai bidang disiplin termasuk Perniagaan, Pengkomputeran, dan Undang-undang, serta mempunyai kerjasama rapat dengan Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), sebuah syarikat portfolio sedia ada Ekuinas.

Pelaburan ini memanjangkan jejak ILMU ke luar Malaysia, selaras dengan visi untuk menjadi sebuah kumpulan pelaburan pendidikan serantau. Dengan pelaburan dalam APU dan Asia Pacific Smart Schools, UNITAR International University, Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint, serta APIIT Lanka, ILMU kini secara kolektifnya mempunyai lebih daripada 28,000 pelajar berdaftar dan pendapatan mencapai lebih daripada RM296.2 juta untuk TK2013.

Dengan sejumlah RM438.8 juta yang telah dilaburkan sehingga kini, bersamaan 26.9% daripada jumlah portfolio Pelaburan Langsung Ekuinas, kami menjangkakan bahawa kumpulan Pendidikan ini akan kekal sebagai tunggak strategi pelaburan kami di masa hadapan.

JUMLAH PELABURAN
KOMITED DALAM
SEKTOR PERUNCITAN – F&B
RM289.8 JUTA



JUMLAH PELABURAN KOMITED
DALAM SEKTOR PENDIDIKAN
RM438.8 JUTA

Pelaburan terakhir Ekuinas pada tahun ini ialah perolehan sebanyak 100.0% ekuiti di dalam PrimaBaguz Sdn Bhd (Primabaguz), dengan jumlah pelaburan sebanyak RM40.0 juta yang menandakan penyertaan pertama kami ke dalam sektor Pembuatan Makanan. PrimaBaguz adalah syarikat pemprosesan daging halal premium terkemuka berpotensi tinggi yang menyediakan perkhidmatan kepada restoran perkhidmatan segera (QSR) dan juga industri hotel, resort dan catering (HORECA).

Pelaburan kami dalam PrimaBaguz membolehkan kami mengambil bahagian dalam industri pemprosesan makanan halal tempatan yang sedang berkembang pesat bernilai kira-kira RM13.4 bilion. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pengeluaran makanan halal global. Selain itu, ia memberikan Ekuinas peluang untuk memanfaatkan sinergi berpotensi yang signifikan antara PrimaBaguz dan syarikat-syarikat portfolio F&B sedia ada seperti BURGER KING® Malaysia dan Singapura, Tony Roma's dan San Francisco Coffee.

Kami berharap untuk membina dan mengembangkan lagi pelaburan di dalam sektor pembuatan makanan serta segmen pembuatan lain yang kini sedang berkembang pesat.

Walaupun bilangan pelaburan yang dilaksanakan pada tahun ini kurang berbanding tahun-tahun sebelumnya, kami dengan sukacita menyatakan bahawa syarikat-syarikat portfolio Pelaburan Langsung Ekuinas kini adalah sebanyak 15 syarikat dengan pelaburan komited berjumlah lebih daripada RM1.6 bilion.

MELANGKAH KE FASA PELUPUSAN DAN MEREALISASI NILAI PELABURAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian, Ekuinas telah dimandatkan dari awal untuk mempunyai dasar graduasi di mana Ekuinas perlu melupuskan pelaburannya selepas mencipta nilai transformatif dalam syarikat-syarikat portfolio. Selepas empat tahun beroperasi, kami memulakan fasa graduasi kami dengan menjalankan pelupusan utama pertama melalui penjualan kepentingan sebanyak 61.6% dalam Konsortium



Logistik Berhad (KLB) kepada KL Airport Services Sdn Bhd (KLAS), anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM).

Keputusan untuk melupuskan pelaburan dibuat selepas Ekuinas menjalankan satu proses jualan menyeluruh yang dibantu oleh sebuah bank pelaburan global terkemuka. Ini telah menarik minat serius daripada lebih lima kumpulan

logistik domestik dan serantau. DRB-HICOM akhirnya dipilih selepas ia mengemukakan tawaran terbaik dari segi harga, padanan strategik dan kemampanan matlamat sosial.

Memandangkan keadaan industri logistik Malaysia sangat berfragmentasi dan berdaya saing tinggi, penjualan KLB merupakan satu kejayaan komersil bagi Ekuinas. Dengan hasil penjualan sebanyak RM241.0 juta yang telah diterima, bersama-sama dengan dividen terkumpul, jualan ini menjana jumlah pulangan kasar portfolio sebanyak RM106.4 juta, bersamaan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar Ekuinas sebanyak 19.4% setahun atau 1.5 kali ganda modal dilabur oleh Ekuinas.



Di bawah pemilikan Ekuinas, KLB telah berjaya melaksanakan pelan penciptaan nilai menerusi pelan jualan aset bukan teras dan melebarkan operasi ke sektor baru seperti O&G dan FMCG.

Pelaburan dalam KLB juga menyumbang kepada objektif sosial Ekuinas. Melalui pelaburan Ekuinas, ekuiti Bumiputera telah meningkat sebanyak RM403.2 juta atau 1.7 kali ganda modal dilabur Ekuinas, termasuk menjana keuntungan ekuiti sebanyak RM4.7 juta kepada Pengurusan dan kakitangan KLB melalui skim opsyen saham yang ditubuhkan dengan bantuan Ekuinas.

Bilangan kakitangan Bumiputera dan jumlah keseluruhan kakitangan di KLB juga meningkat masing-masing sebanyak 25% dan 21% sejak kemasukan Ekuinas dan semasa penjualan kepentingan Ekuinas, KLB menggaji lebih daripada 1,400 kakitangan, di mana 91% daripadanya adalah Bumiputera.

Namun begitu, apa yang lebih penting adalah kami gembira dapat menempatkan KLB di kediaman barunya yang dirasakan amat tepat. Kedudukan DRB-HICOM sebagai konglomerat Bumiputera terkemuka yang juga memiliki kepentingan dalam Pos Malaysia Berhad dan PROTON Holdings Berhad, menyediakan KLB sinergi penting dan akan membantu KLB melengkapkan transformasinya menjadi salah sebuah kumpulan logistik bersepadu terbesar di Malaysia. Tambahan lagi, DRB-HICOM bukan sahaja mempunyai platform, sumber dan keupayaan keusahawanan yang diperlukan untuk membawa KLB kepada fasa pertumbuhan seterusnya, tetapi juga turut menyediakan kesinambungan dari segi pemilikan Bumiputera.

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PELABURAN TRANSFORMATIF MERINTIS JALAN UNTUK MENCORAK PENERAJU PASARAN - ICON OFFSHORE BERSEDIA UNTUK DISENARAIKAN

Berlandaskan pencapaian tahun kewangan sebelumnya apabila Ekuinas berjaya mewujudkan tiga kumpulan industri utama dalam sektor Pendidikan, F&B dan O&G, tahun kewangan 2013 menyaksikan peningkatan tumpuan, masa dan sumber dilaburkan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan pelan penciptaan nilai bagi setiap syarikat portfolio. Kumpulan pengurusan bagi syarikat-syarikat portfolio bekerja keras bersama kumpulan pelaburan kami untuk memperkembangkan pendapatan secara agresif dan meningkatkan lagi produktiviti, dengan matlamat utama untuk memenuhi potensi mereka menjadi peneraju baharu pasaran.

Kejayaan pelaksanaan strategi ini dapat dilihat melalui Icon Offshore Berhad (Icon Offshore). Syarikat yang ditubuhkan berikutan penggabungan dua syarikat portfolio O&G Ekuinas, Tanjung Kapal Services Sdn Bhd dan OMNI Petromaritime Sdn Bhd, telah berjaya menubuhkan reputasi dan nama yang kukuh dalam industri. Icon Offshore kini merupakan syarikat OSV ketiga terbesar di Malaysia dengan 32 buah kapal luar pesisir merangkumi kapal Handling Tug/Supply (AHT/S), Straight Supply Vessels (SSV) dan Platform Supply Vessels (PSV).

Dengan jumlah aset melebihi RM1.0 bilion, Icon Offshore berkembang kukuh dalam TK2013 dengan pendapatan dan keuntungan bersih (tidak termasuk barangan berulang) masing-masing sebanyak 14.8% dan 38.2% kepada RM334.9 juta dan RM89.6 juta. Ini dipacu oleh pelaburan dalam kapal-kapal baharu dan juga kadar penggunaan yang lebih tinggi dalam aktiviti Eksplorasi & Pengeluaran (E&P) Malaysia yang semakin meningkat. Dengan keputusan yang memberangsangkan ini, kami gembira melaporkan bahawa kami berada di landasan yang tepat untuk melaksanakan pelan Tawaran Awam Awal (IPO) bagi Icon Offshore yang dijadualkan berlangsung pada tahun 2014.

Pelaburan dalam sektor O&G melalui Icon Offshore mewakili pelaburan terbesar di bawah portfolio Ekuinas sebanyak RM484.1 juta bersamaan 29.6% daripada jumlah pelaburan komited Syarikat setakat ini.

JUMLAH PELABURAN KOMITED
DALAM SEKTOR O&G
RM484.1 JUTA





USAHA PENCIPTAAN NILAI STRATEGIK MEMBUAHKAN HASIL

Secara ringkasnya, usaha giat pasukan kami yang dilaksanakan secara konsisten di seluruh syarikat-syarikat portfolio sepanjang TK2013 terus membuahkan hasil yang positif dan membolehkan kami sekali lagi membentangkan prestasi dana yang kukuh pada tahun ini.

Ekuinas Direct (Tranche I) Fund mencapai pulangan kasar portfolio terkumpul sebanyak RM655.9 juta bagi TK2013, naik 77.9% daripada RM368.6 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelumnya. Ini bersamaan dengan Kadar Pulangan Dalam (IRR) kasar dan IRR bersih masing-masing sebanyak 25.5% dan 20.4% setahun, mengekalkan prestasi kukuh yang dicapai dalam tahun 2012.

Seperti yang ditekankan di awal penubuhan Ekuinas, dalam ekuiti persendirian, prestasi sebenar dana hanya akan dapat diukur dengan sempurna selepas kematangan dana yang mengambil tempoh 3 hingga 5 tahun. Oleh itu, kami gembira kerana berjaya mencapai prestasi kukuh bagi tahun keempat operasi kami, yang melebihi sasaran prestasi dalaman yang telah ditetapkan. Lebih mengujakan lagi, prestasi kewangan ini setanding dengan, malah lebih baik, daripada pulangan pasaran yang dicapai oleh dana ekuiti persendirian pasaran baharu muncul, meskipun Ekuinas mempunyai kekangan tumpuan pelaburan di dalam negara sahaja.

Sementara itu, Ekuinas Direct (Tranche II) Fund juga turut mencapai IRR kasar dan IRR bersih masing-masing sebanyak 68.9% dan 50.4%. Walaupun begitu, kami percaya terlalu awal untuk menilai prestasi dana ini kerana ia masih di peringkat permulaan dalam kitaran pelaburannya. Namun, kami berharap supaya Ekuinas Direct (Tranche II) Fund dapat memanfaatkan permulaan yang kukuh dan akan dilaburkan dengan jayanya pada akhir tahun 2014, walaupun persekitaran pelaburan adalah sangat mencabar.

Lebih menggembirakan lagi, selepas tahun 2012 yang begitu mencabar, prestasi operasi syarikat-syarikat portfolio kami telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan. Bagi TK2013, syarikat-syarikat portfolio Ekuinas secara kolektif menunjukkan peningkatan hasil yang kukuh sebanyak 6.2% daripada RM1.4 bilion pada tahun kewangan 2012 kepada RM1.5 bilion dalam TK2013.

Pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA), juga bertambah baik sebanyak 4.1% kepada RM375.5 juta, didorong oleh prestasi kukuh Icon Offshore, Kumpulan Revenue Valley dan prestasi yang lebih baik oleh BKM. Namun demikian, ini telah diimbangi oleh prestasi lemah oleh Kumpulan Cosmopoint dan Burger King Singapore.

Kami yakin bahawa dengan pelbagai strategi yang dirancang dan aktiviti yang sedang dijalankan, syarikat-syarikat ini akan dapat mencapai prestasi yang lebih kukuh pada tahun akan datang.

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PELANCARAN TRANCHE KEDUA PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

Program Penyumberan Luar juga terus berkembang dengan pelantikan empat lagi Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) di bawah Tranche II apabila ia ditubuhkan pada September 2013. Peruntukan awal sebanyak RM400.0 juta bagi Tranche I Program Penyumberan Luar kini telah berkembang kepada RM640.0 juta, dengan peruntukan tambahan sebanyak RM240.0 juta untuk Tranche II.

Ini menjadikan jumlah modal yang disediakan untuk pelaburan di bawah Program Penyumberan Luar mencapai kira-kira RM927.0 juta pada akhir TK2013, dengan modal luaran yang dikumpul oleh OFM Tranche I dan Tranche II berjumlah RM287.0 juta. Ini adalah bukti kejayaan model kerjasama awam-swasta yang diusahakan oleh Ekuinas dalam menjalankan mandatnya sejajar dengan aspirasi Kerajaan.

OFM di bawah Tranche I, iaitu Navis Capital Partners dan CIMB (Group Strategy and Strategic Investments) telah disertai oleh Asians Capital sebagai pengganti pengurus dana, manakala CMS Opus Sdn Bhd, RM Capital Partners, TAEL Partners dan Tuas Capital telah dilantik sebagai OFM di bawah Program Penyumberan Luar Tranche II.

OFM yang baharu telah dipilih selepas melalui proses pemilihan yang ketat. Proses ini dibantu oleh sebuah firma perundingan global yang menyaksikan 30 firma mendaftarkan minat, di mana 16 syarikat mengemukakan cadangan dan tujuh syarikat telah disenarai pendek untuk proses ketekunan wajar, sebelum pemilihan akhir dibuat.

Dari segi pelaburan yang dijalankan, tahun 2013 menyaksikan tahun yang lebih baik bagi Program Penyumberan Luar dengan enam pelaburan baharu berjumlah RM191.3 juta, di mana RM125.7 juta adalah modal yang diperuntukkan oleh Ekuinas. Pelaburan yang dilaksanakan adalah dari pelbagai sektor seperti sektor teknologi, perkhidmatan kejuruteraan, pembuatan dan pendidikan di dalam syarikat-syarikat seperti Strateq Sdn Bhd, HG Power Transmission Sdn Bhd, Brickfields Asia College Sdn Bhd, Macro Kiosk Berhad, STX Precision Corporation Sdn Bhd dan Consobiz Ventures Sdn Bhd.

Ini menjadikan jumlah bilangan syarikat portfolio di bawah Program Penyumberan Luar kepada sembilan, dengan jumlah pelaburan komited yang dilaksanakan sebanyak RM291.8 juta, di mana Ekuinas menyumbang RM199.8 juta.

Pada masa yang sama, prestasi Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund telah mula menunjukkan peningkatan yang baik, di mana ia telah mencapai pulangan kasar portfolio sebanyak RM12.5 juta, bersamaan IRR kasar 5.0%.

- JUMLAH BILANGAN KUMULATIF PELABURAN PENYUMBERAN LUAR **9 SYARIKAT**
- MODAL KOMITED DIPERUNTUKKAN OLEH EKUINAS **RM199.8 JUTA**

Kami menjangkakan Program Penyumberan Luar akan terus berkembang apabila pengurus dana ekuiti persendirian penyumberan luar kami meningkatkan aktiviti pelaburan dan terus menunjukkan prestasi dana yang lebih baik dalam tahun kewangan 2014.

MEWUJUDKAN NILAI UNTUK BUMIPUTERA DAN SEMUA RAKYAT MALAYSIA

Dari segi objektif sosial, Ekuinas telah berjaya meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM2.8 bilion pada akhir tahun 2013, bersamaan 1.7 kali ganda modal yang dilabur oleh Ekuinas. Ini secara langsung membawa kepada penciptaan nilai ekonomi sebanyak RM4.1 bilion kepada semua pemegang saham syarikat-syarikat portfolio Ekuinas, yang mewakili 2.5 kali ganda jumlah modal yang dilaburkan setakat ini.

Peningkatan ini menunjukkan impak yang ketara, jelas dan boleh diukur serta menunjukkan keberkesanan melalui pendekatan PE Ekuinas dalam membantu membentuk model ekonomi yang lebih inklusif untuk semua rakyat Malaysia. Dalam usaha Ekuinas meningkatkan ekuiti Bumiputera, Ekuinas juga sekaligus meningkatkan ekuiti yang dimiliki oleh semua pemegang saham lain.

Dari segi modal insan, syarikat-syarikat portfolio Ekuinas menyediakan peluang pekerjaan kepada 9,336 kakitangan, di mana 56.4% adalah Bumiputera. Ekuinas juga terus meningkatkan bilangan usahawan berkebolehan dan juga pengurus profesional yang diamanahkan untuk meneraju syarikat-syarikat portfolionya. Pada akhir tahun 2013, terdapat 201 orang pengurus di dalam syarikat portfolio Ekuinas dengan 82 orang daripadanya terdiri daripada Bumiputera. Tambahan lagi, bilangan pengurus dan kakitangan Bumiputera telah meningkat masing-masing sebanyak 12.3% dan 17.1% sejak penglibatan Ekuinas di dalam syarikat portfolionya.

- PENINGKATAN DALAM NILAI EKUITI BUMIPUTERA

**RM2.8 BILION
1.7 KALI GANDA MODAL
DILABUR**

- PENINGKATAN DALAM NILAI EKUITI KESEMUA PEMEGANG SAHAM

**RM4.1 BILION
2.5 KALI GANDA MODAL
DILABUR**

Pelbagai syarikat Bumiputera yang menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti juga telah diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam rangkaian bekalan syarikat-syarikat portfolio Ekuinas. Beberapa inisiatif utama yang menggunakan kepakaran vendor Bumiputera termasuk projek hiasan dalaman untuk kampus baharu UNITAR dan Cosmopoint, serta kontrak untuk membina kapal baharu Icon Offshore.

Sebagai sebuah organisasi yang ditubuhkan dengan mandat khusus untuk menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera dengan cara yang berkesan dan mampan, Ekuinas menyedari harapan dan jangkaan para pihak berkepentingan Bumiputera. Untuk memperkasakan lagi perniagaan Bumiputera, Kerajaan telah mengenal pasti Ekuinas sebagai salah satu agensi untuk membantu pembangunan komuniti perniagaan Bumiputera, seperti yang diumumkan semasa Majlis Perhimpunan Usahawan Bumiputera yang telah diadakan pada bulan Mac 2013 dan kemudiannya pada bulan September, apabila Perdana Menteri melancarkan Program Pemerksaan Ekonomi Bumiputera.

Ekuinas tetap komited dengan mandat ini dan percaya bahawa melalui pelaburan ekuiti persendirian kami yang berpandukan prinsip-prinsip berasaskan merit dan didorong oleh pasaran, kami akan dapat melahirkan peneraju baharu pasaran untuk berkongsi kisah kejayaan mereka menjadikan ia satu inspirasi kepada masyarakat kita secara keseluruhannya.

SYARIKAT PORTFOLIO EKUINAS

- JUMLAH KAKITANGAN **9,336**
- JUMLAH PENGURUS **201**

MENGUKUKKAN OPERASI UNTUK LEBIH MENCONTOHI YANG TERBAIK DALAM INDUSTRI

Pada tahun 2013, syarikat pengurusan dana Ekuinas telah berjaya mencatatkan keuntungan selepas cukai yang lebih tinggi sebanyak RM14.6 juta (2012: RM6.1 juta). Ini disebabkan oleh fi yang lebih tinggi diperolehi berdasarkan dana yang lebih besar di bawah pengurusan (FuM) yang disediakan oleh syarikat modal dana Ekuinas Capital, di mana ia telah meningkat kepada RM2.6 bilion pada tahun 2013 (TK2012: RM2.4 bilion).

Bagi meneruskan trend tahun-tahun sebelumnya, nisbah perbelanjaan operasi (OPEX) Ekuinas kepada jumlah dana di bawah pengurusan (FuM), kekal rendah pada 1.3% (2012: 1.0%). Ini menunjukkan usaha berterusan kami untuk memastikan kecekapan optimum dan keberkesanan kos di semua bidang operasi Ekuinas.

Pada masa yang sama, kami terus melabur dalam operasi Ekuinas, untuk mencapai piawai setanding dengan firma ekuiti persendirian terbaik global serta institusi pelaburan lain yang terkemuka Malaysia.

Membina keupayaan dalaman Ekuinas terus menjadi perkara kritikal pada tahun ini. Program Latihan dan Pembangunan berfokus diperkukuhkan di seluruh Ekuinas manakala pelan Pengurusan Bakat telah dibangunkan bagi mereka yang dikenal pasti berpotensi tinggi sebagai pemimpin organisasi ini di masa hadapan.

Kedua-dua latihan dalaman dan sesi luar-tapak menyediakan pemindahan teknologi yang diperlukan oleh pakar-pakar industri, dan juga memudahkan perkongsian pengetahuan di kalangan semua kakitangan ke arah mencapai matlamat bersama iaitu meningkatkan proses dalaman Ekuinas secara keseluruhannya. Bagi mengukuhkan lagi keupayaan kumpulan kami, pihak pengurusan kanan telah menghadiri pelbagai kursus pelaburan dan pembangunan kepimpinan di institusi terkemuka di peringkat global sepanjang tahun.

Unit Pengurusan dan Pemantauan Portfolio (PMM), yang merupakan kumpulan yang dipertanggungjawabkan untuk pengurusan dan pelaksanaan pelan penciptaan nilai bagi syarikat-syarikat portfolio, telah dikembangkan pada tahun 2013. Dari bidang modal insan dan kewangan, kumpulan PMM kini turut meliputi sistem strategi, proses dan pengurusan maklumat, bidang yang kami percaya adalah penting untuk memastikan transformasi lengkap syarikat-syarikat portfolio Ekuinas ke arah menjadi syarikat terkemuka.

Jabatan-jabatan lain dalam Ekuinas terus memberi sokongan nilai tambah yang padu kepada syarikat-syarikat portfolio apabila diperlukan, seperti Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), Jabatan Undang-undang dan juga Jabatan Komunikasi.

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



KOMUNIKASI TELUS DAN TEKAL DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Ekuinas melaporkan aktiviti pelaburan dan operasi kepada Kerajaan Malaysia secara berkala melalui mesyuarat tahunan dengan pemegang amanah Yayasan Ekuiti Nasional, dan juga mesyuarat bulanan dan setiap dua minggu dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tahun tinjauan menyaksikan persaraan Yang Berbahagia Tan Sri Nor Mohamed Yakcop sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, jawatan yang disandangnya sejak tahun 2009 dan di mana beliau memainkan peranan penting dalam menubuhkan dan memupuk pertumbuhan Ekuinas sebagai firma pelaburan ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan. Kami di Ekuinas merasa berbesar hati kerana diberi peluang bekerja

di bawah Yang Berbahagia Tan Sri Nor Mohamed dan ingin merakamkan ribuan terima kasih di atas semua bimbingan dan kebijaksanaan beliau semasa menerajui pembangunan Ekuinas sejak penubuhannya.

Sambil mengucapkan selamat tinggal kepada Yang Berbahagia Tan Sri Nor, kami mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri yang baharu dilantik di Jabatan Perdana Menteri. Beliau membawa pengalaman dan perspektif yang luas di dalam bidang korporat kepada pentadbiran ekonomi negara. Tugas kami di Ekuinas akan tetap terus dilaksanakan dengan semangat dan komitmen yang tinggi, dan kami berharap untuk mengukuhkannya lagi dengan bimbingan YB Menteri.

Ekuinas juga mengekalkan interaksi rapat dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dan agensi-agensi dana yang berkongsi matlamat yang sama untuk memperkasakan usahawan dan perusahaan Malaysia termasuk Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan lain-lain lagi. Usahasama ini telah dirasmikan di bawah satu Bai'ah khas, iaitu sebuah komitmen untuk bekerja bersama-sama, yang didukung oleh 13 buah agensi-agensi pelaburan dan pembangunan usahawan pada bulan Mac 2013 di Majlis Perhimpunan Usahawan Bumiputera (HUB).

Kepercayaan untuk meningkatkan pembinaan kapasti bagi PLC Bumiputera

Pada masa yang sama, Ekuinas terus berhubung dengan pelbagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam pembangunan syarikat Bumiputera menerusi sesi perbincangan dan bengkel. Pihak-pihak ini kekal prihatin dengan isu-isu pembiayaan, sokongan perniagaan, pembangunan modal insan dan keperluan pengawalseliaan.

Selanjutnya, Kerajaan terus memperincikan pendekatan untuk mengukuhkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi

sebagaimana yang terkandung dalam inisiatif yang diumumkan di bawah Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada bulan September 2013.

Sebagai sebahagian daripada pengumuman ini, Ekuinas telah diberi kepercayaan bersama-sama dengan TERAJU untuk mentransformasi dan mengukuhkan program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJB) sebagai sebahagian daripada strategi untuk meningkatkan nilai modal pasaran syarikat-syarikat Bumiputera yang tersenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia).

Sejak penubuhannya pada tahun 2007, SJJJB telah memberi sokongan “peringkat akhir” kepada syarikat-syarikat Bumiputera untuk tujuan penyenaian di Bursa Malaysia. Dengan memberi penekanan terhadap pendekatan pembinaan keupayaan, TERAJU dan Ekuinas akan bekerjasama untuk memberikan sokongan yang lebih menyeluruh kepada syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam program tersebut. Ini bertujuan untuk mentransformasi mereka menjadi kumpulan syarikat tersenarai yang berjaya.



ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

INISIATIF MEMBINA KEUPAYAAN MASYARAKAT

Sebagai salah satu firma utama dalam industri ekuiti persendirian, Ekuinas terus memberi sokongan kepada persatuan industri iaitu Malaysian Venture Capital and Private Equity Association (MVCA). Pelbagai program yang dijalankan sepanjang tahun membantu untuk meningkatkan kesedaran awam tentang peranan firma PE dan syarikat modal teroka (VC) dalam menyokong masyarakat usahawan tempatan.

Tidak seperti di negara-negara Barat, jumlah modal yang diperuntukkan untuk ekuiti persendirian oleh institusi pelaburan di Malaysia adalah terhad, terutamanya di sektor swasta. Dalam konteks ini, Ekuinas memuji usaha Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam menganjurkan *Global Private Equity Summit* yang buat julung kalinya diadakan pada bulan Mac 2013, yang bertujuan untuk meningkatkan profil ekuiti persendirian Malaysia di peringkat antarabangsa.

Kami merancang untuk terus membina usaha-usaha ini dengan melaksanakan Persidangan Ekuiti Persendirian Malaysia pada September 2014 untuk membantu mempamerkan ekuiti persendirian sebagai pelaburan alternatif yang menarik kepada institusi pelaburan Malaysia. Dengan cara ini, kami berharap lebih banyak institusi pelaburan Malaysia akan mempertimbangkan dan memperuntukkan sejumlah modal

untuk ekuiti persendirian sebagai sebahagian daripada keseluruhan portfolio pelaburan mereka. Ini seterusnya akan menjadi pemangkin kepada pasaran ekuiti persendirian yang lebih rancak pada masa hadapan.

Dalam matlamat kami untuk memberi sokongan kepada masyarakat umum, Ekuinas telah merasmikan rangka kerja Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Selaras dengan tema kami Merealisasikan Potensi, teras utama rangka kerja yang baru dilancarkan ini akan memberi tumpuan kepada aktiviti memperkasakan usahawan, meningkatkan peluang pendidikan untuk golongan miskin dan memperluaskan sumbangan amal kepada kumpulan terpilih dalam masyarakat. Penekanan akan diberikan di dalam bidang membasmi kemiskinan dan membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Bagi tahun 2013, usaha CSR kami tertumpu kepada dua bidang utama - pembinaan keupayaan usahawan dan pendidikan. Penerangan penuh rangka kerja CSR dan laporan mengenai aktiviti yang dijalankan bagi tahun ini dibentangkan di halaman 99 - 111 laporan ini.





BERADA DI LANDASAN TEPAT UNTUK MENCORAK PENERAJU BAHARU PASARAN

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 pastinya merupakan satu tahun yang amat bermakna bagi kami di Ekuinas. Kami menghadapi cabaran yang sukar dari segi mendapatkan pelaburan baharu, namun pertumbuhan yang berterusan dalam syarikat-syarikat portfolio sedia ada kami menunjukkan bahawa misi untuk menghasilkan generasi baharu syarikat-syarikat terkemuka Malaysia sedang berjalan dengan baik. Dalam memasuki tahun kelima operasi pada tahun 2014 ini, keputusan tahun sebelumnya akan memberi perangsang untuk berusaha dengan lebih gigih bagi mencapai hasil yang diinginkan dan dinanti-nantikan oleh pihak berkepentingan kami.

Kami berharap untuk menerima dana tambahan sebanyak RM600.0 juta pada tahun 2014 untuk tujuan pelaburan dalam lebih banyak syarikat tempatan yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi. Pada masa yang sama, syarikat portfolio sedia ada akan terus menerima perhatian kami yang tidak berbelah bahagi dalam melaksanakan fasa terakhir proses transformasi mereka ke arah menjadi peneraju baharu pasaran.

Semua usaha ini akan menjadi sia-sia sekiranya Ekuinas tidak menerima sokongan padu berterusan daripada Kerajaan dan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Ekuiti Nasional, serta pihak UPE, JPM selama ini - terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan kepada mereka.

Kami juga tidak mungkin dapat mencapai kejayaan ini, tanpa panduan dan bimbingan Lembaga Pengarah yang berwawasan, yang diketuai oleh Pengerusi Lembaga Pengarah kami, Yang Mulia Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad. Kami sangat berterima

kasih kepada semua ahli Lembaga Pengarah kerana berkongsi kepakaran mereka dan memacu kita di landasan yang betul ke arah mencapai matlamat Ekuinas.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan tulus ikhlas kepada semua rakan kongsi perniagaan kami, pertubuhan-pertubuhan media, dan kumpulan berkepentingan lain, yang telah memberikan maklum balas yang membina secara berterusan dalam memotivasi Ekuinas untuk sentiasa memperbaiki kekurangan kami. Kami harap anda akan terus menyokong kami pada tahun-tahun akan datang.

Akhir sekali, prestasi Ekuinas dalam tahun 2013 adalah hasil daripada usaha kolektif oleh semua ahli kumpulan Ekuinas dan pihak pengurusan di syarikat-syarikat portfolio kami. Kami bersama-sama mengenal pasti dan menguruskan isu-isu cabaran dengan sebaik mungkin dan mereka telah berusaha bersungguh-sungguh dengan penuh kesabaran tanpa mengenal penat lelah. Kumpulan ini telah menunjukkan semangat dan kesungguhan yang teguh sepanjang tahun lalu dan saya berterima kasih kepada mereka.


Saya juga berharap kita semua akan bersama-sama melipat gandakan usaha kita pada tahun 2014 ke arah memenuhi misi Ekuinas.

ABDUL RAHMAN AHMAD
Ketua Pegawai Eksekutif



MEWUJUDKAN KERJASAMA

Model Ekuiti Persendirian yang diguna pakai untuk tujuan pelaburan terbukti berkesan dalam membantu syarikat-syarikat Malaysia bersaiz sederhana yang berpotensi tinggi, untuk mentransformasi mereka menjadi peneraju masa hadapan



INDUSTRI

- Apa itu Ekuiti Persendirian?
- Tinjauan Ekuiti Persendirian di Malaysia oleh Bain & Company
- Pemilihan Pengurus Ekuiti Persendirian di Asia Tenggara oleh Towers Watson Investment

APA ITU EKUITI PERSENDIRIAN?

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada September 2009 sebagai salah satu dari instrumen baru yang mesra-pasaran untuk merealisasikan objektif-objektif Model Baru Ekonomi (MBE). Lantaran itu, Ekuinas dimandatkan untuk melahirkan generasi syarikat peneraju masa hadapan melalui pelaburan bermodelkan ekuiti persendirian (PE) di dalam perniagaan-perniagaan yang berpotensi tinggi.

Ekuiti persendirian atau PE merupakan sejenis dana pelaburan di mana modal risiko daripada sumber persendirian dikumpul untuk dilaburkan dan memperoleh pemilikan ekuiti dalam syarikat. Objektif sebuah firma PE adalah mengumpul dan menguruskan dana untuk menjana pulangan yang memberangsangkan buat para pelabur dalam tempoh masa yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, matlamat PE adalah untuk merangsang nilai dalam syarikat penerima pelaburan dan seterusnya setelah nilai dicipta di dalam syarikat-syarikat tersebut, syarikat akan dijual untuk meraih keuntungan.

Bagi perihal Ekuinas, Kerajaan Malaysia memperuntukkan sejumlah dana untuk dilaburkan melalui Yayasan Ekuiti Nasional, sebuah yayasan amanah khusus ditubuhkan untuk membantu meningkatkan dan mengembangkan kepentingan ekuiti Bumiputera. Ekuinas menguruskan dana tersebut dan melabur di dalam syarikat-syarikat Malaysia bersaiz sederhana yang menunjukkan potensi menjadi peneraju pasaran masa hadapan.

Pendekatan melalui penubuhan firma PE yang dipacu oleh Kerajaan, seperti Ekuinas, telah dilaksanakan pada masa lalu untuk tujuan mencapai matlamat negara dan ianya telah terbukti berjaya. Salah sebuah firma PE terkemuka di dunia, 3i plc, merupakan firma PE yang dipacu Kerajaan, yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan British pasca Perang Dunia ke-2 dengan tujuan untuk meningkatkan pelaburan domestiknya. Firma tersebut kini telah diwastakan dan terus mencipta nilai dalam portfolio pelaburannya yang kini juga merangkumi syarikat-syarikat global. Negara-negara lain juga telah mengguna pakai model PE yang serupa, terutamanya untuk menangani isu kekurangan modal perniagaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi atau untuk menjadi pemangkin dalam menggalakkan pelaburan oleh sektor swasta.

Syarikat khusus seperti ini membolehkan penciptaan lebih banyak syarikat berdaya tahan yang boleh memberi impak positif kepada masyarakat dengan cara yang lebih mapan. Ekuinas berhasrat untuk memberikan impak yang sama di Malaysia dengan kaedah yang telus, berdasarkan meritokrasi serta mesra-pasaran.

TINJAUAN EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA

OLEH BAIN & COMPANY

2013 ADALAH TAHUN YANG TIDAK MENENTU DI ASIA TENGGARA: DI TENGAH-TENGAH KEADAAN MAKRO YANG MENCABAR, TERDAPAT JUGA TANDA-TANDA POSITIF DARI SEGI AKTIVITI PELABURAN DAN MINAT PARA PELABUR.

PASARAN ASIA TENGGARA MENGHADAPI BEBERAPA CABARAN MAKRO PADA TAHUN 2013:

- Pertumbuhan KDNK jatuh kepada 4.9% berbanding 5.5% sebelum ini, daripada negara-negara yang mengalami kegawatan, seperti di Thailand, kepada peningkatan yang ketara, seperti di Singapura
- Indonesia kekal dalam situasi defisit berkembar, dengan baki kedua-dua akaun fiskal dan akaun semasa semakin merundum, manakala inflasi terus meningkat
- Pasaran ekuiti bermula kukuh pada Q1 di kebanyakan rantau, tetapi jatuh kembali ke paras yang sama seperti bulan Januari di negara-negara seperti Singapura dan Indonesia, manakala Malaysia mengekalkan pertumbuhan yang stabil

Cabaran-cabaran ini sudah pasti memberi kesan kepada pelabur ekuiti persendirian (PE): bilangan pelaburan di Asia Tenggara telah meningkat tetapi nilai pelaburan menurun secara berterusan, mencapai USD5.0 bilion, turun 9% berbanding tahun 2012. Di samping itu, aktiviti pelupusan merosot secara meluas, sejajar dengan trend keseluruhan di Asia Pasifik. Pada keseluruhannya, dana PE menghadapi persekitaran yang amat mencabar untuk pasaran IPO dan


M&A. Akibatnya, kedua-dua bilangan dan nilai pelupusan menyusut di Asia Tenggara, dengan bilangan pelupusan jatuh sebanyak -30% kepada hanya 19 dan jumlah nilai turun -61% kepada hanya USD4.3 bilion (lihat Rajah 1).

Walau bagaimanapun, pemerhatian teliti mencadangkan aktiviti pelaburan bertahan lebih baik daripada yang ditunjukkan oleh nombor dan peratusan tersebut. Pelaburan mega yang pada kebiasaannya dilaksanakan oleh dana negara berdaulat, bernilai lebih daripada USD1 bilion, sebahagian besarnya tiada dalam pasaran pada tahun 2013. Ini menjadikan nilai keseluruhan pelaburan utama oleh GP lebih tinggi berbanding pada 2012. Urus niaga Internet mencapai rekod aktiviti yang tinggi dalam rantau ini, membentuk satu perempat daripada jumlah bilangan pelaburan itu, sedangkan mereka hanya menyumbang 10% daripada aliran urus niaga pada tahun lepas.


Kita sudah mula melihat tanda-tanda peningkatan: Q4 menyaksikan aktiviti pemulihan, dengan nilai pelaburan yang didaftarkan sebanyak USD2.5 bilion bagi suku tahun ini, yang mana mewakili separuh daripada nilai pelaburan bagi tahun 2013.

Rajah 1: Dari segi luaran, pasaran ekuiti persendirian Asia Tenggara kelihatan menghadapi cabaran yang tinggi. Tetapi aktiviti pelaburan kekal kukuh

Aktiviti PE yang kukuh tetapi nilai menurun



Jumlah Pelupusan kembali ke tahap terendah selepas tahun tertinggi



Nota: Pelupusan dan Pelaburan dengan nilai urus niaga yang diumumkan >USD10 juta sahaja, dilaksanakan di APAC; Tidak termasuk hartanah, hotel & tempat penginapan, infrastruktur, dan pemindahan besar domestik dari SWF kepada Kerajaan

Sumber: AVCJ (diperoleh dari pangkalan data pada 14 Februari 2014)

Di samping itu, terdapat **tanda-tanda yang jelas bahawa Asia Tenggara menarik lebih ramai pelabur**, dengan mencatat rekod “dry powder” (sekuriti yang mudah dicairkan dan boleh dianggap seperti tunai), asas-asas pasaran yang baik dan berterusan serta hampir USD30 bilion telah berjaya diperolehi oleh pelabur melalui pelupusan aset antara tahun 2010 dan 2013. Terdapat juga pandangan yang semakin mendalam bahawa, dalam beberapa hal, jiran-jiran besar Asia Tenggara iaitu India dan China telah mengecewakan para pelabur.

Menurut tinjauan oleh *Emerging Markets Private Equity Association LPs* yang dimuktamadkan pada bulan Mei 2013, Asia Tenggara telah menggantikan BRICs (Brazil, Rusia, India dan China) sebagai salah satu destinasi pelaburan menarik dalam pasaran baharu. Perspektif ini diakui oleh GP di Asia Pasifik. Satu kajian oleh Bain & Company baru-baru ini menunjukkan bahawa hampir 60% daripada GP yang dikaji berpendapat bahawa Asia Tenggara adalah antara tiga pasaran menarik untuk pelaburan baharu pada tahun 2014.

Pertambahan bilangan GP yang memberi tumpuan kepada Asia Tenggara, ditambah pula dengan peningkatan aktiviti daripada badan-badan korporat yang kaya dengan tunai **bermakna tiada kekurangan dalam persaingan di seluruh rantau ini**. Trend ini jelas dibuktikan dengan respon daripada kaji selidik Bain & Company pada tahun 2014 yang mengatakan bahawa kekurangan syarikat-syarikat sasaran yang berkualiti tinggi adalah cabaran yang paling penting bagi tahun yang akan datang.

Bagaimana cabaran setiap negara berbeza: Pelabur-pelabur PE yang dikaji oleh Bain & Company menjangkakan cabaran utama bagi Malaysia dan Singapura ialah mencari syarikat-syarikat yang menarik untuk tujuan pelaburan. Di Indonesia, faktor ekonomi makro dan harga jangkaan yang tidak menentu dijangka menjadi isu paling utama, manakala tadbir urus korporat yang lemah pula adalah masalah utama untuk pelabur di Vietnam.


Walaupun menunjukkan aktiviti yang rendah pada tahun lepas, Malaysia akan terus menjadi destinasi utama bagi para pelabur PE untuk melakukan pelaburan di Asia Tenggara.

Malaysia mempunyai ciri-ciri khusus sebagai pasaran pelaburan: Berbanding dengan pasaran lain, agensi pelaburan berkaitan Kerajaan, termasuk Ekuiti Nasional Berhad, Khazanah Nasional Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, semakin terkenal dan menunjukkan kelebihan mempunyai pengetahuan dan rangkaian tempatan. Sepanjang lima tahun lalu, ketiga-tiga syarikat tersebut telah terlibat dalam kira-kira separuh daripada semua pelaburan yang dijalankan. Di samping itu, Malaysia telah terbukti merupakan pasaran di mana pelaburan kawalan dan aktivis boleh dilaksanakan.

Tinjauan bagi nilai pelaburan 2013 mencadangkan bahawa pelabur telah menarik balik pelaburannya, tetapi realitinya tidak sebegitu: Selepas dua tahun, kini aktiviti ekuiti persendirian Malaysia telah kembali ke tahap seperti pada tahun 2008-2010. Tetapi ini bukan disebabkan oleh kekurangan minat, **kerana Malaysia masih merupakan pasaran yang matang di mana pelaburan mega boleh membuat perbezaan yang besar. Namun begitu, tiada satu pun pelaburan mega dilaksanakan pada tahun 2013.**

Bagi perspektif jangka panjang, Malaysia telah menjadi sebuah destinasi PE yang terkenal di Asia Tenggara. Dengan nilai pelaburan purata sebanyak USD2.2 bilion dalam tempoh tiga tahun lepas, Malaysia menyumbang lebih daripada 40% daripada jumlah nilai pelaburan di Asia Tenggara, secara konsisten mengambil kedudukan pertama atau kedua (lihat Rajah 2). Sektor tumpuan lain sepanjang tempoh masa yang sama termasuklah sektor berkaitan pengguna dan perkhidmatan kewangan.

Rajah 2: Malaysia merupakan sebuah destinasi ekuiti persendirian yang terkenal di Asia Tenggara



Contoh Pelaburan Besar

Tahun	Pembeli	Aset	Nilai	Jenis
2011	Aabar	RHB Capital	~\$1.9B	PIPE
2012	CVC, EPF, Johor Corp.	QSR Brands	~\$1.7B	Buy-out
2012	Beberapa pelabur	Felda Global Ventures	~\$1.1B	Pertumbuhan
2011	Abraaj Capital	PT Matahari Putra Prima	~\$340J	Pertumbuhan
2013	Khazanah Nasional Berhad	CIMB-Aviva JV	~\$300J	Pertumbuhan
2012	Ekuiti Nasional Berhad	Tanjung Kapal	~\$80J	Buy-out

Nota: Pelaburan dengan nilai urus niaga yang diumumkan >USD10 juta sahaja, dilaksanakan di APAC; Tidak termasuk hartanah, hotel & tempat penginapan, infrastruktur, dan pemindahan besar domestik dari SWF kepada Kerajaan

Sumber: AVCJ (diperoleh dari pangkalan data pada 14 Februari 2014)

TINJAUAN EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA

OLEH BAIN & COMPANY

Baru-baru ini Malaysia telah menunjukkan prestasi yang amat baik dalam aktiviti pelupusan perniagaan. Ini merupakan pemacu utama minat yang ditunjukkan oleh pelabur PE di Malaysia. Dalam tahun 2012 sahaja, tiga IPO besar telah dilaksanakan yang melibatkan pelupusan PE (USD3.1 billion: Felda Global Ventures; USD2.0 billion: IHH Healthcare; dan USD1.5 billion: Astro Television Network System). Walaupun prestasi 2013 tidak setinggi ini, aktiviti pelupusan kekal kukuh, dengan sejumlah USD1.3 billion dikembalikan kepada pelabur melalui sembilan pelupusan.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa persaingan kini semakin sengit. Selain daripada pelabur berkaitan Kerajaan tersebut di atas, negara ini telah menarik perhatian pelbagai pelabur lain. Navis Capital adalah contoh GP tempatan yang semakin terkenal. Dana ekuiti persendirian global dan serantau,

bersama-sama dengan dana milik kerajaan asing, juga aktif melihat Malaysia sebagai destinasi utama dalam Asia Tenggara, di mana tawaran yang paling terkini pelaburan termasuklah perkongsian di antara Headland dengan Mamee dan pelaburan KKR dalam Weststar Aviation Services.

Bagaimana untuk menang dalam persekitaran yang kompetitif

Memandangkan tekanan persaingan yang semakin meningkat adalah satu realiti, inilah masanya untuk pelabur yang aktif di Malaysia dan Asia Tenggara memastikan mereka berbeza antara satu sama lain berdasarkan pemacu utama strategi pelaburan mereka.

Berdasarkan pengalaman kami, terdapat enam faktor yang menentukan strategi firma (lihat Rajah 3).

Rajah 3: Apakah strategi firma PE yang baik?



Wawasan: Pelabur sering menghadapi kekurangan penyelarasan ke atas wawasan mereka, yang membawa kepada keputusan reaktif secara spontan, bukannya keputusan yang strategik dan proaktif. Kami melihat kebanyakan pelabur yang berjaya, berfikir tentang wawasan mereka dan keutamaan strategik di luar aktiviti mengumpul dana. Mereka membina di atas wawasan individu kumpulan kanan mereka untuk menyelaraskan seluruh wawasan kolektif jangka panjang. Dalam konteks Asia Tenggara, memandangkan terdapat peralihan kepentingan daripada tumpuan terdahulu di India dan China, pelabur akan berjaya jika mereka boleh menyuarakan wawasan kolektif mereka, menentukan kejayaan ekonomi jangka panjang, meletakkan keutamaan strategik untuk mencapai matlamat ini, dan menyediakan landasan yang betul.

Di mana untuk melabur: Pelabur PE secara tradisinya memberi tumpuan kepada trajektori pertumbuhan berbanding dengan kepelbagaian, tetapi kini ia tidak cukup baik. Landskap Malaysia yang unik akan menuntut keseimbangan antara aspirasi pertumbuhan mereka dengan keperluan untuk membezakan diri mereka. Firma-firma perlu melihat diri sendiri dan mengetahui kekuatan mereka. Mereka mesti memahami di mana dan bagaimana mereka telah mendapatkan pulangan dan bagaimana keadaan boleh berubah. Mereka perlu menentukan titik kekuatan mereka dan tahu apa yang perlu dielakkan termasuk saiz pelaburan, perkongsian, sektor, kumpulan pengurusan, tesis utama atau pemilikan. Ini boleh menjadi lebih rumit lagi jika firma cuba untuk mengaplikasikan pengalaman mereka di pasaran lain sama ada di Malaysia atau Asia Tenggara.

Disiplin yang tinggi untuk berpegang kepada titik kekuatan membawa lebih banyak faedah. Menurut diagnostik urus niaga forensik, yang dilakukan apabila syarikat melupakan pelaburannya, pelaburan yang dibuat di luar kekuatan mereka akan memperlihatkan prestasi yang rendah.

Bagaimana untuk melabur: Menjelaskan 'di mana untuk melabur' di Malaysia dan Asia Tenggara adalah sebahagian daripada teka-teki yang sukar diselesaikan. Tetapi ia perlu untuk menentukan dengan jelas sudut terbaik untuk menjana pulangan yang tinggi dalam titik kekuatan sesebuah firma. Ini mesti dilaksanakan melalui proses pelaburan yang kukuh yang dapat menangani sebarang kelemahan, supaya ia boleh menjadi sebuah model yang boleh direplika. Diagnostik urus niaga forensik berdasarkan fakta, digabungkan dengan penilaian 360° dalaman dan luaran, boleh membuka peluang di sepanjang rantaian nilai pelaburan, daripada pengkhususan sektor penyumberan, sehingga proses ketekunan wajar, pengurusan portfolio dan pelupusan.

Keupayaan mengumpul dana: Mengumpul dana mempunyai maksud yang berbeza bagi setiap pelabur. Cabarannya adalah lebih jelas untuk GP berbanding sesetengah pelabur berkaitan Kerajaan. Kebanyakan GP yang berjaya mengukuhkan lagi kemahiran ini, mempunyai perancangan yang lebih sekitar keperluan modal jangka pendek dan jangka panjang, keadaan yang lebih menarik kepada sudut pelaburan, dan keupayaan yang berbeza atau pemikiran lebih mengenai segmentasi LP. Mereka juga menjadi lebih canggih dalam cara mereka menguruskan hubungan LP mereka, sebagai 'pelanggan', dengan mengambil kira ketelusan, laporan dan komunikasi.

Perkhidmatan sokongan: Isu dengan aktiviti sokongan timbul selaras dengan kemajuan pelabur. Dari pengalaman kami, ini adalah cabaran sebenar dalam Asia Tenggara dan di Malaysia, kerana saiz pasukan adalah terhad. Perkhidmatan sokongan tidak boleh dipandang ringan, tetapi perlu dilihat sebagai menyediakan keupayaan kritikal untuk pasukan pelaburan kerana mereka mengembangkan perniagaan. Malah, perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan memberi impak kepada pelabur dalaman dan luaran dengan mencegah ketirisan keuntungan firma, mengelakkan aktiviti yang bersifat duplikatif, memudahkan untuk mendapatkan dan berkongsi pengetahuan, dan memastikan komunikasi yang konsisten.

Bakat, organisasi dan budaya: Rantau ini mempunyai jumlah bakat berpengalaman yang terhad. Persaingan di Malaysia dan rantau ini kini memburukkan lagi keadaan ini, kerana ramai pelabur yang sedang mencari untuk mengisi kekosongan pasukan tempatan mereka. Pelabur-pelabur yang berjaya cenderung untuk mengikut beberapa peraturan semasa mengkaji semula organisasi mereka: Mereka menyelaraskan struktur mereka dengan strategi pelaburan dan keutamaan mereka; mereka mempunyai perancangan yang jelas untuk penggantian pelapis; mereka mengurangkan beban ke atas pengurusan, dengan persempadanan tanggungjawab dan keputusan yang jelas; mereka juga lebih canggih dalam pengurusan bakat serta menerapkan budaya berpasukan.

Kesimpulan

Malaysia secara jelasnya telah mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi penting dalam pasaran ekuiti persendirian di Asia Tenggara. Dengan peningkatan minat pelabur ke atas pasaran ini, persaingan mungkin akan bertambah sengit. Bagi para pelabur PE yang terdiri daripada GP hingga pelabur berkaitan Kerajaan, adalah bijak untuk mengkaji semula model mereka dari segi dimensi utama yang benar-benar akan memberi kelebihan kepada mereka dalam pasaran yang semakin sesak. Di Malaysia, para pelabur dengan rangkaian tempatan yang kukuh dan aliran perjanjian proprietari, sektoral dan urus niaga-jenis titik kekuatan yang jelas dan model pelaburan aktivis mungkin akan muncul sebagai pemenang.

Penulis:

- *Suvir Varma adalah rakan kongsi di pejabat Asia Tenggara Bain dan menerajui pejabat Ekuiti Persendirian Bain di seluruh Asia Pasifik. Anda boleh menghubungi beliau di suvir.varma@bain.com*
- *Usman Akhtar adalah Principal Ekuiti Persendirian, di pejabat Asia Tenggara Bain. Anda boleh menghubungi beliau di usman.akhtar@bain.com*
- *Johanne Dessard merupakan pengurus kawasan Asia Pasifik bagi pejabat Ekuiti Persendirian. Anda boleh menghubungi beliau di johanne.dessard@bain.com*

BAIN & COMPANY

MENGENAI BAIN & COMPANY

Bain & Company ialah firma perunding pengurusan yang membantu pemimpin-pemimpin perniagaan dunia mendapatkan hasil yang diharapkan. Bain memberi khidmat nasihat kepada pelanggannya berkenaan strategi, operasi, teknologi, organisasi, ekuiti persendirian dan penggabungan dan perolehan, membangunkan wawasan praktikal untuk membantu pelanggan melaksanakannya dan memindahkan kemahiran untuk mendapatkan keputusan yang mampan. Firma ini sering menyelaraskan insentifnya dengan pelanggan di mana bayaran finya bergantung pada keputusan yang dicapai. Para pelanggan Bain telah mengatasi pasaran saham 4 kepada 1. Diasaskan pada tahun 1973, Bain mempunyai 50 pejabat di 32 buah negara dengan kepakaran dan pelanggan dalam pelbagai industri dan sektor ekonomi. Untuk maklumat lanjut, sila lawati: www.bain.com.

PEMILIHAN PENGURUS EKUITI PERSENDIRIAN DI ASIA TENGGARA

OLEH TOWERS WATSON INVESTMENT

PENGENALAN


Ekuiti persendirian merupakan satu kelas aset yang mempunyai banyak kelebihan dan permintaan terhadap ekuiti persendirian telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terutama bagi dana yang diuruskan di Asia Tenggara. Tujuan penulisan ini adalah untuk i) memberikan gambaran ringkas tentang faktor utama yang perlu diberi tumpuan oleh pelabur ketika memilih pengurus ekuiti persendirian, ii) mengaplikasikan rangka kerja ini bagi konteks Asia Tenggara dan iii) berkongsi beberapa perspektif berhubung pengalaman kami bekerjasama dengan Ekuinas dalam menjalankan proses ketekunan wajar ke atas Program Penyumberan Luar Tranche II.

Walaupun terdapat pelbagai sebab mengapa seseorang pelabur itu memilih ekuiti persendirian, pamacu utama peningkatan minat bagi kelas aset ini adalah keyakinan bahawa ekuiti persendirian boleh menjana pulangan melebihi pasaran awam menerusi kemahiran dalam pelaksanaan. Sebahagian daripada genesis kemahiran pengurus ini, atau “alfa”, adalah didorong oleh jangka masa sederhana yang diberikan kepada pengurus di mana modal para pelabur pada kebiasaannya dalam kunci

tempoh 8-12 tahun. Ini berbeza daripada kelas aset lain di mana pelabur boleh membuat keputusan untuk mengeluarkan modal mereka dengan lebih mudah pada bila-bila masa. Tempoh yang lebih panjang ini memberi fleksibiliti kepada pengurus dana untuk menanti waktu yang sesuai bagi pasaran dan mewujudkan nilai tanpa perlu bimbang tentang penebusan pada masa yang kurang sesuai iaitu sebelum penciptaan nilai selesai dijalankan.

BAGAIMANA MEMILIH PENGURUS EKUITI PERSENDIRIAN

Kami percaya bahawa pemilihan pengurus ekuiti persendirian merupakan satu seni dan juga sains, dan dengan itu, pemilihan pengurus memerlukan penilaian faktor-faktor kualitatif dan juga kuantitatif. Analisis pelbagai dimensi ini seterusnya membolehkan pelabur memberi pendapat berlandaskan fakta di mana mereka boleh menilai pengurus ekuiti persendirian tersebut. Ini diringkaskan dalam ilustrasi di bawah.



Di Towers Watson, penilaian ke atas pengurus dibahagikan kepada enam faktor. Tiga daripadanya memberi tumpuan kepada mengenal pasti kelebihan daya saing pengurus dan tiga yang lain menganalisis kemampuan kelebihan daya saing tersebut. Kami merumuskan perkara asas yang kami terokai dalam setiap faktor di bawah:

IDENTIFIKASI KELEBIHAN DAYA SAING

- **Pengurus profesional pelaburan:** Ini merujuk kepada kebolehan kakitangan utama, sama ada mereka mempamerkan ciri-ciri pelabur yang berkebolehan. Ini memastikan bahawa pengurus profesional pelaburan mempunyai ketajaman intelek dan kepintaran untuk mengenal pasti peluang pelaburan yang tepat dan membina rangkaian dengan jayanya bagi mendapatkan transaksi yang menarik. Apatah lagi jika dibandingkan dengan kelas aset yang lain, ekuiti persendirian adalah perniagaan yang membabitkan hubungan antara manusia di mana kemahiran interpersonal adalah penting. Pengurus perlu berkomunikasi dan memudahcara hubungan yang baik dengan pihak pengurusan syarikat-syarikat pelaburan mereka sendiri. Faktor ini juga merangkumi kesesuaian saiz sumber yang tersedia kepada pengurus untuk melaksanakan strategi yang diberikan.
- **Penjanaan pendekatan/wawasan:** Kami melihat bukti kelebihan daya saing dari segi cara para profesional pelaburan menjana idea-idea pelaburan (mungkin melalui penyelidikan tematik) dan falsafah pelaburan yang konsisten dan menarik, yang disokong oleh sumber dan kemahiran yang bersesuaian. Walaupun kami ingin mereka mempunyai fleksibiliti untuk meneroka bidang lain apabila peluang muncul, kami juga mahu melihat disiplin dalam fokus mereka untuk mengelakkan ia terpesong dari strategi. Dalam faktor ini, kami juga mahu melihat kualiti yang tinggi dan rekod yang berkaitan supaya selaras dengan strategi masa hadapan.
- **Pengurusan portfolio:** Dalam ekuiti persendirian, kemampuan untuk menambah nilai selepas perolehan dilaksanakan melalui sokongan strategik dan operasi kepada kumpulan pengurusan adalah penting untuk proposisi pengurus. Bagi setiap dana, kami menilai bagaimana pengurus memikirkan tentang pengurangan risiko melalui kepelbagaian pendedahan portfolio dan analisis sensitiviti. Akhir sekali, adalah amat penting untuk memiliki cadangan mengenai bila dan bagaimana untuk melupuskan sesuatu pelaburan.

KEMAMPANAN KELEBIHAN DAYA SAING

- **Kestabilan Firma & Kakitangan:** Adalah penting untuk mempunyai sebuah firma yang mempunyai model perniagaan jangka panjang berdaya maju yang menyediakan platform yang stabil bagi para profesional untuk menguruskan modal pelabur. Sebagai contoh, ini termasuk pengurusan yang berjaya dalam mekanisme persediaan pelapis syarikat dan pengekal kakitangan yang sesuai untuk menjaga profesional yang paling bermotivasi dan mempunyai semangat yang tinggi. Ia juga penting untuk menilai dinamik kumpulan dalam firma dan budayanya serta bagaimana ini memberi impak ke atas pengekal pasukan tersebut di dalam syarikat.
- **Set Peluang:** Bahagian kritikal sesebuah aktiviti ketekunan wajar pelaburan berjaya adalah dalam menilai pengurus yang beroperasi dalam segmen pasaran yang menarik dan menghadapi keadaan yang tidak menentu. Adalah penting bagi seorang pelabur mempunyai pandangan mengenai peluang pasaran semasa, dan juga bagaimana ini mungkin berubah dari masa ke semasa. Pandangan pengurus mengenai kapasitinya juga penting, terutamanya kerana ia berkaitan dengan saiz dana yang diuruskan.
- **Penyelarasan:** Pada pandangan kami, penyelarasan kepentingan antara kumpulan pengurus dan perniagaan adalah salah satu faktor yang paling kritikal dalam memastikan pengurus mengekalkan kelebihan daya saing. Kami menganalisis perkara ini di beberapa peringkat, termasuk pengurus pelaburan bersama bagi dana, kos dan struktur fi prestasi dan peruntukan fi ini di seluruh kumpulan pelaburan. Sebagai sebahagian daripada proses ini, kami berusaha untuk memahami betapa pentingnya kejayaan dana itu bagi golongan profesional pelaburan sebagai sumber menjana kekayaan dan pengiktirafan. Struktur ini tidak menggalakkan tingkah laku pengambilan risiko berlebihan – pada risiko modal pelanggan – atau menghalang profesional pelaburan daripada melabur pada tahap yang risiko rendah yang mungkin menyebabkan prestasi yang lemah.

Secara ringkasnya, matlamat proses ketekunan wajar adalah untuk mengenal pasti seorang pengurus luar biasa yang boleh berjaya melaksanakan idea-idea hebat dan menarik. Apa yang penting, pengurus sepatutnya beroperasi dalam rangka kerja yang boleh mengulangi prestasi baik dan bermotivasi untuk berjaya, hasil daripada penyelarasan kepentingan dengan pelabur dan disokong pula oleh platform yang stabil untuk melaksanakan ideanya.

PEMILIHAN PENGURUS EKUITI PERSENDIRIAN DI ASIA TENGGARA OLEH TOWERS WATSON INVESTMENT

TREND DALAM LANDSKAP PENGURUS ASIA TENGGARA

Di dalam bahagian seterusnya kami meneroka bagaimana rangka kerja di atas dapat digunapakai di Asia Tenggara tetapi terlebih dahulu kita perlu mengambil kira landskap pengurus ekuiti persendirian di Asia Tenggara.

Walaupun tumpuan kepada aktivi pengumpulan dana di Asia Tenggara telah meningkat dalam tahun-tahun kebelakangan ini kerana pelabur mengambil peluang di atas kemunculan kelas pertengahan baharu dan juga sumber semula jadi di rantau ini, bilangan pengurus yang terdapat di Asia Tenggara jauh lebih rendah daripada di pasaran maju atau beberapa pasaran baharu muncul lain di Asia.

Secara umum, terdapat dua jenis pengurus di Asia Tenggara – mereka yang merupakan sebahagian daripada kumpulan serantau (sama ada Asia atau Asia Tenggara) atau dana khusus negara. Baru-baru ini, beberapa dana “khusus negara” telah membuka cawangan kawasan lain di dalam ASEAN (Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara). Pengurus akan menerangkan bahawa evolusi ini adalah disebabkan oleh keinginan mereka untuk mengambil peluang di atas aliran sinergi dalam perdagangan antara rantau ASEAN, tetapi dalam keadaan tertentu, kami percaya ia adalah disebabkan oleh pengurus itu telah kehabisan idea dalam kawasan geografi mereka sendiri.

Sementara itu, pengurus-pengurus baharu sedang dilatih dan kebanyakannya berasal daripada firma Asia Tenggara sedia ada. Mereka cuba untuk mengumpul dana ekuiti persendirian baharu, yang berpotensi untuk mewujudkan generasi seterusnya bagi pengurus ekuiti persendirian di Asia Tenggara. Kami juga memerhatikan bahawa peluasan geografi di kalangan pengurus di Asia Tenggara dengan beberapa negara-negara sempadan di rantau ini semakin ketara daripada pelabur ekuiti persendirian; ini termasuk negara-negara seperti Myanmar atau Cambodia, dengan hubungan strategik awal yang membawa kepada penubuhan dana pihak ketiga.

Jenis-jenis strategi yang dilaksanakan oleh pengurus yang beroperasi di Asia Tenggara biasanya berpandukan profil pengurus. Selalunya dana serantau yang lebih besar (atau dalam keadaan tertentu, global) akan berusaha untuk menggunakan strategi untuk menjana nilai operasi dalam syarikat-syarikat yang lebih besar melalui transaksi *buy out*. Pengurus-pengurus

dana negara lain yang lebih kecil, cenderung untuk melabur dalam pengurusan syarikat-syarikat pertumbuhan yang lebih kecil sebagai pelabur minoriti, kerana penjual tidak berminat untuk menjual majoriti perniagaan mereka dan melepaskan kawalan. Oleh yang demikian, pelabur kurang mempunyai skop untuk kepakaran operasi yang luas. Secara majoritinya pengurus yang beroperasi di Asia Tenggara adalah dalam kategori ini. Walaupun pelaburan minoriti biasanya pasif dan tiada penambahan nilai, pengurus ekuiti persendirian masih boleh menggunakan pelaburan minoriti sebagai satu cara untuk membuka kunci nilai dan mewujudkan pulangan yang menarik.

Pasaran awam yang agak mundur di kebanyakan pasaran Asia Tenggara bermakna ekuiti persendirian adalah laluan akses tunggal kepada sesetengah sektor, yang kebanyakannya adalah sektor selari dengan pertumbuhan ekonomi. Sesetengah sektor meningkat dengan lebih cepat daripada pertumbuhan KDNK keseluruhan negara ini, yang juga lebih cepat daripada pertumbuhan KDNK negara-negara maju secara purata. Memandangkan persaingan yang semakin sengit di rantau ini, terutamanya dalam sektor-sektor tertentu seperti barangan pengguna laris, penjagaan kesihatan dan telekomunikasi, adalah penting untuk mendapatkan akses kepada industri-industri dan syarikat-syarikat yang menarik pada penilaian yang munasabah. Kami percaya pelabur perlu memberi fokus kepada set kemahiran ekuiti persendirian ini di Asia Tenggara.

Beralih ke negara-negara individu pula, pengurus yang beroperasi di Thailand dan Vietnam telah berjuang untuk mengharungi persekitaran pasaran yang mencabar semenjak dahulu. Pasaran Indonesia dan Malaysia lebih maju dengan aktiviti ekuiti persendirian. Di Singapura terdapat lebih penekanan untuk berada di dana serantau yang memberi tumpuan kepada Asia Pasifik atau ASEAN, dan kualitinya kelihatan agak baik, walaupun dana negara kekurangan sumber dan kurang berpengalaman berbanding sesetengah rakan-rakan di Asia Tenggara. Secara relatifnya di seluruh Asia Tenggara, bakat profesional ekuiti persendirian di Singapura, Malaysia dan Indonesia adalah lebih ramai daripada negara-negara ASEAN yang lain, berdasarkan sejarah aktiviti PE di sini.

CABARAN-CABARAN SPESIFIK APABILA MENJALANKAN USAHA KETEKUNAN WAJAR DI ASIA TENGGARA

Apabila memilih seorang pengurus di Asia Tenggara, pelabur menghadapi cabaran dalam memilih kerana pengurus mempunyai rekod yang terhad, kadang-kadang beralih strategi, serta berada di beberapa kawasan berlainan. Terdapat kekurangan pengurus yang mempunyai rekod prestasi yang baik, tidak seperti di pasaran maju di mana kebanyakan pengurus telah menubuhkan pelbagai dana – seawal tahun 1980-an lagi. Ini bermakna keupayaan pengurus untuk menunjukkan kelebihan kompetitif kepada pelabur yang berpotensi menjadi lebih penting kerana ia mempunyai urus niaga lalu yang terhad untuk digunakan sebagai bukti kejayaannya. Walaupun rekod lalu boleh didapati, mentafsir maklumat ini boleh menjadi sukar di rantau seperti Asia Tenggara di mana bilangan pelupusan urus niaga adalah terhad. Oleh itu, pelabur-pelabur sering perlu membuat keputusan berdasarkan maklumat yang sangat sedikit.

Satu lagi cabaran yang perlu diberi perhatian ke atas beberapa pengurus yang lebih kecil, adalah “risiko ringan” yang dikaitkan dengan ketidakmampuan mereka mendapatkan modal yang mencukupi untuk membiayai infrastruktur mereka. Begitu juga, satu pasukan baru yang telah ditubuhkan dari pelbagai kumpulan yang berbeza, juga boleh menyebabkan masalah apabila proses ketekunan wajar dijalankan, kerana mereka tidak dapat membuktikan kemampuan mereka untuk bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan dan tidak ada kejelasan mengenai proses sebenar yang akan diterima pakai.

Perkara-perkara yang dinyatakan di atas menunjukkan mengapa proses ketekunan wajar ekuiti persendirian di Asia Tenggara boleh menjadi pengalaman yang mencabar. Dalam kes Program Penyumberan Luar Tranche II Ekuinas, matlamatnya adalah untuk mengenal pasti pengurus ekuiti persendirian yang boleh melabur dalam syarikat-syarikat Malaysia bersaiz sederhana sebagai satu cara untuk mewujudkan generasi baharu peneraju pasaran di Malaysia. Ini boleh menjadi satu latihan transformatif jika dilaksanakan dengan berkesan menggunakan ekuiti persendirian sebagai alat kewangan untuk mencapai model ekonomi yang lebih baik bagi negara secara keseluruhannya. Jika berjaya, Program Penyumberan Luar juga boleh membantu untuk membangunkan industri ekuiti persendirian di Malaysia, membentuk arah tuju industri

dengan mengikuti amalan terbaik global dan akhirnya menjadi kompetitif pada skala global. Pelabur selain Ekuinas juga boleh mendapat manfaat daripada peningkatan dalam bilangan pengurus yang menawarkan perkhidmatan ekuiti persendirian menarik dan baik di Malaysia.

Kesimpulan

Pelaburan melalui ekuiti persendirian adalah satu proses kompleks, memerlukan satu tindakan pengimbangan berterusan antara pendapat dan fakta. Bagi yang kurang berpengalaman, kebanyakan pengurus ekuiti persendirian kelihatan hampir sama di antara satu sama lain dalam mesyuarat pengenalan. Rekod masa lalu tidak mencukupi sebagai ukuran kemungkinan kejayaan masa depan – ia hanya untuk mengenal pasti soalan dan bukan memberikan jawapan. Oleh itu, kunci kepada kejayaan proses ketekunan wajar bagi ekuiti persendirian adalah dengan menggunakan faktor-faktor kualitatif dan kuantitatif bagi mengenal pasti pengurus dengan kelebihan daya saing yang jelas dan mapan, yang beroperasi di pasaran kurang menentu. Di Asia Tenggara, bilangan pengurus yang boleh menunjukkan bukti yang mencukupi mengenai kelebihan daya saing mereka adalah kurang kerana pasaran masih belum matang. Oleh itu, terdapat peningkatan “risiko pemilihan pengurus” dalam satu kelas aset yang mempunyai ciri-ciri penyebaran pulangan yang besar. Walau bagaimanapun, pengurus di Asia Tenggara kini matang dengan cepat dan pelabur telah semakin selesa untuk melabur dengan pengurus di rantau ini semenjak kebelakangan ini. Ramai pelabur berpengalaman percaya pasaran ini menawarkan peluang yang disokong oleh asas-asas makroekonomi dan pasaran modal yang menarik. Kami percaya bahawa kumpulan pengurus yang semakin matang dan mahir yang beroperasi di pasaran ini akan mempercepatkan pembangunan industri ini pada masa hadapan. Setelah berpeluang bekerjasama dengan Ekuinas pada tahun-tahun kebelakangan ini, kami yakin ia akan terus memupuk industri ekuiti persendirian Malaysia, yang seterusnya akan mewujudkan manfaat yang lebih banyak bagi keseluruhan ekonomi.

Disediakan oleh:

So Yeun Lim di Towers Watson

TOWERS WATSON 

MENGENAI TOWERS WATSON INVESTMENT


Towers Watson Investment menawarkan khidmat nasihat pelaburan bebas, yang berpandukan penyelidikan untuk membantu pelabur institusi menyesuaikan diri dan berjaya dalam landskap pelaburan yang sentiasa berubah, berdasarkan kepakaran kami dalam penilaian risiko, peruntukan aset strategik, pengurusan fidusiari dan pemilihan pengurus pelaburan.

Towers Watson memberi khidmat nasihat kepada beberapa pelabur institusi terbesar di dunia, termasuk dana pencen, dana negara berdaulat, aset bank dan insurans, yayasan dan endowmen. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.towerswatson.com.

MEMUPUK POTENSI

Melalui pendekatan pelaburan Ekuiti Persendirian kami, syarikat-syarikat portfolio mendapat manfaat daripada kepakaran pengurusan dan kewangan yang disediakan oleh Ekuinas dan berkerjasama ke arah mencapai matlamat bersama iaitu merealisasikan potensi tersembunyi syarikat-syarikat tersebut






ORGANISASI

- Struktur Organisasi
- Profil Lembaga Pengarah
- Profil Pengurusan Kanan
- Pengurusan Lain
- Warga Pelaburan

STRUKTUR ORGANISASI



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda adalah Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.


Pada masa ini, Raja Tan Sri Arshad turut memegang jawatan-jawatan berikut: Pengerusi Maxis Berhad dan Pengarah di Khazanah Nasional Berhad serta ACR Capital Holdings. Beliau juga merupakan Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor dan Pengerusi Yayasan Amir, selain menjadi ahli Lembaga Pemegang Amanah bagi Yayasan DayaDiri. Raja Tan Sri Arshad juga adalah Canselor Universiti Selangor.

Raja Tan Sri Arshad adalah mantan Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi Kanan di PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia. Beliau juga adalah mantan Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan Pengerusi Danamodal Nasional Berhad. Jawatan dan peranan terdahulu beliau di peringkat antarabangsa termasuk menganggotai Lembaga PwC Global IFRS dan Majlis Standards Advisory Council di International Accounting Standards Board.

Raja Tan Sri Arshad merupakan Fellow di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) di mana beliau merupakan anggota Majlis MICPA selama 24 tahun dan pernah menyandang jawatan Presiden selama tiga tahun di dalam tempoh tersebut.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

PENGERUSI BEBAS BUKAN EKSEKUTIF





Dato' Abdul Rahman Ahmad ialah salah seorang Pengarah yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau mengetuai Jawatankuasa Pengurusan dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan.

Sebelum menyertai Ekuinas, Dato' Abdul Rahman menyandang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif di Media Prima Berhad (MPB), kumpulan pelaburan media berintegrasi yang ulung di Malaysia. Beliau juga adalah mantan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif di Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), sebuah syarikat konglomerat Malaysia yang terlibat di dalam perniagaan hartanah, pembinaan dan infrastruktur.

Dato' Abdul Rahman memulakan kerjayanya di Arthur Andersen, London, dan kemudian berkhidmat sebagai Pegawai Khas kepada Pengerusi Eksekutif di Trenergy (M) Berhad/Turnaround Managers Inc Sdn Bhd. Beliau kemudiannya menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, sebuah syarikat pengurusan aset negara sebagai Ketua Unit dan seterusnya menjadi Pengarah Eksekutif di SSR Associates Sdn Bhd.

Dato' Abdul Rahman memiliki ijazah Sarjana di dalam bidang Ekonomi dari Cambridge University, United Kingdom dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW). Beliau juga kini merupakan Pengarah Bebas di MRCB, Axiata Group Berhad (Axiata), dan M+S Pte Ltd, sebuah syarikat usahasama hartanah antara Khazanah Nasional Berhad dan Temasek Holdings (Private) Limited.

Dato' Abdul Rahman Ahmad

PENGARAH DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan ahli Jawatankuasa Audit.

Pada masa ini, beliau merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif di New Straits Times Press Berhad dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Media Prima Berhad. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Affin Bank Berhad dan ahli Suruhanjaya di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar adalah Pengerusi, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dalam pelbagai kapasiti sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah ISIS Malaysia pada tahun 1990 dan kemudiannya sebagai Ketua Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi.

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar merupakan ahli Kumpulan Kerja Majlis Ekonomi dan ahli Panel Penasihat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Beliau juga adalah Pengerusi, Jawatankuasa Nasional Malaysia bagi Majlis Kerjasama Keselamatan di Asia Pasifik dan seorang *Expert and Eminent Person* bagi Forum Serantau ASEAN (ARF).



Tan Sri Dato' Seri Mohamed
Jawhar Hassan

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF



Tan Sri Mohamed Azman Yahya ialah salah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Beliau merupakan pengasas dan Ketua Eksekutif Kumpulan Symphony House Berhad, sebuah syarikat perkhidmatan penyumberan luar tersenarai dan Pengerusi Eksekutif, Symphony Life Berhad, sebuah kumpulan hartanah tersenarai. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad dan AIA Group Limited. Tan Sri Azman juga adalah ahli Majlis Penasihat Pasaran Modal, Suruhanjaya Sekuriti dan Yayasan Laporan Kewangan Malaysia (FRF) serta merupakan Pengarah Sepang International Circuit Sdn Bhd dan Pengerusi Motorsports Association of Malaysia.

Sebelum menceburi bidang perniagaan, Tan Sri Azman pernah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan dan mengetuai Danaharta Nasional Berhad, syarikat pengurusan aset negara dan dilantik sebagai Pengerusi syarikat sehingga tahun 2003. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu menyelesaikan dan menstrukturkan semula hutang bagi syarikat-syarikat berdaya maju sehingga pembubarannya pada tahun 2002.

Kerjaya beliau sebelum ini merangkumi pengalaman bekerja di bidang audit dengan KPMG di London, bidang kewangan dengan Kumpulan Island & Peninsular dan bidang perbankan pelaburan dengan Bumiputra Merchant Bankers dan Amanah Merchant Bank.

Tan Sri Azman memiliki Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) kelas satu di bidang Ekonomi dari London School of Economics and Political Science, dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) selain menjadi Fellow di Institut Bank-Bank Malaysia.

Tan Sri Mohamed Azman Yahya

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Datuk Dr Rahamat Bivi Yusoff menyertai Lembaga Pengarah Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) sebagai Pengarah Bukan Eksekutif pada 19 Oktober 2011 ketika beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia (UPE, JPM).

Datuk Dr Rahamat telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia selama lebih 30 tahun, di mana jawatan pertama beliau adalah sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai) di Kementerian Kewangan (MOF) dan seterusnya beliau telah memegang pelbagai jawatan, antaranya Pengarah Bahagian Belanjawan di MOF, Timbalan Pengarah Seksyen Ekonomi Makro di UPE, JPM, Pegawai Projek di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Pengarah di Suruhanjaya Tenaga. Sebelum dilantik menjadi Ketua Pengarah UPE, JPM, Datuk Dr Rahamat merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, MOF menerajui Bahagian Sistem dan Kawalan.

Datuk Dr Rahamat juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan MRT Corporation Sdn. Bhd. Beliau juga ialah ahli Majlis di Iskandar Regional Development Authority (IRDA), Sabah Economic Development & Investment Authority (SEDIA), Sarawak Corridor of Renewable Energy (RECODA) dan East Cost Economic Region Development Council (ECERDC).

Datuk Dr Rahamat memiliki ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia, ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Western Michigan, Amerika Syarikat dan beliau juga telah menerima ijazah Kedoktoran dari Australian National University.

Datuk Dr Rahamat Bivi Yusoff

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF





Datuk Noriyah Ahmad ialah salah seorang daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), ahli Jawatankuasa Audit dan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan CSR.

Datuk Noriyah merupakan mantan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri Malaysia (UPE, JPM), iaitu jawatan terakhir yang disandang setelah lebih 30 tahun berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Beliau memulakan kerjaya dengan Kerajaan sebagai Penolong Pengarah, Seksyen Perkhidmatan Sosial, UPE, JPM, dan kemudian memegang pelbagai jawatan di Kementerian Wilayah Persekutuan, Unit Perancang Lembah Klang, INTAN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Pada tahun 2003, beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Seksyen Pengagihan di UPE, JPM dan dinaikkan pangkat kepada Timbalan Ketua Pengarah I pada tahun 2005. Datuk Noriyah dilantik menjadi Ketua Pengarah UPE, JPM pada tahun 2009, sebelum bersara pada bulan Oktober 2011.

Datuk Noriyah juga merupakan Pengerusi Bersama bagi Malaysia-Thailand Joint Authority (MJTA) dan ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Zecon Medicare Sdn. Bhd. dan Prokhas Sdn. Bhd.

Datuk Noriyah memiliki ijazah Sarjana Muda Ekonomi Gunaan (Kepujian) dari Universiti Malaya dan ijazah Sarjana Ekonomi Pembangunan dari University of Kent, United Kingdom.

Datuk Noriyah Ahmad

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF



PROFIL PENGURUSAN KANAN



ABDUL RAHMAN AHMAD
Ketua Pegawai Eksekutif

Profil Abdul Rahman adalah seperti di halaman 47.



SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR
Pengarah Urusan, Pelaburan

Syed Yasir Arafat ialah Pengarah Urusan, Pelaburan di Ekuinas dan beliau adalah ahli Jawatankuasa Pelaburan dan juga Jawatankuasa Pengurusan. Syed Yasir Arafat kini menyelia Kumpulan Pelaburan Ekuinas dan menerajui portfolio pelaburan Syarikat dalam sektor minyak dan gas (O&G) dan juga sektor perkhidmatan.

Sebelum menyertai Ekuinas, beliau merupakan Pengurus Negara (Perbankan Borong ING) yang menyelia operasi kedua-dua syarikat ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd dan ING Bank (Labuan) di Malaysia. Beliau berkhidmat selama 9 tahun di ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd bermula sebagai VP Corporate Finance di mana beliau mengendalikan operasi penggabungan dan pengambilalihan (M&A), penubuhan dana ekuiti dan dana berkaitan ekuiti, penubuhan dana pinjaman dan menjadi penasihat kewangan kepada beberapa syarikat peneraju Malaysia yang terlibat dalam bidang perbankan, perladangan, automotif, telekomunikasi dan hartanah.

Sebelum itu, Yasir pernah berkhidmat di United Overseas Bank (Malaysia) Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Commerce International Merchant Bankers Berhad dan Aseambankers Malaysia Berhad.

Yasir memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perakaunan dan Pengurusan Kewangan dari University of Essex, United Kingdom.



MAZHAIKUL JAMALUDIN

**Ketua Pegawai Kewangan dan
Pengaruh Kanan, Pelaburan/Penyumberan Luar**

Mazhairul Jamaludin ialah Ketua Pegawai Kewangan dan Pengarah Kanan, Pelaburan/Penyumberan Luar serta ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan. Beliau menerajui Program Penyumberan Luar Ekuinas dan merupakan Pengarah Kanan yang bertanggungjawab membina portfolio pendidikan Ekuinas. Sebagai Ketua Pegawai Kewangan, Mazhairul juga bertanggungjawab menyelia hal-hal berkaitan pengurusan kewangan, laporan portfolio dan perbendaharaan. Beliau turut merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Penasihat beberapa syarikat pengurus Penyumberan Luar Ekuinas.

Sebelum ini, Mazhairul menyandang jawatan Pengawal Kewangan dan Timbalan Presiden Kanan, Perkhidmatan Komersial, MultiChannel TV di ASTRO, sebuah kumpulan media terkemuka di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan televisyen bersatelit DTH (Direct-To-Home), radio komersial dan program televisyen.

Beliau juga pernah bertugas sebagai Timbalan Presiden Pelaporan Perakaunan dan Pengurusan Kewangan di Celcom, salah sebuah syarikat telekomunikasi mudah alih terulung negara serta pernah berkhidmat di Arthur Andersen dan Ernst & Young.

Mazhairul memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian di dalam bidang Perakaunan & Kewangan dari University of Lancaster, United Kingdom dan adalah Fellow di Persatuan Akauntan Bertauliah Berpiagam (ACCA) dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).



NIK JOHAAN NIK HASHIM

Pengaruh Kanan, Pelaburan/Pengurusan Pihak Berkepentingan

Nik Johaan Nik Hashim ialah Pengarah Kanan, Pelaburan/Pengurusan Pihak Berkepentingan di Ekuinas dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Jawatankuasa Pengurusan. Nik Johaan merupakan salah seorang Pengarah Kanan yang bertanggungjawab ke atas pelaburan Ekuinas dalam sektor makanan & minuman (F&B) serta sektor perkhidmatan. Beliau juga menerajui fungsi Pengurusan Pihak Berkepentingan di Ekuinas.

Sebelum menyertai Ekuinas, Nik Johaan bertugas di CIMB Investment Bank dan mempunyai pengalaman perbankan lebih 18 tahun terutamanya di dalam bidang perbankan pelaburan di mana beliau mengetuai dan mengendalikan urusan niaga pasaran modal pinjaman, pensindiketan pinjaman, tawaran awam awal (IPO), penasihat projek dan pelaksanaan penstrukturan semula hutang. Dalam tempoh perkhidmatannya di bank tersebut, beliau juga telah bertugas selama tiga tahun di CIMB Bank sebagai Pengarah Kawasan bagi bahagian perbankan pengguna dan perbankan perniagaan. Jawatan terakhir yang disandang oleh beliau di CIMB ialah Pengarah dan Ketua, Perhubungan Perbadanan Multinasional dan Kerajaan.

Nik Johaan menamatkan pengajian di University of Leicester, United Kingdom dengan ijazah Sarjana Muda Sastera di bidang Ekonomi dan mempunyai ijazah Sarjana di dalam bidang Perbankan Antarabangsa & Perkhidmatan Kewangan dari University of Reading, United Kingdom.

PROFIL PENGURUSAN KANAN



AMIL IZHAM HAMZAH
Pegarah Kanan, Pelaburan

Amil Izham Hamzah ialah Pegarah Kanan Pelaburan di Ekuinas dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan. Beliau adalah salah seorang Pegarah Kanan yang bertanggungjawab ke atas portfolio Ekuinas dalam sektor pendidikan dan sektor makanan & minuman (F&B).

Sebelum ini, Amil Izham menyandang jawatan Ketua Pegawai Kewangan di Kumpulan Media Prima Berhad (MPB) di mana beliau bertanggungjawab menguruskan laporan kewangan, perbendaharaan, penstrukturan semula hutang, penggabungan dan pengambilalihan, dan perhubungan pelabur. Beliau juga pernah bertugas di PricewaterhouseCoopers Kuala Lumpur, Petronas dan juga Deloitte Touche Tohmatsu di Perth, Australia.

Amil Izham ialah ahli Institut Akauntan Berpiagam Australia (ICAA) dan memiliki ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari University of New South Wales, Sydney, Australia dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan di bidang Pemasaran Antarabangsa dari Berne University of Applied Sciences, Switzerland.



SURIDAH JALALUDDIN
Pegarah Kanan, Pelaburan/Perkhidmatan Bersama

Suridah Jalaluddin ialah Pegarah Kanan, Pelaburan/Perkhidmatan Bersama di Ekuinas dan merupakan pengarah gantian kepada Dato' Abdul Rahman Ahmad dalam Lembaga Pegarah syarikat portfolio Ekuinas iaitu Alliance Cosmetics Group. Suridah menyelia semua fungsi perkhidmatan bersama yang meliputi modal insan, pentadbiran, pengurusan sistem maklumat, komunikasi dan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Suridah merupakan mantan Ketua Pegawai Eksekutif di NTV7, sebuah stesen televisyen popular milik Media Prima Berhad (MPB), berikutan penjualan syarikat medianya sendiri iaitu Big Tree Outdoor Sdn Bhd (Big Tree) kepada MPB. Beliau menubuhkan Big Tree pada tahun 1994 untuk memberi tumpuan kepada pengiklanan papan tanda di lebuh raya, pusat transit dan gedung membeli-belah. Kegigihan Suridah telah membolehkan beliau mengembangkan syarikat menjadi salah sebuah syarikat pengiklanan luar terbesar di Malaysia.

Beliau memiliki pengalaman yang luas di dalam bidang media, pengiklanan dan komunikasi, di Malaysia dan juga United Kingdom.



Duduk dari kiri ke kanan:

- Sharifah Noralina Syed Yassin
Pengarah, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio, Sumber Manusia
- Roselinda Hashim
Ketua Pegawai Perundangan dan Pengarah Pelaburan
- Norhafizah Md Shariff
Pengarah, Kewangan
- Kathy Wong
Pengarah, Perkhidmatan Bersama

Berdiri dari kiri ke kanan:

- Heng Khim Hui
Pengarah, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio, Penciptaan Nilai dan Operasi
- Aimi Aziz
Pengarah, Komunikasi
- Noramly Bachok
Ketua, Tadbir Urus Korporat & Pengurusan Risiko

WARGA PELABURAN



Duduk dari kiri ke kanan:

- Rizal Mohd Zin
Pengarah, Pelaburan / Pejabat CEO

Berdiri dari kiri ke kanan:

- Howard Soh Soon Hu'ang
Pengarah Bersekutu, Pelaburan

- Ziad Hafiz Abd Razak
Pengarah Bersekutu, Penyumberan Luar

- Mohd Irwan Ahmad Mustafa
Pengarah Bersekutu, Pelaburan



WARGA PROFESIONAL PELABURAN YANG LAIN

Duduk dari kiri ke kanan:

- Haslina Ali
- Mohamed Omar Fateh Mohamed
- Tengku Mohamed Hafiz Safiyuddeen
- Wong Pai Sent

Berdiri dari kiri ke kanan:

- Tengku Adrinna Shahaz Tengku Azman
- Teo Wei Min
- Ahmad Faez Mohd Soffi
- Mohd Afiq Mohd Fozi
- Addeno Abdul Rasyid
- Salahuddin Khairuddin
- Mohammad Bazil Razif
- Wafiy Abdul Aziz
- Nadhra Iman Ahmad Fauzi

OPERASI & PRESTASI

- Ulasan Prestasi Pelaburan
- Syarikat-syarikat Portfolio

ULASAN PRESTASI PELABURAN

A. PELABURAN LANGSUNG – ULASAN KESELURUHAN

1. Tinjauan dana

Ekuinas Direct (Tranche I) Fund telah ditubuhkan pada tahun 2010 dengan komitmen sebanyak RM1.0 bilion dan telah diagihkan sepenuhnya pada suku ketiga 2012. Sejurus selepas itu, Ekuinas Direct (Tranche II) Fund telah dilancarkan mengikut tema yang sama seperti dana sebelumnya.

Nama Dana	Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	Ekuinas Direct (Tranche II) Fund
Tahun Penubuhan	2010	2012
Status	Diagihkan sepenuhnya	Dilaburkan
Modal Komited	RM1.0 bilion	RM1.0 bilion
Tempoh	5 + 2 tahun	
Jangkamasa Pelaburan	3 hingga 5 tahun	
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu Pengurus Dana dan Satu Pelabur	
Tumpuan geografi	Malaysia	
Tumpuan pelaburan	Buy-out dan Dana Modal Pertumbuhan	
Tumpuan Industri	Pendidikan, Minyak & Gas, FMCG, Peruncitan & Percutian, Medikal dan Perkhidmatan	

2. Aktiviti Pelaburan

Tiga pelaburan langsung berjumlah RM121.1 juta telah dimuktamadkan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 (TK2013), menjadikan jumlah pelaburan komited oleh Ekuinas sebanyak RM1.6 bilion. Ini melibatkan pelaburan baru dalam PrimaBaguz Sdn Bhd, syarikat pemprosesan daging premium halal, dan dua pelaburan susulan dalam Integrated Food Group Sdn Bhd (IFG) dan ILMU Education Group Berhad (ILMU) yang melibatkan perolehan saham tambahan dan suntikan modal baru ke dalam Cosmo Restaurants Sdn Bhd, pemegang francais BURGER KING® di Malaysia, dan perolehan kepentingan majoriti dalam APIIT Lanka Pvt Ltd, penyedia pendidikan tinggi swasta terkemuka di Sri Lanka.

Rajah 1: Aktiviti Pelaburan Langsung tahun 2013

RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
1 PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz)	Pembuatan Makanan	100.0%	40.0	–	40.0
2 Cosmo Restaurants Sdn Bhd (BKM)	Peruncitan – F&B	20.9%	48.8	–	48.8
3 Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka)	Pendidikan	76.5%	32.3	–	32.3
Jumlah untuk tahun 2013			121.1	–	121.1

ULASAN PRESTASI PELABURAN

Melalui pelaburan-pelaburan ini, Dana Pelaburan Langsung sehingga kini telah membantu kemasukan modal sebanyak RM1.8 bilion ke dalam ekonomi yang memberikan impak positif kepada ekonomi Malaysia.



Rajah 2: Jumlah Pelaburan Langsung sehingga 31 Disember 2013

RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
Ekuias Direct (Tranche I) Fund					
1 Alliance Cosmetics Group (ACG)	FMCG	20.0%	39.9	119.6	159.5
2 Tanjung Offshore Berhad (TOB)	Minyak & Gas	24.0%	99.8	–	99.8
3 Konsortium Logistik Berhad (KLB)	Perkhidmatan	61.6%	241.0	–	241.0
4 Kumpulan Pendidikan APIIT (APIIT)	Pendidikan	51.0%	102.0	–	102.0
5 Cosmo Restaurants Sdn Bhd (BKM)	Peruncitan-F&B	74.1%	68.2	–	68.2
6 Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)	Peruncitan-F&B	90.0%	30.0	–	30.0
7 Revenue Valley Group (RV)	Peruncitan-F&B	85.8%	64.6	–	64.6
8 Kumpulan Cosmopoint (Cosmopoint)	Pendidikan	90.0%	246.0	–	246.0
9 UNITAR International University (UNITAR)	Pendidikan	90.0%	58.5	2.5	61.0
10 ICON Offshore Berhad (Icon)	Minyak & Gas	70.7%	308.2	–	308.2
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche I			1,258.2	122.1	1,380.3
Ekuias Direct (Tranche II) Fund					
1 Burger King Singapore Pte Ltd (BKS)	Peruncitan-F&B	100.0%	78.2	–	78.2
2 Icon Offshore Berhad (Icon)	Minyak & Gas	17.4%	175.9	–	175.9
3 PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz)	Pembuatan Makanan	100.0%	40.0	–	40.0
4 Cosmo Restaurants Sdn Bhd (BKM)	Peruncitan-F&B	20.9%	48.8	–	48.8
5 Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka)	Pendidikan	76.5%	32.3	–	32.3
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche II			375.2	–	375.2
Jumlah Kumulatif Pelaburan yang Dilaksanakan			1,633.4	122.1	1,755.5

Pelaburan komited yang dilaksanakan sehingga penghujung tahun kewangan 2013 memiliki ciri-ciri berikut:



- Secara keseluruhannya, Ekuinas sehingga kini telah melabur dalam lima (5) daripada enam (6) sektor teras yang telah dikenal pasti iaitu Barangan Pengguna Laris (FMCG), Pendidikan, Minyak & Gas (O&G), Perkhidmatan dan Peruncitan – F&B, dan juga Pembuatan Makanan.
- Sebahagian besar daripada pelaburan dilaksanakan di dalam industri O&G terutamanya dalam sektor Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) melalui ICON Offshore Berhad; sektor Pendidikan melalui pelaburan di dalam empat kumpulan terkemuka iaitu Kumpulan Pendidikan APIIT, Kumpulan Cosmopoint, UNITAR International University dan APIIT Lanka; dan sektor Peruncitan – Makanan dan Minuman (F&B) menerusi pelaburan di dalam jenama terkemuka seperti BURGER KING®, San Francisco Coffee, Manhattan Fish Market, Tony Roma's dan Popeye's Singapura.

- Ketiga-tiga sektor O&G, Pendidikan dan Peruncitan-F&B mewakili 80% (2012: 81%) daripada jumlah pelaburan yang dilaksanakan.



- Minyak & Gas
- Pendidikan
- FMCG
- Perkhidmatan
- Peruncitan-F&B
- Pembuatan


- Kesemua pelaburan berada dalam ketiga-tiga (3) kategori pelaburan yang telah dikenal pasti oleh Ekuinas, iaitu pelaburan modal pertumbuhan di dalam syarikat Bumiputera/Malaysia berpotensi tinggi untuk membantu mempercepatkan pertumbuhan, pelaburan *buy-out* di dalam syarikat-syarikat Malaysia dan perolehan aset bukan teras daripada GLC, PLC, MNC atau Yayasan.



- Perolehan Aset Bukan Teras
- Pelaburan dalam Syarikat Bumiputera/Malaysia
- Perolehan *Buy-Out* Syarikat Malaysia


ULASAN PRESTASI PELABURAN

- Pelaburan-pelaburan yang dilaksanakan sehingga kini menjurus kepada pelaburan *buy-out* di mana Ekuinas memperoleh kepentingan utama dalam syarikat untuk menyokong usahawan dan pengurus profesional berwibawa dan berpengalaman yang memerlukan sokongan untuk mentransformasi perniagaan mereka. Ini juga membantu memudahkan penggabungan di antara syarikat-syarikat portfolio yang saling melengkapi sebagai sebahagian daripada strategi Ekuinas untuk mewujudkan pelaburan transformatif.




- Pelaburan komited yang dilaksanakan sehingga kini lebih tertumpu kepada strategi “Beli dan Bina”, istilah yang digunakan oleh syarikat ekuiti persendirian di mana Ekuinas mengenal pasti syarikat-syarikat yang sesuai untuk digabungkan di bawah satu kumpulan besar yang berpotensi untuk menjadi syarikat peneraju masa hadapan.


Sehingga kini, lebih 74% (2012: 75%) daripada jumlah portfolio diwakili oleh pelaburan yang dilaksanakan di bawah strategi ini.



- Ketiga-tiga (3) pelaburan untuk tahun ini adalah pelaburan di dalam syarikat-syarikat persendirian. Ini meningkatkan nisbah pelaburan dalam syarikat-syarikat persendirian kepada 79% daripada jumlah portfolio, dengan bakinya di dalam syarikat tersenarai.



 Syarikat Tersenarai



 Syarikat Persendirian

ULASAN PRESTASI PELABURAN

3. Aktiviti Pelupusan

Pada tahun ini, Ekuinas telah menjual keseluruhan kepentingan ekuiti sebanyak 61.6% dalam Konsortium Logistik Berhad (KLB) kepada KL Airport Services Sdn Bhd (KLAS), anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM), dengan nilai RM1.55 setiap saham KLB untuk pertimbangan tunai sebanyak RM241.0 juta. Harga jualan yang diterima oleh Ekuinas diterjemahkan kepada premium 11% berbanding harga saham wajaran KLB sejak tiga bulan terakhir pada RM1.04 dan mewakili 2.1 kali ganda aset ketara bersih KLB pada 30 Jun 2013.

Berdasarkan hasil jualan kasar yang diterima dan selepas ditambah dividen terkumpul yang telah diterima oleh Ekuinas sepanjang pemilikannya dalam KLB, pelaburan KLB telah menjana IRR sebanyak 19.4% setahun atau 1.5 kali ganda modal yang dilaburkan oleh Ekuinas.

KLB merupakan pelupusan utama pertama untuk Ekuinas, selepas ia beralih ke fasa merealisasikan pelaburannya setelah empat tahun beroperasi.

Rajah 3: Jumlah pelupusan sehingga 31 Disember 2013

RM juta Syarikat Portfolio	Tahun Pelupusan	Pegangan	Pelaburan Komited RM juta	Jumlah Terealisasi RM juta	IRR Kasar %	Gandaan Nilai
Konsortium Logistik Berhad	2013	61.6%	241.0	347.4	19.4%	1.5x
Tanjung Offshore Berhad*	2012	24.0%	99.8	62.0	-19.2%	0.6x

* Pelupusan pelaburan dalam Tanjung Offshore Berhad adalah sebahagian daripada aktiviti penstrukturan semula portfolio O&G Ekuinas apabila ia melabur semula hasil sebagai pelaburan tambahan dalam Icon Offshore.

Melalui pelaburannya di dalam KLB, Ekuinas telah berjaya meningkatkan ekuiti Bumiputera sebanyak RM403.2 juta atau 1.7 kali ganda modal dilabur oleh Ekuinas, termasuk menjana keuntungan ekuiti bagi Pengurusan KLB dan kakitangannya sebanyak RM4.7 juta melalui skim opsyen saham pekerja yang telah diperkenalkan. Semasa pelupusan oleh Ekuinas, KLB menggaji seramai 1,415 orang kakitangan, di mana 91% daripadanya adalah Bumiputera, mewakili peningkatan sebanyak 25% sejak kemasukan Ekuinas.

Pelupusan KLB adalah selaras dengan mandat Ekuinas sebagai sebuah firma ekuiti persendirian, iaitu menjual kepentingan dalam pelaburannya setelah berjaya mencipta nilai. Sepanjang tempoh pemilikan, Ekuinas telah berjaya membantu meningkatkan nilai KLB menerusi pelan jualan aset bukan teras dan melebarkan operasi ke sektor baru seperti O&G dan FMCG. Penjualan kepada DRB-HICOM akan mentransformasikan KLB menjadi salah sebuah syarikat logistik bersepadu terbesar di Malaysia, disokong pula dengan sinergi yang ditawarkan oleh konglomerat Bumiputera tersebut iaitu kumpulan DRB-HICOM, yang turut memberikan kesinambungan dari segi pemilikan Bumiputera.

Rajah 4: Prestasi Objektif Sosial KLB – Nilai Ekuiti

RM juta Syarikat Portfolio	Ekuiti Bumiputera		Nilai Dicipta	
	Peningkatan Nilai Ekuiti Bumiputera	Gandaan Bagi Modal Pelaburan Ekuinas	Nilai Ekonomi Dicipta	Gandaan Bagi Modal Pelaburan Ekuinas
Nilai Ekuiti	403.2	1.7x	712.6	3.0x

Rajah 5: Prestasi Objektif Sosial KLB – Pengurusan & Kakitangan

RM juta Syarikat Portfolio	Bilangan Kakitangan Bumiputera	Jumlah Keseluruhan Kakitangan	% Bumiputera daripada Jumlah Keseluruhan Kakitangan	Peningkatan % Bumiputera Selepas Kemasukan
Pengurusan	18	26	69	50
Kakitangan	1,293	1,415	91	25

4. Prestasi Syarikat Portfolio


Berasaskan gabungan portfolio, syarikat-syarikat portfolio Ekuinas mencatatkan pertumbuhan hasil terkumpul sebanyak 6.2% mencecah RM1.5 bilion dengan perolehan hasil sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) meningkat kukuh sebanyak 4.1% kepada RM375.5 juta. Ini dipacu oleh pertumbuhan jualan yang kukuh yang dicatatkan oleh syarikat-syarikat portfolio F&B dan O&G.

Rajah 6: Prestasi Syarikat Portfolio – Hasil dan EBITDA bergabung

	Hasil Digabungkan (RM juta)			EBITDA Digabungkan (RM juta) ¹		
	2013	2012	% Pertumbuhan	2013	2012	% Pertumbuhan
Jumlah syarikat portfolio	1,540.3	1,450.8	6.2%	375.5	360.6	4.1%

¹ EBITDA tidak termasuk sebarang butiran tidak berulang dan luar biasa

Rajah 7: Prestasi Syarikat Portfolio – Gabungan Hasil dan EBITDA



Ini mewakili jumlah proforma disatukan untuk semua syarikat portfolio sedia ada seolah-olah mereka berada di bawah pemilikan Ekuinas untuk sepanjang tahun.

ULASAN PRESTASI PELABURAN

B. EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND

Nilai Aset Bersih (NAV) Dana pada 31 Disember 2013

	2012 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2013 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,000.0	–	1,000.0
B. Modal Dipanggil	1,119.4	(39.4)	1,080.0
C. Modal Dilabur semula	87.2	78.8	166.0
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	1,206.6	39.4	1,246.0
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	110.9	(70.9)	40.0
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	1,317.5	(31.5)	1,286.0
Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	123.6	(80.5)	43.1
Keuntungan Belum Direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	293.2	265.6	558.8
(Kerugian)/Keuntungan direalisasi dari aktiviti Pelupusan	(37.8)	106.4	68.6
Perbelanjaan Faedah	(10.4)	(4.2)	(14.6)
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	368.6	287.3	655.9
Perbelanjaan Organisasi	(131.5)	(83.1)	(214.6)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(87.2)	(376.1)	(463.3)
Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam Nilai Aset Bersih	149.9	(171.9)	(22.0)
G. Nilai Aset Bersih	1,467.4	(203.4)	1,264.0
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan – pada kos	1,143.3	(241.0)	902.4
Keuntungan Belum Direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	293.2	265.6	558.8
Pelaburan pada Nilai Saksama	1,436.5	24.6	1,461.2
Tambah: Baki Tunai	77.8	(41.4)	36.4
Tambah: Modal Kerja	(35.0)	(198.6)	(233.6)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	(12.0)	12.0	–
Bersamaan Nilai Aset Bersih	1,467.4	(203.4)	1,264.0
Nilai Aset Bersih	1,467.4	(203.4)	1,264.0
H. Modal Diagihkan	–	297.3	297.3
I. Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	1,467.4	93.9	1,561.3
IRR Kasar	27.5%		25.5%
IRR Bersih (sebelum faedah)	20.6%		20.4%

* Termasuk pengagihan modal dilabur semula

Dana ini telah dilaburkan sepenuhnya pada tahun 2012. Dalam tahun kewangan, panggilan modal hanya dibuat untuk fi pengurusan di mana perbelanjaan dana lainnya dibiayai melalui hasil pelaburan, membawa jumlah modal terkumpul dilaburkan kepada RM1.3 bilion pada akhir tahun kewangan.

Dana ini juga telah melaksanakan aktiviti pelupusan utama pertamanya dengan penjualan kepentingan dalam KLB untuk pertimbangan tunai sebanyak RM241.0 juta. Bersama-sama dengan dividen terkumpul yang diterima sepanjang pemilikan dalam KLB, penjualan tersebut merekodkan jumlah keuntungan direalisasi sebanyak RM106.4 juta.

Secara keseluruhannya, Dana tersebut terus menunjukkan pulangan yang kukuh sepanjang tahun ini dengan pulangan kasar portfolio sebanyak RM655.9 juta, di mana RM111.7 juta atau 17.0% telah pun direalisasikan melalui pendapatan dividen dan pelupusan pelaburan. Ini menunjukkan IRR kasar tahunan yang memberangsangkan sebanyak 25.5% dan IRR bersih sebanyak 20.4%, selepas ditolak fi pengurusan yang dibayar kepada Ekuinas.

Nilai aset bersih Dana pada akhir tahun adalah sebanyak RM1.3 bilion. Ini termasuk pelaburan yang dimuktamadkan dengan kos asal berjumlah RM902.4 juta, yang dibawa pada nilai saksama kolektif berjumlah RM1.5 bilion, mencerminkan peningkatan nilai pelaburan yang dibuat selepas mengambilkira anggaran nilai pasaran semasa aset-aset ini.

Rajah 8: Prestasi Portfolio Ekuinas Direct (Tranche I) Fund pada 31 Disember 2013

Syarikat	Kepentingan %	Kos Pelaburan ² RM juta	Pulangan Kasar Portfolio RM juta	Jumlah Nilai Portfolio RM juta	IRR %
Pelaburan:					
ACG	20.0	39.9	Pendapatan Dividen 43.1	1,558.3	IRR Kasar 25.5%
APIIT	51.0	102.0	Pertambahan dalam nilai saksama 558.8		
Cosmopoint	90.0	246.0	Keuntungan dari pelupusan 68.6	1,558.3	IRR Bersih 20.4%
UNITAR	90.0	58.5			
SF	90.0	15.0			
BKM	74.1	68.2			
RV	85.8	64.6	Perbelanjaan faedah (14.6)		
Icon	70.7	308.2	655.9		
902.4					
Pelupusan:					
TOB	24.0	99.8			
KLB	61.6	241.0			
340.8					


² Kos pelaburan mewakili jumlah pelaburan komited

Berdasarkan jumlah kumulatif, Dana telah mencatatkan pulangan kasar portfolio berjumlah RM655.9 juta sejak penubuhannya. Ini dipacu oleh peningkatan dalam nilai saksama pelaburan tidak direalisasi berjumlah RM558.8 juta, pendapatan direalisasi dari dividen berjumlah RM43.1 juta, keuntungan bersih direalisasi dari pelupusan pelaburan sebanyak RM68.6 juta selepas ditolak perbelanjaan faedah.

Peningkatan ketara dalam nilai saksama portfolio pelaburan adalah disebabkan oleh pengembangan pasaran dan peningkatan dalam keuntungan operasi yang dijana oleh syarikat portfolio sejak pengambilalihan, dipacu oleh kejayaan pelan penciptaan nilai yang dilaksanakan.

ULASAN PRESTASI PELABURAN


Rajah 9: Peningkatan Nilai³ Portfolio Terkumpul Ekuinas Direct (Tranche I) Fund



^A Jumlah digabung membentuk Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM655.9 juta pada tahun 2013

³ Nilai portfolio adalah daripada pelaburan yang dimuktamadkan pada harga kos termasuk Pulangan Kasar Portfolio

Rajah 10: Perubahan Nilai⁴ Portfolio Ekuinas Direct (Tranche I) Fund pada 31 Disember 2013



A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2012 bernilai RM368.6 juta

B Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2013 bernilai RM655.9 juta

C Jumlah digabung membawa kepada peningkatan nilai pada tahun ini bernilai RM287.3 juta

Dari segi komposisi profil, pertumbuhan dalam nilai portfolio bagi tahun tersebut sebanyak RM46.3 juta kepada RM1.6 bilion telah dipacu terutamanya oleh pulangan kasar portfolio sebanyak RM287.3 juta, selepas ditolak jumlah pelupusan sebanyak RM241.0 juta.

Peningkatan nilai yang dicapai adalah disebabkan peningkatan dalam nilai saksama pelaburan tidak direalisasikan sebanyak RM265.6 juta, dan pendapatan direalisasikan bersih sebanyak RM25.9 juta daripada dividen dan aktiviti pelupusan, yang sebahagiannya diimbangi oleh perbelanjaan yang direkodkan.

⁴ Nilai portfolio adalah daripada pelaburan yang dimuktamadkan pada harga kos termasuk Pulangan Kasar Portfolio

ULASAN PRESTASI PELABURAN

C. EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

Nilai Aset Bersih (NAV) Dana pada 31 Disember 2013

	2012 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2013 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,000.0	–	1,000.0
B. Modal Dipanggil	90.0	124.3	214.3
C. Modal Dilabur semula	–	–	–
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	90.0	124.3	214.3
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	–	–	–
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	90.0	124.3	214.3
Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	–	–	–
Keuntungan Belum Direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan (Kerugian)/Keuntungan direalisasi dari aktiviti Pelupusan	22.5	107.6	130.1
Perbelanjaan Faedah	4.5	(1.6)	2.9
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	27.0	106.0	133.0
Perbelanjaan Organisasi	(10.2)	(35.1)	(20.3)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	–	–	–
Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam Nilai Aset Bersih	16.8	70.9	87.7
G. Nilai Aset Bersih	106.8	195.2	302.0
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan – pada kos	88.4	151.6	240.0
Keuntungan Belum Direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	22.5	107.6	130.1
Pelaburan pada Nilai Saksama	110.9	259.2	370.1
Tambah: Baki Tunai	–	1.5	1.5
Tambah: Modal Kerja	(4.1)	(65.5)	(69.6)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	–	–	–
Bersamaan Nilai Aset Bersih	106.8	195.2	302.0
Nilai Aset Bersih	106.8	195.2	302.0
H. Modal Diagihkan	–	–	–
I. Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	106.8	195.2	302.0
IRR Kasar	95.8%		68.9%
IRR Bersih (sebelum faedah)	83.1%		50.4%

* Termasuk pengagihan modal dilabur semula

Momentum pelaburan Dana terus meningkat secara berterusan dengan tiga (3) pelaburan baru pada tahun ini. Jumlah modal sebanyak RM124.3 juta telah dipanggil terutamanya untuk pelaburan dalam Primabaguz Sdn Bhd, Cosmo Restaurants Sdn Bhd dan APIIT Lanka Pvt Ltd, serta untuk perbelanjaan pengurusan, menjadikan jumlah keseluruhan modal dipanggil terkumpul kepada RM214.3 juta pada akhir tahun kewangan.

Bagi tahun kewangan berakhir 2013, Dana ini berjaya mencapai pulangan kasar portfolio sebanyak RM133.0 juta, bersamaan IRR kasar tahunan sebanyak 68.9%. Selepas ditolak fi pengurusan yang dibayar kepada Ekuinas, Dana ini mencatatkan IRR bersih tahunan yang memberangsangkan sebanyak 50.4%. Pulangan adalah lebih rendah daripada yang dicatatkan pada tahun 2012 yang dipengaruhi oleh tempoh pelaburan yang singkat.

Oleh itu, nilai aset bersih Dana pada akhir tahun meningkat daripada RM106.8 juta kepada RM302.0 juta. Ini termasuk jumlah pelaburan yang dimuktamadkan dengan kos asal berjumlah RM240.0 juta, yang dibawa kepada nilai saksama kolektif sebanyak RM370.1 juta, mencerminkan nilai tambahan pelaburan yang dibuat selepas mengambil kira anggaran nilai pasaran semasa bagi aset-aset ini.

Rajah 11: Prestasi Portfolio Ekuinas Direct (Tranche II) Fund pada 31 Disember 2013

Syarikat	Kepentingan %	Kos Pelaburan ⁵ RM juta	Pulangan Kasar Portfolio RM juta	Jumlah Nilai Portfolio RM juta	IRR %
Pelaburan:					
BKS	100.0	25.1	Pertambahan dalam nilai saksama 130.1	373.0	IRR Kasar 68.9%
Icon	17.4	127.8			
PrimaBaguz	100.0	40.0	Pendapatan Faedah 2.9		IRR Bersih 50.4%
APIIT Lanka	76.5	20.3			
BKM	20.9	26.8			
Jumlah		240.0	133.0		


⁵ Kos pelaburan mewakili jumlah pelaburan komited

Berdasarkan jumlah kumulatif, Dana ini telah merekodkan peningkatan nilai sebanyak RM133.0 juta sejak penubuhannya. Ini dipacu oleh peningkatan dalam nilai saksama pelaburan tidak direalisasi berjumlah RM130.1 juta dan pendapatan faedah sebanyak RM2.9 juta.

Peningkatan ketara dalam nilai saksama portfolio pelaburan juga adalah disebabkan oleh pengembangan pasaran dan peningkatan dalam keuntungan operasi yang dijana oleh syarikat portfolio sejak pengambilalihan, dipacu oleh kejayaan pelan penciptaan nilai yang dilaksanakan.


ULASAN PRESTASI PELABURAN

Rajah 12: Peningkatan Nilai⁶ Portfolio Terkumpul Ekuinas Direct (Tranche II) Fund



^A Jumlah digabung membentuk Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM133.0 juta pada tahun 2013

Rajah 13: Perubahan Nilai⁶ Portfolio Ekuinas Direct (Tranche II) Fund pada 31 Disember 2013



^A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2012 bernilai RM27.0 juta

^B Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2013 bernilai RM133.0 juta

^C Jumlah digabung membawa kepada penambahan nilai bagi tahun bernilai RM106.0 juta

Dari segi komposisi profil, pertumbuhan dalam nilai portfolio bagi tahun tersebut sebanyak RM257.6 juta kepada RM373.0 juta telah dipacu terutamanya oleh pelaburan baharu sebanyak RM151.6 juta dan pertambahan nilai bersih belum direalisasikan daripada pelaburan berjumlah RM107.6 juta.

⁶ Nilai portfolio adalah daripada pelaburan yang dimuktamadkan pada harga kos termasuk Pulangan Kasar Portfolio

D. PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

1. Tinjauan Dana

Program Penyumberan Luar melalui tahun yang penuh aktif pada tahun 2013, dengan pelancaran Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund dengan jumlah komitmen sebanyak RM240.0 juta daripada Ekuinas. Selepas proses pemilihan yang ketat dijalankan, pengurus dana penyumberan luar baru (OFM), Asiasons Capital, telah dilantik sebagai pengurus ekuiti persendirian (PE) di bawah Program Tranche I manakala empat (4) firma PE Bumiputera dan Malaysia telah dipilih sebagai pengurus ekuiti persendirian di bawah Tranche II, iaitu TAEI Partners, RM Capital Partners, Tuas Capital Partners dan CMS Opus Private Equity.

Nama Dana	Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund
Tahun Penubuhan	2011	2013
Status	Dilaburkan	
Tempoh	6 + 1 tahun	7 + 1 tahun
Jangkamasa Pelaburan	3 hingga 6 tahun	3 hingga 7 tahun
Modal Komited		
Ekuinas	RM400.0 juta	RM240.0 juta
LP lain	RM151.9 juta	RM135.1 juta
Jumlah	RM551.9 juta	RM375.1 juta
OFM	1) Navis Capital Partners 2) CIMB Private Equity 3) Asiasons Private Equity	1) TAEI Partners 2) RM Capital Partners 3) Tuas Capital Partners 4) CMS Opus Private Equity
Tumpuan Geografi	Malaysia	
Tumpuan Pelaburan	Dana Modal Pertumbuhan Kepentingan Minoriti	
Tumpuan Industri	Am kecuali Senarai Pelaburan Negatif Ekuinas	

ULASAN PRESTASI PELABURAN

2. Profil OFM Yang Dilantik

NAVIS

OFM : Navis Capital Partners
Nama Dana : Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P
Saiz dana : RM301.9 juta

Navis ditubuhkan pada tahun 1998 untuk membuat pelaburan ekuiti persendirian menerusi pelaburan *buy-out* yang berorientasikan pertumbuhan di Asia Selatan dan Asia Tenggara. Firma ini menyumbangkan modal dan kepakaran pengurusan kepada beberapa syarikat yang mantap dengan tujuan untuk memperbaiki kedudukan kewangan, operasi dan strategi syarikat. Firma ini menumpukan secara eksklusif kepada syarikat yang beroperasi di Asia terutamanya di selatan dan Asia Tenggara di mana prinsipal-prinsipal Navis telah lama berada di sini. Firma ini menguruskan modal terikat sejumlah kira-kira USD3 bilion.

CIMB

OFM : CIMB Private Equity
Nama Dana : CIMB National Equity Fund Ltd. P.
Saiz Dana : RM125.0 juta

CIMB Group adalah sebuah kumpulan perbankan terkemuka di Malaysia. Di dalam CIMB Group, kumpulan pelaburan GSSI (Group Strategy and Strategic Investment) melabur dan mengurus sebahagian dari dana pemegang saham bank. Sebagai sebahagian dari strategi pelaburan tersebut, CIMB merupakan rakan penting di dalam kebanyakan dana baru di Asia. GSSI kini menyelia dana berjumlah USD1.5 bilion yang dilaburkan di dalam strategi pelaburan utama. Ini termasuk aktiviti pelaburan berkepentingan langsung di mana kumpulan pelaburan utama melabur di dalam perniagaan berkaitan perkhidmatan kewangan; dan strategi ekuiti persendirian di mana bank menaja usaha sama ekuiti persendirian dan juga melabur dalam dana-dana pihak ketiga. CIMB mempunyai dana yang mengkhusus kepada infrastruktur, ekuiti persendirian, dan hartanah di seluruh Asia Pasifik.



ASIASONS | 亞昇投資集團

OFM : Asiasons Private Equity
Nama Dana : Asiasons Harimau Fund L.P.
Saiz Dana : RM125.0 juta

Asiasons Group adalah Kumpulan Pelaburan dan Pengurusan Aset Alternatif yang memberi tumpuan kepada peluang-peluang ekuiti persendirian dalam sektor Pengguna di Asia Tenggara. Kumpulan pengurusan Asiasons menggabungkan pengalaman pelaburan dan operasi di 4 buah negara iaitu Malaysia, Singapura, Thailand dan Indonesia dengan rekod kejayaan dalam mengenal pasti dan menguruskan peluang pelaburan berorientasikan pertumbuhan serta mengendalikan urus niaga merentas sempadan di rantau ini. Asiasons menggunakan platform pengguna dalaman yang meliputi penjenamaan & pemasaran, strategi digital, pelesenan & perdagangan, peningkatan pengalaman pelawat dan, kompetensi media di mana syarikat telah menerima pelbagai anugerah di atas kreativiti dalam menambah nilai syarikat portfolionya.



OFM : TAE L Partners
Nama Dana : TAE L Tijari (OFM) L.P.
Saiz Dana : RM101.0 juta

Sebuah firma pengurusan pelaburan terkemuka di Asia Tenggara yang berjaya menjadi rakan kongsi nilai dan pertumbuhan perniagaan kepada syarikat-syarikat di rantau ini. Melalui pelbagai dana konvensional dan dana Islamik, firma tersebut pada masa ini mempunyai kira-kira USD900.0 juta aset di bawah pengurusannya, dengan pelabur yang terdiri daripada pelabur institusi dari ASEAN, Eropah dan Timur Tengah. TAE L Partners mempunyai operasi serantau yang kukuh dan memberi tumpuan kepada pelbagai sektor termasuk perkhidmatan sokongan dan produk O&G, pendidikan, pengguna, utiliti dan infrastruktur, hartanah, perkapalan & logistik, dan perlombongan & sumber.

RM CAPITAL PARTNERS

OFM : RM Capital Partners
Nama Dana : RMCP One Sdn Bhd
Saiz Dana : RM109.1 juta

RMCP ditubuhkan pada bulan Julai 2011 oleh satu pasukan pelaburan profesional dari Ethos Capital Sdn Bhd, di mana ia menguruskan dana ekuiti persendirian sebanyak RM215.0 juta. Dana firma ini, RMCP One Sdn Bhd, akan melabur di dalam syarikat-syarikat Malaysia dengan sektor tumpuan meliputi O&G, FMCG, peruncitan, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Strategi pembentukan nilai RMCP termasuk penghaluan semula strategik, kejuruteraan tadbir urus, kecemerlangan operasi dan rangkaian perniagaan.

TUAS CAPITAL PARTNERS

OFM : TUAS Capital Partners
Nama Dana : Tuas Capital Partners Malaysia Growth Fund I L.P.
Saiz Dana : RM85.0 juta

Sebuah kumpulan ekuiti persendirian yang ditubuhkan pada tahun 2012 oleh pasukan yang berpengalaman di pasaran Asia Tenggara dan kepakaran dalam bidang pengurusan aset, ekuiti persendirian dan perbankan pelaburan. Kumpulan ini menyokong dan mempercepatkan pertumbuhan perniagaan dengan memanfaatkan peluang dan rantaian di Asia Tenggara dan Asia dengan menyediakan keupayaan strategik melalui prinsipal dan rakan-rakan institusi – Kumpulan KAF, yang mempunyai diversiti dalam menyediakan perkhidmatan kewangan, dan Evia Capital Partners, syarikat ekuiti persendirian terkemuka dan dikenali ramai.



CMS OPUS PRIVATE EQUITY

OFM : CMS Opus Private Equity
Nama Dana : COPE Opportunities 3 Sdn Bhd
Saiz Dana : RM80.0 juta

COPE telah ditubuhkan pada tahun 2005 oleh profesional Ekuiti Persendirian berpengalaman yang telah berada di dalam bidang ekuiti persendirian serantau sejak 1997. Memandangkan COPE mempunyai kepakaran yang unik, syarikat ini telah diberi kepercayaan untuk menguruskan beberapa dana PE yang dilaburkan oleh pelabur institusi terkenal. Syarikat tersebut adalah salah satu daripada beberapa firma PE yang menerima pakai prinsip-prinsip pelaburan patuh Syariah. COPE bersama-sama dengan syarikat sekutunya, Opus Asset Management Sdn Bhd, pada masa ini mempunyai aset di bawah pengurusan sejumlah RM3.0 bilion.

ULASAN PRESTASI PELABURAN

3. Aktiviti Pelaburan

Pada tahun ini, enam (6) pelaburan baharu telah dilaksanakan melalui Program Penyumberan Luar Ekuinas. Ini melibatkan pelaburan oleh Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I dalam Strateq Sdn Bhd, HG Power Transmission Sdn Bhd dan Brickfields Asia College, pelaburan dalam Macro Kiosk Berhad oleh CIMB National Equity Fund, pelaburan oleh COPE Opportunities 3 Fund dalam STX Precision Corporation Sdn Bhd dan pelaburan oleh RMCP One Sdn Bhd dalam Consobiz Ventures Sdn Bhd.

Rajah 14: Aktiviti pelaburan Program Penyumberan Luar untuk tahun 2013

RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pelaburan Komited oleh OFM			Pelaburan bersama Pelabur lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
		Pelaburan Komited Ekuinas	LP Lain	Jumlah OFM		
<u>Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund</u>						
1. Strateq Sdn Bhd	Perkhidmatan	22.6	14.4	37.0	–	37.0
2. HG Power Transmission Sdn Bhd	Perkhidmatan	27.0	11.9	38.9	–	38.9
3. Brickfields Asia College	Pendidikan	34.7	15.3	50.0	–	50.0
4. Macro Kiosk Berhad	Perkhidmatan	21.1	13.3	34.4	–	34.4
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche I (A)		105.4	54.9	160.3	–	160.3
<u>Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund</u>						
1. STX Precision Corp Sdn Bhd	Perkhidmatan	12.0	4.0	16.0	19.0	35.0
2. Consobiz Ventures Sdn Bhd	FMCG	8.3	6.7	15.0	–	15.0
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche II (B)		20.3	10.7	31.0	19.0	50.0
Jumlah bagi Tahun (C) = (A) + (B)		125.7	65.6	191.3	19.0	210.3

Melalui pelaburan-pelaburan ini, Ekuinas Outsourced Tranche I dan Tranche II Fund mempunyai pelaburan komited sejumlah RM199.8 juta dan, bersama-sama dengan modal persendirian pihak ketiga, memberikan jumlah pelaburan komited sebanyak RM645.0 juta ke dalam ekonomi Malaysia.

Rajah 15: Aktiviti Pelaburan Terkumpul Program Penyumberan Luar pada 31 Disember 2013

RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pelaburan Komited oleh OFM			Pelaburan bersama Pelabur lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
		Pelaburan Komited Ekuinas	LP Lain	Jumlah OFM		
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund						
1. Atelier Asia Sdn Bhd	FMCG	11.8	5.2	17.0	–	17.0
2. MCAT Box Office Sdn Bhd	Peruncitan & Percutian	17.4	3.6	21.0	119.7	140.7
3. SEG International Bhd	Pendidikan	44.9	17.6	62.5	214.5	277.0
4. Strateq Sdn Bhd	Perkhidmatan	22.6	14.4	37.0	–	37.0
5. HG Power Transmission Sdn Bhd	Perkhidmatan	27.0	11.9	38.9	–	38.9
6. Brickfield Asia College	Pendidikan	34.7	15.3	50.0	–	50.0
7. Macro Kiosk Berhad	Perkhidmatan	21.1	13.3	34.4	–	34.4
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche I		179.5	81.3	260.8	334.2	595.0
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund						
1. STX Precision Corp Sdn Bhd	Perkhidmatan	12.0	4.0	16.0	19.0	35.0
2. Consobiz Ventures Sdn Bhd	FMCG	8.3	6.7	15.0	–	15.0
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche II		20.3	10.7	31.0	19.0	50.0
Jumlah Kumulatif Pelaburan Dilaksana		199.8	92.0	291.8	353.2	645.0

ULASAN PRESTASI PELABURAN

E. EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

Nilai Aset Bersih (NAV) Dana pada 31 Disember 2013

	2012 RM Juta	Perubahan dalam tahun RM Juta	2013 RM Juta
A. Modal Diperuntukkan	400.0	–	400.0
B. Modal Dipanggil	93.9	116.0	209.9
C. Modal Dilabur semula	–	–	–
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	93.9	116.0	209.9
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	–	–	–
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	93.9	116.0	209.9
Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	–	–	–
(Kerugian)/Keuntungan Belum Direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	(16.2)	30.8	14.6
Kerugian direalisasi dari aktiviti Pelupusan	(2.1)	–	(2.1)
Perbelanjaan Faedah	–	–	–
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	(18.3)	30.8	12.5
Perbelanjaan Organisasi	(4.2)	(2.0)	(6.2)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	–	–	–
Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam Nilai Aset Bersih	(22.5)	28.8	6.3
G. Nilai Aset Bersih	71.4	144.8	216.2
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan – pada kos	87.6	114.0	201.6
Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	(16.2)	30.8	14.6
Pelaburan pada Nilai Saksama	71.4	144.8	216.2
Tambah: Baki Tunai	–	–	–
Tambah: Modal Kerja	–	–	–
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	–	–	–
Bersamaan Nilai Aset Bersih	71.4	144.8	216.2
Nilai Aset Bersih	71.4	144.8	216.2
H. Modal Diagihkan	–	–	–
I. Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	71.4	144.8	216.2
IRR Kasar	-35.3%		5.0%
IRR Bersih (sebelum faedah)	-38.4%		2.4%

* Termasuk pengagihan modal dilabur semula

Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund melaksanakan empat (4) pelaburan baharu pada tahun ini. Jumlah modal sebanyak RM116.0 juta telah dipanggil untuk pelaburan dalam Strateq Sdn Bhd, HG Power Transmission Sdn Bhd, Brickfields Asia College dan Macro Kiosk Berhad, dan juga untuk fi pengurusan, menjadikan jumlah keseluruhan modal terkumpul dipanggil pada akhir tahun kewangan kepada RM209.9 juta.

Oleh itu, nilai aset bersih mencatat pertumbuhan sebanyak RM216.2 juta pada tahun 2013 daripada RM71.4 juta. Ini bersamaan IRR kasar sebanyak 5.0% dan IRR bersih sebanyak 2.4%, selepas ditolak fi pengurusan yang dibayar kepada Ekuinas.

F. EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND

Nilai Aset Bersih (NAV) Dana pada 31 Disember 2013

	2012 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2013 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	–	240.0	240.0
B. Modal Dipanggil	–	18.3	18.3
C. Modal Dilabur semula	–	–	–
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	–	18.3	18.3
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	–	–	–
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	–	18.3	18.3
Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	–	–	–
Keuntungan belum direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan (Kerugian)/Keuntungan direalisasi dari aktiviti Pelupusan	–	–	–
Perbelanjaan Faedah	–	–	–
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	–	–	–
Perbelanjaan Organisasi	–	(1.2)	(1.2)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhadap (C+H)*	–	–	–
Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih	–	(1.2)	(1.2)
G. Nilai Aset Bersih	–	17.1	17.1
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan – pada kos	–	17.1	17.1
Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	–	–	–
Pelaburan pada Nilai Saksama	–	17.1	17.1
Tambah: Baki Tunai	–	–	–
Tambah: Modal Kerja	–	–	–
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	–	–	–
Bersamaan Nilai Aset Bersih	–	17.1	17.1
Nilai Aset Bersih	–	17.1	17.1
H. Modal Diagihkan	–	–	–
I. Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	–	17.1	17.1
IRR Kasar	–		N/A
IRR Bersih (sebelum faedah)	–		N/A

* Termasuk pengagihan modal dilabur semula

Dana ini mempunyai permulaan yang menggalakkan sejak dilancarkan, dengan dua pelaburan baharu dilaksanakan pada tahun ini. Daripada RM240.0 juta modal komited Ekuinas untuk Dana tersebut, RM18.3 juta modal telah dilaburkan sehingga akhir tahun dalam STX Precision Corporation Sdn Bhd dan Consobiz Ventures Sdn Bhd, dan juga untuk fi pengurusan. Memandangkan Dana masih di peringkat awal pelaburan, prestasi dana tidak akan bermakna kerana ia akan dipengaruhi oleh fi dan perbelanjaan pengurusan pada peringkat permulaan.

ULASAN PRESTASI PELABURAN

PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

Bagi tahun dalam tinjauan, Ekuinas terus menunjukkan kemajuan yang mantap dari segi pencapaian objektif sosial untuk menambah penyertaan Bumiputera secara saksama merentasi empat dimensi utama, iaitu pemilikan ekuiti, peningkatan kumpulan pengurusan, penambahan peluang pekerjaan dan penambahbaikan rantaian bekalan.

Menerusi pelaburan yang dilaksanakan secara langsung dan melalui penyumberan luar sehingga tarikh laporan tahunan ini, Ekuinas telah berjaya membantu meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM2.8 bilion, atau 1.7 kali ganda jumlah modal yang dilaburkan oleh Syarikat. Ini mewakili peningkatan daripada RM1.9 bilion pada tahun 2012 yang mengesahkan keberkesanan peranan Ekuinas dalam menggunakan model ekuiti persendirian sebagai instrumen untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi menerusi pengwujudan syarikat peneraju Malaysia generasi akan datang.

Pada masa yang sama, pelaburan Ekuinas telah membantu meningkatkan jumlah nilai ekonomi bagi semua pemegang saham dari RM2.4 bilion pada tahun 2012 kepada RM4.1 bilion atau 2.5 kali ganda jumlah modal yang dilaburkan oleh Ekuinas. Ini mencerminkan kesan positif ke atas semua rakyat Malaysia hasil pembabitan Ekuinas di dalam syarikat-syarikat portfolionya.

Rajah 16: Nilai Ekuiti Bumiputera dan Nilai Ekonomi Keseluruhan

Jumlah bagi Syarikat Portfolio RM juta	BUMIPUTERA				KESELURUHAN SYARIKAT			
	Sebelum Kemasukan Ekuinas	Pada 31 Dis	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan bagi Modal Dilabur	Sebelum Kemasukan Ekuinas	As at 31 Dis	Nilai Ekonomi yang Dicipta	Gandaan bagi Modal Dilabur
2013	1,367.2	3,010.6	2,838.2	1.7x	2,893.3	4,874.5	4,087.5	2.5x
2012	1,278.5	2,106.3	1,944.1	1.4x	2,732.2	3,356.6	2,394.1	1.7x

Seterusnya, lima belas (15) syarikat portfolio dan sembilan (9) syarikat di bawah Pengurus Dana Penyumberan Luar Ekuinas setakat 31 Disember 2013, telah secara kolektif menyediakan pekerjaan kepada sejumlah 9,336 kakitangan, di mana 56.4% adalah Bumiputera.

Syarikat portfolio Ekuinas juga kini menggajikan sekumpulan 201 pengurus, yang mana 40.8% daripadanya adalah Bumiputera. Di masa hadapan, Ekuinas berharap untuk menambah bilangan pengurus dan menyediakan peluang pekerjaan tambahan kepada semua rakyat Malaysia melalui pertumbuhan syarikat-syarikat portfolionya.


Rajah 17: Syarikat Portfolio – Pengurusan dan Kakitangan

	Bilangan Kakitangan Bumiputera	Jumlah Keseluruhan Kakitangan	% Bumiputera daripada Jumlah Keseluruhan Kakitangan	Peningkatan % Bumiputera Selepas Kemasukan
2013				
Pengurusan	82	201	40.8%	12.3%
Kakitangan	5,265	9,336	56.4%	17.1%
2012				
Pengurusan	67	144	46.5%	8.1%
Kakitangan	4,865	7,749	62.8%	11.5%

EKUITI NASIONAL BERHAD – SYARIKAT PENGURUS DANA

EkuiNAS telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat pengurus dana untuk menguruskan dana yang diperuntukkan oleh Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) kepada EkuiNAS Capital Sdn Bhd (E-Cap), yang berperanan sebagai syarikat modal dana.

Perjanjian pengurusan dana ini tertakluk kepada Perjanjian Pengurusan Dana Global (GFMA) yang ditandatangani oleh EkuiNAS, YEN dan E-Cap. Di bawah GFMA, EkuiNAS dibayar fi pengurusan sebagai sebahagian daripada keuntungan pelaburan selepas direalisasikan. Fi pengurusan yang diterima digunakan oleh EkuiNAS untuk menampung perbelanjaan operasinya (OPEX). Justeru itu, EkuiNAS sendiri tidak akan mencatat tahap keuntungan operasi yang tinggi.



Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, EkuiNAS dibayar fi pengurusan sebanyak RM42.9 juta untuk menguruskan dana EkuiNAS Capital, yang merupakan EkuiNAS Direct (Tranche I) Fund, EkuiNAS Direct (Tranche II) Fund, EkuiNAS Outsourced (Tranche I) Fund dan EkuiNAS Outsourced (Tranche II) Fund. Ini menghasilkan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM14.6 juta selepas perbelanjaan operasi (OPEX) berjumlah RM33.8 juta, berbanding PAT sebanyak RM6.1 juta selepas OPEX berjumlah RM24.8 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelumnya.

OPEX yang ditanggung sebahagian besarnya digunakan untuk membayar gaji, kos penghunian, kos urus niaga, pembinaan keupayaan dan kos tanggungjawab sosial korporat. Ini bermakna nisbah OPEX kepada Dana di bawah Pengurusan (FuM) pada kadar 1.3%, setara dengan, bahkan mungkin lebih baik daripada penanda aras yang ditetapkan oleh agensi pelaburan kerajaan dan firma ekuiti persendirian yang lain.

Rajah 18: Ekuiti Nasional Berhad – Maklumat Kewangan

Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurus Dana)	2013 RM juta	2012 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	2,640.0	2,400.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)	33.8	24.8
Keuntungan Selepas Cukai (PAT)	14.6	6.1
Nisbah OPEX kepada FuM	1.3%	1.0%



**SYARIKAT-
SYARIKAT
PORTFOLIO**





ALLIANCE COSMETICS GROUP

1. Ng Chee Eng
Ketua Pegawai Eksekutif

KUMPULAN PENDIDIKAN APIIT

1. Datuk Dr Parmjit Singh
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan Pendidikan APIIT
2. Mohd Helmy Norman
Ketua Pegawai Kewangan
Kumpulan Pendidikan APIIT
3. Mohamad Kamal Nawawi
Timbalan Naib Canselor
Asia Pacific University of Technology
and Innovation (APU)
4. Dr Athula Pitigala Arachchi
Ketua Pegawai Eksekutif
APIIT Lanka

BURGER KING

1. Ahmad Fariz Hassan
Ketua Pegawai Operasi
Burger King Malaysia
2. Wong Shyang Jiuu
Pengurus Besar
Burger King Singapore

KUMPULAN COSMOPOINT

1. Hizwani Hassan
Ketua Pegawai Eksekutif
Cosmopoint Group of Companies
2. Izz Al-Din Maslan
Ketua Eksekutif
Cosmopoint Group of Colleges

ICON OFFSHORE BERHAD

1. Dr Jamal Yusof
Ketua Pegawai Eksekutif
2. Captain Hassan Ali
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
3. Haji Rahman Yusof
Ketua Pegawai Operasi
4. Zaleha Abdul Hamid
Ketua Pegawai Kewangan

PRIMABAGUZ

1. Wong Kok Heng
Ketua Pegawai Eksekutif
2. Yusmaleni Idrus
Pengawal Kewangan

KUMPULAN REVENUE VALLEY

1. George Ang
Ketua Pegawai Eksekutif

SAN FRANCISCO COFFEE

1. Koo Sue San
Pengurus Besar
2. Rashdan Othman
Pengarah Operasi
3. Nik Azwaa Azmi
Ketua Pemasaran
4. Nabil Alwi
Ketua Pembangunan Perniagaan

UNITAR INTERNATIONAL UNIVERSITY

1. Wan Ahmad Saifuddin Wan Ahmad Radzi
Ketua Pegawai Eksekutif
2. Muhammad Lukman Musa
Ketua Pegawai Operasi dan
Ketua Pegawai Kewangan



ALLIANCE COSMETICS GROUP



Butiran Transaksi

Jenis Pelaburan	Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh
Sektor	Barangan Pengguna Laris (FMCG)
Tarikh Perolehan	Jan 2010
Modal Komited	RM39.9 juta
Pemilikan	Efektif 20.0%
Pelabur Bersama	Navis Capital Partners
Jumlah Pelaburan Bersama	RM119.6 juta

Perihal Syarikat

Syarikat terkemuka peneraju pasaran kosmetik dan wangian di Malaysia, Singapura dan Brunei. Syarikat memasar, mengedar dan menjual pelbagai jenama kosmetik dan produk-produk kecantikan termasuk Silkygirl, Silky White dan SG Men, Revlon, Pierre Fabre dan Elancyl. Jenama tempatan syarikat, Silkygirl mempunyai pasaran terbesar di Malaysia bagi rangkaian kosmetik pasaran umum.

Rasional Pelaburan

- Syarikat pertumbuhan tinggi yang beroperasi di Malaysia, Singapura dan Brunei.
- Pasukan pengurusan yang mantap dan terbukti.
- Jenama tempatan yang mantap.
- Peluang yang teguh untuk berkembang ke peringkat serantau terutamanya di Indonesia.

Maklumat Kewangan

	2013 Tidak Diaudit (Indeks)	2012 Diaudit (Indeks)	Pertumbuhan %
Hasil	105.8	100.0	5.8%
EBITDA sebelum EI	106.5	100.0	6.5%

EI: Butiran luar biasa

* Atas sebab-sebab sensitiviti perniagaan dan keperluan kerahsiaan oleh pelabur bersama, keputusan ACG dilaporkan dalam nilai indeks.

- Hasil pendapatan ACG meningkat sebanyak 5.8% disebabkan oleh jualan yang lebih tinggi di semua negara, terutamanya dengan prestasi yang kukuh di Malaysia.
- EBITDA meningkat 6.5%, didorong oleh prestasi yang lebih baik di Singapura dan Malaysia.
- ACG menunjukkan prestasi yang baik di pasaran utamanya iaitu Malaysia dan Singapura, dan perluasan ke Indonesia menunjukkan peningkatan selepas pengosongan inventori yang dipulangkan oleh pengedar yang dihentikan.



ILMU EDUCATION GROUP



Butiran Transaksi

	Kumpulan Pendidikan APIIT	Kumpulan Cosmopoint	UNITAR International University	APIIT Lanka
Jenis Pelaburan	Pelaburan <i>buy-out</i> aset bukan teras syarikat awam tersenarai	Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Pelaburan <i>buy-out</i> aset bukan teras syarikat awam tersenarai
Tarikh perolehan	Feb 2011	Mac 2012	Mei 2012	Dis 2013
Modal Komited	RM102.0 juta	RM246.0 juta	RM58.5 juta	RM20.3 juta
Pemilikan	51.0%	90.0%	90.0%	76.5%

Perihal Syarikat

Kumpulan Pendidikan APIIT	Kumpulan pendidikan terkemuka yang menyediakan pendidikan bagi peringkat sekolah rendah, menengah dan tinggi. Syarikat memiliki Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) yang menyediakan pendidikan tinggi berkualiti khususnya dalam bidang Teknologi, Kejuruteraan dan Perniagaan untuk pelajar tempatan dan asing yang kini berjumlah lebih daripada 11,000 orang pelajar. Asia Pacific Smart Schools menawarkan pendidikan K12 swasta dengan sukatan pelajaran antarabangsa dan tempatan dengan lebih 1,500 pelajar secara kolektif.
Kumpulan Cosmopoint	Kumpulan Cosmopoint memiliki dua jenama kukuh dalam pasaran umum pendidikan swasta iaitu Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan Cosmopoint International College of Technology yang menyediakan kursus sarjana muda dan diploma, serta latihan untuk ICT. Jumlah enrolmen adalah seramai kira-kira 6,500 pelajar di kampus di seluruh negara.
UNITAR International University	UNITAR telah ditubuhkan pada tahun 1997, dan merupakan salah satu daripada institusi pertama Pendidikan Tinggi Swasta di negara ini. Selain kampus utamanya yang terletak di Petaling Jaya, Selangor, UNITAR bekerjasama dengan sembilan (9) Pusat Wilayah di seluruh negara dengan jumlah lebih daripada 8,000 pelajar dalam 60 program akademik.
APIIT Lanka	Institut pengajian tinggi terkemuka di Sri Lanka, yang menawarkan diploma berkualiti tinggi dan program ijazah antarabangsa dalam negara. Institut ini mengeluarkan graduan berkualiti tinggi dalam bidang Pengkomputeran, Perniagaan dan Undang-undang dengan menyediakan teknik pengajaran yang inovatif dan kemudahan premium. Jumlah pelajar adalah kira-kira 1,100 orang.

Rasional Pelaburan

- Industri besar dengan potensi pertumbuhan yang kukuh.
- Kumpulan pendidikan yang mempunyai rekod prestasi yang tinggi.
- Digabungkan untuk membina sebuah kumpulan pendidikan terbesar di Malaysia.

Maklumat Kewangan

	2013 Tidak Diaudit RM juta	2012 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	296.2	317.7	-6.8%
EBITDA sebelum EI	86.5	105.9	-18.4%
Bilangan pelajar	28,000	28,728	-2.5%

EI: Butiran luar biasa

- Hasil menurun sebanyak 6.8% terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam jumlah pelajar di Kumpulan Cosmopoint dan pengurangan pengambilan pelajar asing kerana kelewatan kelulusan visa. Oleh yang demikian, ini telah menyebabkan penurunan EBITDA sebanyak 18.4% ekoran perbelanjaan operasi yang tinggi.
- Untuk meningkatkan pengalaman pelajar dan meningkatkan kualiti persekitaran akademik, UNITAR telah berpindah ke kampus barunya di Kelana Jaya pada tahun 2013. Pelaburan untuk kampus baru APU dan Cosmopoint juga sedang dilaksanakan.
- Pelan seterusnya, ILMU akan mengukuhkan lagi hasil pendapatan dengan meningkatkan pengambilan pelajarannya, terutamanya dengan menembusi pasaran pelajar tempatan, meneroka pasaran antarabangsa yang baru untuk meningkatkan pengambilan pelajar asing dan memperkenalkan lebih banyak program akademik serta kerjasama strategik dengan institusi-institusi terkenal.



INTEGRATED FOOD GROUP



Butiran Transaksi

	Cosmo Restaurants Sdn Bhd	Lyndarahim Ventures Sdn Bhd	Revenue Valley Sdn Bhd	Burger King Singapore Pte Ltd
Jenis Pelaburan	Pelaburan modal pertumbuhan dalam syarikat Malaysia	Pelaburan modal pertumbuhan dalam syarikat Bumiputera	Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Pelaburan <i>buy-out</i> aset bukan teras syarikat multinasional
Tarikh perolehan	Sept 2011	Sept 2011	Jan 2012	Sept 2012
Modal komited	RM95.0 juta	RM15.0 juta	RM64.6 juta	RM25.1 juta
Pemilikan	95.0%	90.0%	85.8%	100%

Perihal Syarikat

Cosmo Restaurants Sdn Bhd	Cosmo Restaurants Sdn Bhd telah ditubuhkan pada tahun 1997 sebagai francais tempatan dengan hak pembangunan untuk jenama BURGER KING® di Semenanjung Malaysia, tidak termasuk KLIA. Pada masa ini, syarikat memiliki dan mengurus 45 buah restoran di seluruh Malaysia.
Lyndarahim Ventures Sdn Bhd	Lyndarahim Ventures Sdn Bhd memiliki dan mengendalikan San Francisco Coffee, satu jenama yang diasaskan pada tahun 1997 untuk memasarkan kopi premium, minuman panas dan sejuk berasaskan espresso dan makanan kafe seperti sandwic, pastri dan makanan ringan di Malaysia. Terdapat 29 cawangan San Francisco Coffee di sekitar Lembah Klang.
Revenue Valley Sdn Bhd	Sebuah syarikat pegangan pelaburan berpangkalan di Malaysia yang memiliki Manhattan Fish Market, francais Tony Roma's di Malaysia dan francais Popeyes di Singapura dan Malaysia. Kumpulan Revenue Valley mengendalikan sejumlah 58 restoran bagi ketiga-tiga jenama.
Burger King Singapore Pte Ltd	Burger King Singapore Pte Ltd, ditubuhkan pada tahun 1982 dan memegang francais tempatan eksklusif dengan hak pembangunan untuk jenama BURGER KING® di Singapura. Pada masa ini, syarikat ini mengurus 41 buah restoran di Singapura.

Rasional Pelaburan

- Pelaburan di dalam jenama global yang kukuh dan jenama tempatan yang mantap.
- Pelaburan di dalam industri makanan dan minuman yang pesat membangun, dipacu oleh peningkatan perbelanjaan pengguna.
- Platform untuk membina salah sebuah Kumpulan Makanan dan Minuman Bumiputera terbesar di Malaysia.
- Mewujudkan kehadiran serantau dengan segera melalui operasi di Malaysia, Singapura dan Thailand.
- Kumpulan pengurusan yang berpengalaman dan peluang untuk membentuk dan membangunkan pengurus profesional muda.

Maklumat Kewangan

	2013 Tidak Diaudit RM juta	2012 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	420.0	381.3	10.1%
EBITDA sebelum EI	6.3	(1.1)	683.1%
Bilangan restoran	173	145	19.3%

EI: Butiran luar biasa

- IFG merekodkan pertumbuhan hasil yang kukuh sebanyak 10.1% daripada gabungan lima jenama di bawah pengurusannya, dipacu oleh peningkatan pertumbuhan jualan dan bilangan restoran. Lantaran itu, semua syarikat di bawah IFG secara kolektifnya berjaya mencapai EBITDA positif, menunjukkan perubahan yang positif.
- Beberapa jenama seperti BURGER KING® masih berada di tempoh awal gestasi, dengan pelaburan berterusan di dalam penjenamaan, yang mempengaruhi keuntungan dalam jangka masa pendek.
- Walau bagaimanapun, banyak kemajuan dapat dilihat terutamanya di Kumpulan Revenue Valley, yang telah mencatat keuntungan. IFG berharap dapat menunjukkan prestasi yang lebih baik di masa hadapan.



ICONOFFSHORE

ICON OFFSHORE BERHAD



Butiran Transaksi

Jenis Pelaburan	Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh
Sektor	Minyak & Gas
Tarikh Perolehan	20 November 2012, penggabungan TKS dan Omni
Modal Komited	RM484.1 juta
Pemilikan	88.0%

Perihal Syarikat

Icon Offshore Berhad ditubuhkan berikutan penggabungan Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS) dan Omni Petromaritime Sdn Bhd (Omni) yang telah dimuktamadkan pada 20 November 2012. Entiti besar ini merupakan kumpulan kapal sokongan luar pesisir (OSV) ketiga terbesar di Malaysia, memiliki sebanyak 32 kapal yang beroperasi di Malaysia, Thailand dan Qatar.

Rasional Pelaburan

- Rekod prestasi pertumbuhan yang kukuh.
- Platform untuk membina salah sebuah syarikat OSV tempatan terbesar.

Maklumat Kewangan

	2013 Tidak Diaudit RM juta	2012 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	334.9	291.7	14.8%
Keuntungan Selepas Cukai (normal)	89.6	64.8	38.2%

- Hasil meningkat sebanyak 14.8% disebabkan oleh kadar penggunaan kapal yang lebih tinggi serta sumbangan daripada enam (6) kapal baharu pada tahun ini.
- Keuntungan menunjukkan peningkatan yang signifikan sebanyak 38.2% yang disumbangkan oleh peningkatan hasil dan pengurusan kos yang berkesan.
- Kumpulan ini terus berkembang dengan perolehan kapal baharu dan pembukaan Pusat Latihan Maritim untuk meningkatkan kemahiran anak-anak kapal OSV.



PRIMATM
Baguz

PRIMABAGUZ



Butiran Transaksi

Jenis Pelaburan	Pelaburan <i>buy-out</i> dalam syarikat Malaysia yang kukuh
Sektor	Pembuatan Makanan
Tarikh Perolehan	27 November 2013
Modal Komited	RM40.0 juta
Pemilikan	100%

Perihal Syarikat

PrimaBaguz terlibat dalam pembuatan dan pengedaran produk berasaskan daging premium halal seperti sosej, daging sejuk, produk sedia untuk dimakan dan sos. Syarikat membekalkan produknya ke Restoran Perkhidmatan Segera (QSR), hotel, restoran dan katerer (HORECA) serta pemborong.

Rasional Pelaburan

- Persekitaran industri yang menggalakkan kerana Malaysia mempunyai pengambilan daging yang tinggi.
- Kedudukan unik sebagai pembekal daging premium halal yang diproses dengan margin yang tinggi di pasaran.
- Berpotensi untuk kerjasama sinergi dengan Kumpulan F&B Ekuinas, IFG.

Maklumat Kewangan

	2013 Tidak Diaudit RM juta	2012 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	63.6	56.5	12.4%
EBITDA sebelum EI	10.7	7.5	42.2%

EI: Butiran luar biasa

- Pertumbuhan hasil sebanyak 12.4% didorong terutamanya oleh peningkatan dalam jumlah jualan daripada pelanggan-pelanggan utama segmen QSR dan HORECA.
- EBITDA meningkat sebanyak 42.2% disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah jualan dan juga pengurusan kos yang berkesan.

PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

PENGURUS DANA PENYUMBERAN LUAR: NAVIS CAPITAL PARTNERS

NAVIS


Butiran Transaksi

Syarikat : ATELIER ASIA SDN BHD
Sektor : Barangan Pengguna Laris (FMCG)
Tarikh Perolehan : Mac 2011
Modal Komited Ekuinas : RM11.8 juta



Butiran Transaksi

Syarikat : MCAT BOX OFFICE SDN BHD
Sektor : Peruncitan & Percutian
Tarikh Perolehan : Mac 2012
Modal Komited Ekuinas : RM17.4 juta



Butiran Transaksi

Syarikat : SEG INTERNATIONAL BERHAD
Sektor : Pendidikan
Tarikh Perolehan : Mac 2012
Modal Komited Ekuinas : RM44.9 juta



Butiran Transaksi

Syarikat : STRATEQ SDN BHD
Sektor : Perkhidmatan
Tarikh Perolehan : Mac 2013
Modal Komited Ekuinas : RM22.6 juta



Butiran Transaksi

Syarikat : HG POWER TRANSMISSION SDN BHD
Sektor : Perkhidmatan
Tarikh Perolehan : Mei 2013
Modal Komited Ekuinas : RM27.0 juta



Butiran Transaksi

Syarikat : BRICKFIELDS ASIA COLLEGE
Sektor : Pendidikan
Tarikh Perolehan : November 2013
Modal Komited Ekuinas : RM34.7 juta



PENGURUS DANA PENYUMBERAN LUAR: CIMB PRIVATE EQUITY



Butiran Transaksi

Syarikat : MACRO KIOSK BERHAD
 Sektor : Perkhidmatan
 Tarikh Perolehan : Julai 2013
 Modal Komited Ekuinas : RM21.1 juta

PENGURUS DANA PENYUMBERAN LUAR: CMS OPUS PRIVATE EQUITY



Butiran Transaksi

Syarikat : STX PRECISION CORPORATION SDN BHD
 Sektor : Perkhidmatan
 Tarikh Perolehan : Disember 2013
 Modal Komited Ekuinas : RM12.0 juta



PENGURUS DANA PENYUMBERAN LUAR: RM CAPITAL PARTNERS




Butiran Transaksi

Syarikat : CONSOBIZ VENTURES SDN BHD
 Sektor : Barangan Pengguna Laris (FMCG)
 Tarikh Perolehan : Disember 2013
 Modal Komited Ekuinas : RM8.3 juta

MEMENUHI MANDAT

Kami amat komited untuk mencapai kedua-dua objektif kewangan dan sosial bagi memastikan Ekuinas memenuhi mandat yang telah diberikan





TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

- Rangka Kerja CSR Ekuinas
- Program MASE Untuk Inisiatif Pembinaan Keupayaan Usahawan CSR Ekuinas oleh Boston Consulting Group (BCG)



RANGKA KERJA CSR EKUINAS

TINJAUAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia khusus untuk meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera melalui pendekatan pelaburan ekuiti persendirian, penubuhan dan model operasi Ekuinas itu sendiri merupakan satu objektif sosial. Sungguhpun demikian, kami menyedari bahawa terdapat banyak kumpulan dalam masyarakat yang akan mendapat lebih manfaat dengan adanya sokongan dan bantuan dari Ekuinas.

Selain daripada mencapai objektif sosialnya dengan menggandakan pemilikan ekuiti korporat, meningkatkan bilangan usahawan dan pengurus profesional berkebolehan, menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan menambah baik rantaian bekalan; Ekuinas telah memperuntukkan sejumlah dana bagi menyokong program-program pembangunan usahawan serta inisiatif-inisiatif dalam meningkatkan pendidikan dan pembelajaran bagi masyarakat setempat.

Dalam usaha memperkenalkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang sejajar dengan mandat kami, satu Rangka Kerja Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Ekuinas telah digubal dan dirasmikan serta menjadi platform untuk pelbagai aktiviti CSR sepanjang tahun kewangan 2013.



Penyediaan Rangka Kerja Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Ekuinas – Melangkah ke Hadapan Dengan Penuh Tanggungjawab

Ekuinas menggunakan pendekatan yang strategik dan berstruktur dalam menjalankan aktiviti tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) dengan mewujudkan satu rangka kerja yang menggabungkan nilai-nilai teras organisasi untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan yang utama. Objektif Rangka Kerja CSR Ekuinas adalah untuk memperkasakan masyarakat usahawan Bumiputera melalui pembinaan keupayaan dan juga orang awam di Malaysia melalui aktiviti-aktiviti filantropi. Ini akan menjadi pemangkin bagi meningkatkan tahap pendidikan, taraf kehidupan golongan miskin dan kurang bernasib baik, serta memperkasakan mereka yang terlibat dalam bidang seni dan budaya.

Lembaga Pengarah Ekuinas telah meluluskan rangka kerja dan garis panduan CSR pada tahun 2012. Mereka juga turut memberi penekanan penting terhadap kesemua aktiviti CSR di mana ia perlu mencerminkan agenda perniagaan teras Ekuinas, mencipta nilai strategik dan menjana kesan yang mampan dan positif kepada perniagaan dan masyarakat. Aktiviti CSR bermula dengan skala kecil dan akan diperluaskan. Di samping itu, ia akan dilaksanakan oleh kakitangan Ekuinas secara sukarela untuk menggalakkan semangat altruisme di kalangan semua kakitangan Ekuinas.


Untuk tahun kewangan ini, fokus utama aktiviti CSR Ekuinas adalah Pembinaan Keupayaan Usahawan. Ini dilaksanakan melalui bimbingan dan pengenalan kepada amalan yang lebih baik bagi perusahaan perniagaan kecil yang merupakan sebahagian besar daripada ekosistem keusahawanan. Kami berpendapat sokongan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana adalah penting untuk ekonomi Malaysia memandangkan 95% daripada jumlah perniagaan sedia ada adalah di dalam kategori perusahaan kecil dan sederhana, di mana 77% adalah syarikat-syarikat mikro dan 20% adalah syarikat-syarikat kecil¹.

¹ SME Census 2011 Malaysia; SME Masterplan 2012-2020



RANGKA KERJA CSR EKUINAS

Rajah 1: Rangka Kerja CSR Ekuinas



Ekuinas juga memberi tumpuan kepada bidang pendidikan; dengan menawarkan biasiswa kepada pelajar dan membangunkan lagi graduan muda Malaysia melalui program pembangunan profesional dan pengalaman bekerja di dalam syarikat-syarikat portfolio Ekuinas.

Pemilihan inisiatif CSR berpegang teguh kepada Prinsip Panduan berikut:

Rajah 2: Prinsip Panduan CSR Ekuinas

- 1 Menggambarkan perniagaan dan agenda utama kami
- 2 Mencipta impak yang mampan
- 3 Berstruktur dan mempunyai fokus
- 4 Bermula dengan skala kecil dan kekal realistik
- 5 Boleh diperluaskan dan diperbesarkan
- 6 Melibatkan minat dan semangat kami



TINJAUAN INISIATIF PEMBINAAN KEUPAYAAN USAHAWAN

Pada bulan April 2013, Ekuinas telah bekerjasama dengan Boston Consulting Group (BCG) melaksanakan projek CSR secara bersama untuk memberi manfaat kepada pembangunan Perusahaan Mikro dan Kecil (MASE). Projek ini tertumpu kepada pembangunan instrumen Pemeriksaan Diagnostik dan Pelan Tindakan MASE untuk membantu mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Perusahaan Mikro dan Kecil. Tujuh orang sukarelawan dari kedua-dua organisasi telah menawarkan diri untuk terlibat dalam projek tersebut dan ia telah mengambil masa selama dua bulan untuk membangunkan program MASE ini. (Artikel BCG mengenai Program MASE dibentangkan di halaman 112-120 dalam laporan ini).

Setelah menggunakan instrumen tersebut ke atas beberapa buah perniagaan, kumpulan Ekuinas dan BCG telah memilih syarikat Habibah Enterprise sebagai projek perintis bagi program bimbingan dan pembinaan keupayaan ini. Dalam menegakkan prinsip-prinsip tadbir urus korporat Ekuinas, kumpulan tersebut bersama-sama dengan Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) turut membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang komprehensif di mana ia menggariskan rangka kerja Dasar CSR merangkumi aliran proses, dokumentasi dan struktur kelulusan.


Bibah Songket

Projek Perintis – Bibah Songket

Habibah Enterprise, atau lebih dikenali sebagai Bibah Songket, telah dipilih sebagai syarikat perintis bagi program CSR kerana perniagaan tersebut sejajar dengan objektif dan prinsip CSR Ekuinas. Di antara kriteria pemilihannya termasuklah kerana ia adalah sebuah syarikat Bumiputera, perniagaan mempunyai impak bermakna dan meluas kepada masyarakat, perniagaan yang mampan dengan masalah perniagaan yang boleh diselesaikan, serta pengusaha yang mempunyai minat dan semangat mendalam terhadap perniagaannya. Perkara paling menyerlah tentang Bibah Songket adalah peliharaan warisan Melayu untuk menghasilkan kain songket asli tradisional Terengganu, di mana proses pengeluaran secara tradisional masih dikekalkan di kilangnya. Perniagaan ini juga penting bagi masyarakat di sekitar Terengganu di mana dua puluh orang penenun wanita tempatan telah diambil untuk bekerja di syarikat tersebut, dan sebahagian daripada mereka terdiri dari ibu-ibu tunggal dan golongan muda.

Bibah Songket telah ditubuhkan pada tahun 1982 oleh Puan Hajjah Habibah Zikri yang terlibat secara aktif dalam menjalankan operasi perniagaan harian bersama-sama ahli keluarga beliau. Syarikat ini terlibat dalam rangkaian bekalan keseluruhan kain songket bermula dari proses merekabentuk dan pengeluaran ke aktiviti pemasaran dan pengedaran. Ia mempunyai reputasi yang kukuh di pasaran Malaysia dalam menghasilkan kain sampung, kain sarung, hiasan rumah, hasil seni, selendang dan aksesori yang eksklusif dan berkualiti tinggi. Selain daripada bengkelnya yang terletak di Marang, Terengganu, Bibah Songket baru-baru ini telah membuka bilik pameran di Shah Alam untuk memenuhi kehendak pelanggan yang rata-ratanya berada di Lembah Klang.

RANGKA KERJA CSR EKUINAS



Keputusan dari Pemeriksaan Diagnostik MASE menunjukkan bahawa tiga cabaran perniagaan utama yang dihadapi oleh Bibah Songket adalah: jualan yang tidak konsisten membawa kepada aliran tunai tidak menentu, aktiviti pengedaran produk yang lemah, dan kekurangan aktiviti pemasaran produk. Seterusnya, Pelan Tindakan MASE telah disediakan untuk menangani cabaran-cabaran ini dan pendekatan yang holistik dilaksanakan untuk menyelesaikan isu-isu perniagaan Bibah Songket.

Rajah 3: Kekuatan Bibah Songket dan cabaran yang dihadapinya

Salah satu daripada pereka dan pengeluar songket terkemuka...

Rekabentuk unik	Setiap songket premium mempunyai rekabentuk yang unik
Kualiti tinggi	Setiap produk dihasilkan dengan cermat dan teliti
Asli	Masih menggunakan proses pengeluaran secara tradisional

...tetapi beliau menghadapi banyak cabaran

Aliran tunai tidak mencukupi	Kos bulanan tetap yang tinggi, tiada pendapatan sehingga ke saat akhir
Suasana tidak menentu	Pendapatan tidak menentu
Bilangan inventori yang tinggi	Jumlah inventori tersimpan terlalu tinggi

Jika ini tidak ditangani – akan membahayakan kesinambungan perniagaan



Sebuah kumpulan yang terdiri dari tiga orang individu telah menawarkan diri secara sepenuh masa untuk menjalankan projek ini dengan sokongan kakitangan Ekuinas dari pelbagai jabatan seperti Jabatan Perundangan dan Jabatan Komunikasi. Sepanjang tempoh empat bulan tersebut, kumpulan ini memberi tumpuan kepada isu-isu pengukuhan jualan dan pemasaran Bibah Songket dengan membina pangkalan pelanggan dan rangkaian pengedaran mereka, mewujudkan sistem inventori yang praktikal dan realistik, meningkatkan publisiti dan kesedaran pihak awam, menaik taraf laman web serta menghasilkan bahan-bahan dan barang niaga jualan. Di samping itu, Pelan Perniagaan asas telah dibangunkan untuk Puan Habibah dan anak perempuannya dengan cadangan khusus tentang bagaimana mereka boleh mengurus inventori syarikat dan merancang strategi harga dengan lebih baik. Bimbingan secara aktif dalam pelbagai bidang perniagaan turut disediakan kepada semua ahli keluarga Puan Habibah sepanjang tempoh empat bulan tersebut. Kami yakin langkah-langkah ini dapat membawa perbezaan dalam mengatasi cabaran yang dihadapi untuk berjaya di masa hadapan.

Jawatankuasa Pelaburan CSR Ekuinas yang baru ditubuhkan meluluskan peruntukan belanjawan sebanyak RM250,000 untuk membantu Bibah Songket mendapatkan sistem kewangan yang baru, meningkatkan kemahiran pemasaran dan perhubungan awam, serta latihan untuk para pekerja. Projek ini dijangka akan dimuktamadkan menjelang akhir suku pertama tahun 2014 apabila inisiatif yang dilaksanakan dijangka akan mencapai peningkatan dalam jualan dengan purata 5% – 10% setiap bulan, dan seterusnya menyediakan pengurusan aliran tunai yang konsisten.

Program Pembinaan Keupayaan oleh Ekuinas ini akan mengenal pasti tiga (3) perniagaan kecil setiap tahun untuk membimbing dan menyokong mereka dalam memaksimumkan potensi perniagaan mereka. Para peserta akan dapat mengakses pelbagai peluang pembangunan daripada Ekuinas – dari bidang pendidikan keusahawanan, sumber manusia, pemasaran, kewangan dan perakaunan, serta nasihat undang-undang am.

Rajah 4: Kriteria penilaian syarikat untuk menyertai Program Pembinaan Keupayaan CSR Ekuinas

- 1 Penyata Kewangan (diaudit) bagi tiga (3) tahun sebelum
- 2 Slot temuramah dengan pekerja utama – untuk Instrumen Diagnostik
- 3 Struktur organisasi
- 4 Maklumat mengenai produk dan aliran proses
- 5 Sumber dana di masa lampau - geran atau lain-lain dana yang diterima untuk perniagaan
- 6 Maklumat sulit lain dari masa ke semasa

RANGKA KERJA CSR EKUINAS

PENEKANAN TERHADAP PEMERKASAAN DALAM PENDIDIKAN

Bagi Ekuinas, mandat kami adalah untuk mewujudkan generasi baharu syarikat peneraju Malaysia masa hadapan di samping menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan. Kami percaya bahawa salah satu cara untuk mencapai matlamat ini adalah melalui pendidikan dan pembangunan modal insan. Ini adalah dua tunggak utama yang membentuk asas di mana rakyat Malaysia akan dapat merealisasikan potensi mereka sepenuhnya.

Dari segi tumpuan pelaburan kami, sektor pendidikan juga merupakan salah satu sektor sasaran Ekuinas yang sehingga kini telah menerima pelaburan komited sejumlah RM438.8 juta. Portfolio pendidikan Ekuinas, yang kini disatukan di bawah satu syarikat pegangan pelaburan khas dikenali sebagai ILMU Education Group, terdiri daripada institusi pendidikan terkemuka iaitu Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU) dan kumpulan syarikatnya di Malaysia, serta APIIT Lanka, iaitu sebuah penyedia pendidikan swasta terkemuka di Sri Lanka; kumpulan Cosmopoint yang terdiri daripada Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan Cosmopoint International College of Technology (CICT); dan UNITAR International University (UNITAR).

Ekuinas memberi tumpuan memperkasakan bakat muda melalui pendidikan dengan membuat pelaburan yang signifikan di dalam inisiatif yang diterajui oleh Ekuinas. Antara inisiatif yang dijalankan adalah Program Pelatih Pengurusan Syarikat Portfolio Ekuinas (EPCGTP), menyediakan biasiswa kepada pelajar berkeelayakan di syarikat portfolio kami, Kumpulan Cosmopoint, dan juga memberi sokongan kepada program-program yang dianjurkan oleh organisasi lain termasuk Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.





Program Pelatih Pengurusan Syarikat Portfolio Ekuinas (EPCGTP)

Program Pelatih Pengurusan Syarikat Portfolio Ekuinas (EPCGTP) merupakan program selama setahun yang menawarkan peluang kepada siswazah dari universiti-universiti tempatan untuk membangunkan kemahiran profesional, memperbaiki keadaan ekonomi dan seterusnya memberi peluang pekerjaan mereka.

Program perintis (Kumpulan 1) telah dilancarkan pada tahun 2012 dengan sembilan graduan disenarai pendek dan ditempatkan di Ekuinas dan tiga syarikat portfolio yang berlainan. Semua pelatih menerima perhatian sewajarnya berdasarkan keperluan pembangunan masing-masing. Di akhir tempoh latihan tersebut, satu kajian dijalankan bersama-sama pelatih untuk mengenal pasti dan memahami kekurangan dan keperluan siswazah.

Setelah tamat tempoh program tersebut, syarikat-syarikat portfolio Ekuinas telah mengambil empat pelatih untuk bekerja secara tetap manakala empat lagi menerima tawaran pekerjaan daripada pihak luar. Dengan pemahaman yang lebih baik terhadap keperluan graduan terbabit, mutu program ini telah dipertingkatkan dari segi latihan, pembangunan diri dan kemahiran teknikal untuk tahun 2013.

EPCGTP Kumpulan 2 mendaftar untuk 2013

Bagi pendaftaran kumpulan 2, graduan dari keluarga berpendapatan rendah hingga sederhana telah dijemput untuk memohon menyertai program selama setahun ini. Program ini menawarkan peluang menimba pengalaman bekerja, membangunkan kepimpinan peribadi, meningkatkan kemahiran berkomunikasi Bahasa Inggeris dan menambah kemahiran teknikal lain yang diperlukan apabila memasuki alam pekerjaan.

Sejak dilancarkan pada bulan April 2013, program ini telah menerima sebanyak 1500 permohonan di mana 80 pemohon disenarai pendek bagi peringkat Pusat Penilaian. Proses pemilihan menyeluruh yang melibatkan sesi perbincangan kumpulan dan pembentangan kajian kes juga dihadiri oleh wakil-wakil dari syarikat portfolio yang mengambil bahagian dalam proses pemilihan terdahulu.

Seterusnya, 23 orang graduan dikenal pasti dan ditempatkan di tujuh buah syarikat portfolio dalam pelbagai industri pada bulan Jun 2013, iaitu Burger King, San Francisco Coffee, Tony Roma's, Manhattan Fish Market, Alliance Cosmetics Group, Icon Offshore Berhad dan Cosmopoint/KLMUC.

Struktur Program

Rangka kerja program EPCGTP merangkumi empat komponen utama seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah – Aktiviti Bilik Darjah, Latihan di Tempat Kerja, Ulasan Kemajuan dan Perbincangan Rakan Sebaya.

Rajah 5: Rangka Kerja EPCGTP



Aktiviti Bilik Darjah menyediakan latihan formal dalam Bahasa Inggeris, komunikasi dan pembentangan, keusahawanan serta kepimpinan dan pembangunan peribadi. Tenaga pengajar bagi kursus Bahasa Inggeris dan Komunikasi dilantik untuk meningkatkan kemahiran para pelatih dalam penggunaan Bahasa Inggeris untuk tujuan Perniagaan. Ini kerana faktor kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris telah dikenal pasti sebagai satu kelemahan utama graduan tempatan. Kelas tersebut diadakan setiap dua minggu tetapi kekerapan ditingkatkan kepada seminggu sekali untuk memenuhi permintaan peserta bagi mencapai kemahiran yang lebih tinggi.

Modul kedua rangka kerja ini menekankan **bimbingan dan latihan amali** kepada peserta untuk tempoh setahun program tersebut. Sesi terperinci dijalankan setiap suku tahun bertujuan untuk memantau kemajuan serta menyediakan maklum balas kepada peserta berkenaan hal-hal kerja dan kelakuan mereka.

Ulasan kemajuan juga dilaksanakan pada setiap suku tahun bersama penyelia peserta dan jabatan sumber manusia di setiap syarikat portfolio. Prestasi dan kemajuan peserta untuk tempoh setiap tiga bulan itu akan dikaji dengan tujuan memberi peserta sasaran pembangunan pekerjaan yang realistik.

Para peserta juga turut mempelajari cara memperbaiki diri melalui dialog **kumpulan rakan sebaya** di mana mereka dapat berkongsi dan belajar daripada satu sama lain.

RANGKA KERJA CSR EKUINAS



Setelah enam bulan berada di dalam program ini, para pelatih berkumpul untuk aktiviti pembinaan pasukan atau *team-building* di Alam Rimba, Janda Baik, Pahang, di mana aktiviti-aktiviti yang dijalankan telah direka untuk membina kepimpinan peribadi setiap pelatih. Penceramah motivasi pertama yang dijemput untuk berucap dan memeriahkan program ini adalah Ahmad Izham Omar, Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen, Media Prima Berhad. Beliau telah berkongsi pengalaman hidup dan bagaimana minatnya terhadap industri hiburan telah dimanfaatkan ke arah “Menzahir sebuah Kelainan” – yang merupakan topik pembentangan beliau.

Fasa terakhir program EPCGTP ini membantu menyediakan para pelatih dengan teknik penulisan *resume* dan amalan temuduga yang terperinci untuk memastikan mereka bersedia ke peringkat seterusnya dalam kerjaya serta mendapatkan pekerjaan di organisasi pilihan mereka.

Bagi kami di Ekuinas, kejayaan program EPCGTP diukur dengan kadar kebolehpkerjaan setiap pelatih terbabit. Sekiranya para pelatih berjaya mendapat tempat di organisasi pilihan mereka selepas menamatkan program ini, maka matlamat Ekuinas dalam usaha membangunkan bakat Bumiputera melalui inisiatif pembangunan modal insan ini berjaya dicapai.





ekuinas
EKUITI NASIONAL BERHAD

JOIN 2014

EKUINAS PORTFOLIO COMPANY GRADUATE TRAINEE PROGRAMME

Ekuinas invites talented and driven graduates from Malaysian universities to join the Ekuinas Portfolio Company Graduate Trainee Programme (EPCGTP).

The EPCGTP provides graduates the opportunity to gain hands-on work experience and personal development skills at our Portfolio Companies, ranging from fast moving consumer goods, oil and gas, and education.

Food and beverage graduates have the chance of working with global and home-grown brands such as Burger King, Tony Roma's, The Manhattan Fish Market, and San Francisco Coffee.

Why Should You Apply for EPCGTP?

The EPCGTP is an intensive 12-month programme aimed at realising your potential and providing you with a stable platform to help you become well-equipped professionals.

You will have the opportunity to work with and learn from highly experienced and talented professionals from our Portfolio Companies.

Successful EPCGTP candidates will receive, among other benefits:

- on-the-job work experience
- exposure to business and management skills
- personal leadership development
- quarterly coaching and performance feedback sessions
- weekly English communication and presentation training
- participation in supervised assignments
- off-site training

What are the requirements?

We're looking for Malaysian students graduating in 2014, who:

- have a minimum 3.0 CGPA, preferably in Business, Entrepreneurship, Finance, Communications, Marketing, Management, F&B, or Retail
- have good communication skills
- have the passion for business
- are creative, enthusiastic, natural leaders and team players

Our new intake starts in June 2014
so send in your resumes now!

How To Apply?

To apply, please send us by following via email or mail by 15 March 2014:

- Resume
- Latest examination results
- A recent passport size photograph
- A 100-word personal statement in English or Bahasa Melayu indicating your personal field of focus or specific Portfolio Company of interest

Human Capital Department, Ekuinas Nasional Berhad
Level 12 System Tower, No 1 Jalan P. U. 7/3, Mutiara Damansara
47100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
E: hr@ekuinas.com.my

For more information, please call Datinela at +603 7750 7771 or visit www.ekuinas.com.my

*Please note that only pre-qualified candidates will be contacted.

Eager to find out how global and homegrown F&B brands operate?

San Francisco Coffee **Tony Roma's**

F&B MANAGEMENT TRAINEE PROGRAMME

We are looking for

- Minimum CGPA of 3.00 in the field of F&B – Retail Management, Food Service, Hotel & Catering, Culinary Arts and those related to the F&B industry
- Malaysian Diploma/Degree holders – graduating in 2013-2014
- Enjoy meeting people in a fun work environment
- Creative, passionate and enthusiastic

Mail or e-mail your resume, latest examination results and a recent passport-size photograph to:

iFG
INTEGRATED FOOD GROUP

170 Telok Anson, c/o Area 13, Mutiara Damansara, No 1 Jalan P. U. 7/3, Mutiara Damansara, Selangor
E-mail: talent@ifg.com.my

come join us now!
Closing Date is March 15

Rancangan untuk 2014

Maklum balas daripada kumpulan pelatih terkini menunjukkan bahawa program ini ternyata berjaya mencapai matlamat dan mendatangkan manfaat kepada kumpulan sasaran kami. Semua program pembangunan dan latihan juga turut menerima maklum balas positif dan para pelatih memohon supaya lebih banyak program seperti ini diadakan.

Untuk menjamin kejayaan program ini, Ekuinas membahagi program ini kepada dua kumpulan sasaran:

- EPCGTP (Kumpulan 3)** mensasarkan pemegang ijazah dari universiti-universiti tempatan dengan latar belakang bidang perniagaan; dan

- Program Pelatih Pengurusan F&B (FMTP)** mensasarkan pemegang Diploma dari universiti tempatan dalam bidang seni kulinari, perkhidmatan makanan, pengurusan runcit dan lain-lain bidang F&B yang berkaitan.

Bilangan pengambilan pelatih untuk kedua-dua program, yang akan bermula pada bulan Jun 2014, telah meningkat kepada lima puluh graduan untuk ditempatkan di syarikat-syarikat portfolio kami. Kriteria senarai pemilihan adalah sama seperti sebelum ini, dengan tumpuan utama untuk memperkasa pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.

RANGKA KERJA CSR EKUINAS

Dana Pendidikan Ekuinas-Kumpulan Cosmopoint

Di Ekuinas, kami percaya bahawa semua lapisan masyarakat seharusnya diberikan akses yang lebih baik kepada pendidikan dan bimbingan di semua peringkat dan tahap pembelajaran. Syarikat portfolio kami, kumpulan Cosmopoint yang terdiri daripada Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan Cosmopoint International College of Technology (CICT), menyediakan akses pendidikan kepada mereka yang mungkin tidak mempunyai peluang untuk berbuat sedemikian, sebagai contoh, mereka yang datang dari isi rumah berpendapatan rendah atau mempunyai prestasi akademik yang kurang memuaskan. Beberapa pelajar dari kumpulan ini menghadapi kesukaran untuk mencapai keputusan yang baik di tahap pengajian tinggi.

Selaras dengan tema Ekuinas iaitu MEREALISASIKAN POTENSI, Syarikat bersama-sama dengan Kumpulan Cosmopoint mencadangkan tiga jenis skim bantuan kewangan dengan matlamat khusus untuk kumpulan sasaran ini. **Dana Sara Diri** menggalakkan mereka untuk terus belajar dan menyediakan bantuan perbelanjaan sara hidup seharian, **Dana Potensi** menawarkan peluang kedua bagi mereka yang telah memilih untuk berhenti belajar supaya menyambung kembali pengajiannya, dan **Dana Bestari** adalah untuk menawarkan ganjaran dan pengiktirafan kepada pelajar cemerlang dari kedua-dua institusi.

Lebih 800 orang pelajar telah dikenalpasti sebagai penerima biasiswa di bawah ketiga-tiga skim ini, yang membawa kepada jumlah sebanyak RM1.8 juta.

Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB)

Bagi mendekati lebih ramai kumpulan sasaran di luar portfolio pelaburan kami, Ekuinas juga telah melanjutkan sokongan kami kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) untuk tiga tahun berturut-turut.

Ekuinas menyokong YPPB, yang telah ditubuhkan di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera, dalam misinya untuk meningkatkan kualiti, kuantiti, dan keberkesanan bakat Bumiputera untuk membawa Malaysia kepada status negara berpendapatan tinggi melalui pendidikan akademik dan vokasional.

YPPB menguruskan pelbagai program bermula dari mengenal pasti pelajar berprestasi sederhana untuk meningkatkan kemajuan mereka di sekolah-sekolah rendah dan menengah, kepada meningkatkan kemahiran keupayaan teknikal modal insan bagi memenuhi permintaan bakat yang semakin meningkat dalam bidang berpotensi tinggi seperti minyak dan gas, elektrik dan elektronik, marin dan lain-lain.





YPPB turut menawarkan bantuan kewangan kepada bakat Bumiputera untuk mendapatkan pensijilan profesional dalam bidang perakaunan dan program pakar seperti jurutera pesawat berlesen, di samping membantu membina keupayaan usahawan, pengurusan pertengahan dan graduan melalui program-program pembangunan kepimpinan. Program-program yang ditawarkan adalah seperti yang ditunjukkan di dalam gambar rajah di bawah.

Rajah 6: Program Intervensi PenerajuEdu



1

Pembangunan Kepimpinan

PENERAJU PEMIMPIN

- Graduan Terbaik – disalurkan ke organisasi yang mempunyai program pembangunan bakat/modal insan yang maju serta banyak memberi pendedahan kepada industri
- Pengurusan Pertengahan Berpotensi – ‘cross-fertilization’ dengan syarikat untuk memberi pendedahan dari segi pengurusan dan perniagaan
- Pemimpin Usahawan – membangunkan pelapis untuk kemampanan dan kesinambungan perniagaan

2

Pembangunan dan Pensijilan Profesional

PENERAJU PROFESIONAL

- Perakaunan Profesional – meningkatkan jumlah graduan Perakaunan menjadi Akauntan Profesional dan memberi pendedahan kepada mereka yang telah menerima latihan untuk menjadi Akauntan Profesional
- Program Pakar – menyokong mereka yang berkelayakan untuk mengikuti program pakar meneruskan pengajian di universiti atau institusi swasta (Perubatan, Jurutera Penerbangan Berlesen dan sebagainya).

3

Pengurusan dan Pembangunan Kemahiran

PENERAJU SKIL

- Kemahiran Teknikal – meningkatkan kemahiran di dalam bidang yang mempunyai pertumbuhan pendapatan tinggi (sektor Minyak & Gas, E&E, Marin dan sebagainya).

4

Bantuan di peringkat sekolah rendah dan menengah

PENERAJU TUNAS

- Peringkat Menengah ke Pengajian Tinggi – pelajar berprestasi sederhana dari keluarga berpendapatan rendah dan sederhana akan disalurkan ke pusat pengajian tinggi yang berkualiti (universiti dan vokasional)
- Rendah ke Menengah – pelajar berprestasi sederhana yang berpotensi dari keluarga berpendapatan rendah dan sederhana akan disalurkan ke sekolah yang berkualiti tinggi (sekolah kebangsaan, swasta dan antarabangsa)

5

Peruntukan tambahan untuk pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke IPTA dan IPTS tempatan dan luar negara untuk kursus-kursus tertentu di institut-institut terpilih



Sumbangan kami kepada program terpilih yang diuruskan oleh YPPB telah melengkapkan matlamat kami untuk meningkatkan peluang-peluang pendidikan kepada masyarakat Malaysia, tetapi apa yang lebih penting adalah ia berasaskan keperluan dan memberi tumpuan kepada mereka yang menjalani kehidupan yang sukar.

Setakat ini, Ekuinas telah menyumbang sebanyak RM1 juta, yang digunakan untuk penajaan pelajar-pelajar ke institusi terpilih yang dimiliki oleh ILMU Education Group Ekuinas. Sehingga kini, YPPB telah menghantar pelajar mereka ke UNITAR International University (UNITAR) dan Asia Pacific University of Technology dan Innovation (APU), serta institut pengajian tinggi Malaysia yang lain.

Menurut laporan setengah tahun YPPB yang dikemukakan kepada Ekuinas pada bulan Oktober 2013, kira-kira RM500,000 daripada peruntukan RM1 juta tersebut telah digunakan untuk membiayai sejumlah 40 orang pelajar yang mendaftar dalam program-program asas dan ijazah di bawah inisiatif Tunas Potensi 1 dan Tunas Potensi 2. 30 pelajar yang ditempatkan di APU mempunyai minat yang mendalam dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan menunjukkan prestasi yang baik dalam pelbagai kursus berkaitan IT yang ditawarkan di institusi itu, manakala sepuluh orang pelajar di UNITAR telah memilih program berkaitan pendidikan yang merupakan antara kursus yang paling popular di universiti ini.

RANGKA KERJA CSR EKUINAS

SUMBANGAN FILANTROPI KEPADA MASYARAKAT

Selain menyalurkan dana untuk program-program pendidikan, Ekuinas juga komited untuk menyokong pelbagai organisasi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membantu meningkatkan kehidupan golongan kurang bernasib baik.

Pada 2013, Ekuinas menyokong pelbagai acara yang dianjurkan oleh syarikat-syarikat portfolio kami dan juga oleh pihak luar.

Di majlis sumbangan kepada anak-anak yatim yang diadakan setiap tahun oleh BURGER KING®, pada tahun ini, Syarikat telah memilih untuk menjadi tuan rumah kepada 30 orang anak yatim bagi menyambut Hari Raya di cawangan Kota Bharu. Di majlis tersebut juga, BURGER KING® telah menawarkan pekerjaan kepada seorang anak sulung daripada lima adik-beradik yatim yang baru saja kematian ibu bapa mereka.

Syarikat juga berbangga dengan program latihan dan pembangunan menyeluruh yang bertujuan untuk memberikan

peluang kepada anak-anak muda dalam masyarakat untuk memulakan kerjaya yang menarik dengan prospek pembangunan kerjaya yang baik di dalam sektor F&B.

Pada tahun tersebut juga, Ekuinas terus memberi sokongan kepada persatuan industri Ekuiti Persendirian, Malaysian Venture Capital and Private Equity Association (MVCA), serta agensi-agensi Kerajaan dan badan bukan kerajaan lain yang mempunyai objektif yang sama dalam menggalakkan pembangunan usahawan.

Pada masa yang sama, Ekuinas juga meneruskan sokongan untuk program amal dan usaha pengumpulan dana yang dianjurkan oleh organisasi media, kumpulan tindakan dan rakyat prihatin bertujuan untuk memberikan penjagaan dan bantuan kepada keluarga berpendapatan rendah, kanak-kanak HIV+, anak-anak yatim, ibu tunggal dan mereka yang serba kekurangan.





PROGRAM MASE UNTUK INISIATIF PEMBINAAN KEUPAYAAN USAHAWAN CSR EKUINAS

OLEH BOSTON CONSULTING GROUP (BCG)

APAKAH MASE?

Program Perusahaan Mikro dan Kecil (MASE) adalah program bimbingan yang direka untuk menyokong perusahaan mikro dan kecil di Malaysia. Program ini membawa bersama-sama pemilik perniagaan dan profesional berpengalaman untuk menjadi mentor kepada usahawan kecil dan mikro berpotensi dalam persekitaran yang berstruktur dengan menggunakan instrumen inovatif untuk membantu usahawan-usahawan ini mencapai potensi mereka sepenuhnya.

Objektif program ini adalah untuk mengenal pasti cabaran-cabaran perniagaan paling kritikal yang dihadapi oleh usahawan dan menangani isu-isu tersebut dengan cara yang berstruktur dengan memanfaatkan hubungan mentor-menti yang digariskan dalam MASE.

Rajah 1: Ringkasan program MASE



Dua instrumen utama telah dibangunkan untuk mencapai objektif program MASE:

- 1) Pemeriksaan Diagnostik: satu borang kaji selidik ringkas telah direka untuk mengenal pasti cabaran-cabaran perniagaan paling kritikal yang dihadapi oleh usahawan mikro dan kecil contohnya pelanggan yang berkurangan, harga yang tidak kompetitif, pemasaran yang tidak mencukupi, dan lain-lain; dan
- 2) Pelan Tindakan: satu set panduan penyelesaian yang berasaskan rangka kerja dicipta untuk menangani cabaran perniagaan yang lazimnya dihadapi oleh perusahaan mikro dan kecil, termasuk templat bagi perancangan dan pemantauan untuk menguruskan pelaksanaan pelan tindakan.



MENGAPA MASE DICIPTA?

Perusahaan mikro dan kecil memainkan peranan penting di Malaysia, di mana ia membentuk kira-kira 95% daripada perniagaan persendirian, dan bertanggungjawab untuk hampir satu pertiga daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Malangnya, usahawan-usahawan ini juga menghadapi kadar kegagalan yang tinggi. Terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi mereka termasuklah kekurangan pengetahuan tentang pemasaran dan akses terhad kepada pembiayaan.

Pada tahun 2013, Ekuinas dan BCG bergabung untuk menangani masalah ini. Perkongsian itu didorong oleh keinginan kedua-dua organisasi untuk membuat sumbangan bermakna kepada ekonomi Malaysia dengan menyokong kumpulan perniagaan penting ini yang mungkin telah terlepas pandang. BCG lazimnya pada setiap tahun akan menyokong sebarang usaha yang memberikan impak sosial tempatan. Memandangkan tahun lepas merupakan ulang tahun ke-50 BCG, ia ingin meraikannya dengan menyokong satu projek khas. Usahawan mikro dan kecil adalah nadi ekonomi Malaysia dan bantuan untuk menjadikan kumpulan ini menjadi lebih baik adalah satu cabaran yang wajar disambut. BCG telah menyediakan pasukan pro bono khas untuk bekerjasama dengan Ekuinas bagi mencari jalan penyelesaian permasalahan yang dihadapi.

Rajah 2: Cabaran SME di Malaysia

SME penting untuk ekonomi Malaysia...

...tetapi mereka memerlukan pertolongan kita



¹ SME Census 2011 Malaysia, Pelan Induk SME 2012-2020

PROGRAM MASE UNTUK INISIATIF PEMBINAAN KEUPAYAAN USAHAWAN CSR EKUINAS OLEH BOSTON CONSULTING GROUP (BCG)

Untuk menguji konsep ini, pasukan kami menjalankan program perintis ke atas lima orang usahawan, dan hasil daripada ujian tersebut digunakan untuk memperbaiki program ini. Calon-calon yang terlibat termasuklah seorang tukang kasut, peruncit barangan cenderamata, tukang ukir tradisional, sebuah agensi pelancongan dan pelukis tekstil Malaysia.

Rajah 3: Perusahaan mikro dan kecil yang mengambil bahagian dalam program perintis

Nama	BIBAH SONGKET	TANOTI	ISHMAEL	GADIS MANIS	AL QUDS
Jenis Perniagaan	Pertengahan	Pertengahan	Asas	Pertengahan	Maju
Industri	Kraftangan	Kraftangan	Perkhidmatan	Peruncitan	Pelancongan
Produk	Kain Songket	Kain Songket	Membaiki kasut	Cenderahati dan hadiah	Pakej Pelancongan, Tiket Penerbangan

SIAPAKAH KUMPULAN YANG DISASARKAN?

Kumpulan sasaran program MASE adalah usahawan mikro dan kecil dengan model perniagaan berpotensi yang boleh dipertingkatkan. Mereka boleh merangkumi petani luar bandar, pembuat kraftangan dan juga peruncit.

Terdapat empat kriteria utama perlu dipenuhi oleh usahawan yang ingin menyertai program ini:

1. **Saiz:** terhad kepada perusahaan mikro atau kecil sahaja;
2. **Bercita-cita tinggi:** kesediaan untuk meningkatkan perniagaan mereka ke peringkat seterusnya, termasuk membuat perubahan yang sukar contohnya melaksanakan proses piawaian, mengurangkan struktur kos, menggunakan strategi pemasaran untuk mengembangkan bilangan pelanggan, dan lain-lain;
3. **Keperluan:** keperluan yang jelas untuk sokongan asas utama; dan

4. **Sikap:** berfikiran terbuka dan bersedia untuk bekerjasama rapat dengan mentor dan fasilitator program untuk mendiagnosis dan melaksanakan penyelesaian yang disyorkan. Selain itu, kesediaan untuk menyertai program MASE sebagai mentor untuk membimbing usahawan lain yang berada dalam keadaan yang sama.

BAGAIMANA IA BERFUNGSI?

Program mentor dijalankan melalui dua langkah utama:

- 1) Pemeriksaan Diagnostik untuk mengenal pasti tiga cabaran paling kritikal; dan
- 2) Pembangunan pelan tindakan khusus untuk menangani cabaran utama yang telah dikenal pasti.



1. *Pemeriksaan Diagnostik*

Aktiviti dimulakan oleh mentor dengan memahami asas-asas industri mentri, sama ada melalui pengalaman peribadi atau perbincangan dengan orang-orang yang berpengalaman dalam industri tersebut. Mentor kemudiannya bertemu dengan mentri untuk menjalankan Pemeriksaan Diagnostik MASE dan mengenali pasti cabaran paling kritikal yang dihadapinya.

Pemeriksaan ini dibangunkan melalui analisis pelan perniagaan SME dan kajian kes yang terperinci, termasuk pendapat-pendapat usahawan mikro dan kecil yang berjaya. Ia kemudiannya digabungkan dengan pengalaman praktikal daripada perusahaan-perusahaan mikro dan kecil tempatan yang mengambil bahagian dalam program perintis ini. Berdasarkan analisis komprehensif ini, pasukan CSR mencipta satu rangka kerja yang menggariskan isu-isu utama yang dihadapi oleh perusahaan mikro dan kecil meliputi sembilan fungsi dan aktiviti perniagaan:

Rajah 4: Rangka kerja Diagnostik



Rangka kerja Diagnostik MASE adalah kaji selidik pendek yang menguji sembilan fungsi dan aktiviti perniagaan meliputi 19 potensi cabaran. Seterusnya, setiap cabaran diteliti dengan lima soalan yang memerlukan jawapan mudah “ya” atau “tidak” daripada pihak mentri. Sekiranya jawapan “ya” melebihi “tidak”, ini menunjukkan tahap kesukaran cabaran tersebut.

PROGRAM MASE UNTUK INISIATIF PEMBINAAN KEUPAYAAN USAHAWAN CSR EKUINAS OLEH BOSTON CONSULTING GROUP (BCG)

Pada dasarnya, mentor membantu mentee melengkapkan keseluruhan kaji selidik tanpa kesedaran mentee dengan menjalankan ujian bagi cabaran tertentu. Metodologi ini direka untuk mengurangkan keadaan berat sebelah oleh mentee terhadap isu-isu yang dihadapi oleh perniagaannya. Ini dapat memastikan perspektif mentee yang objektif dan bebas dari pandangan peribadinya. Soal selidik ini biasanya mengambil masa kira-kira 1-2 jam untuk disempurnakan.

Rajah 5: Soal Selidik Pemeriksaan Diagnostik MASE

Contoh hipotesis Model Perniagaan

Business Model

1 Do you have business model challenges?

Yes / No

2 My business is often losing money

The market for my products is shrinking

It is very difficult to grow my sales

I am finding it difficult to attract new customers

I cannot decrease my costs much further

3 **Total number of 'Yes'**

4 **Additional comments**
(Please ask interviewee to describe these challenges in the context of the business if he/she has answered "yes" to three or more questions)

Copyright © 2010 by The Boston Consulting Group. All rights reserved.

THE BOSTON CONSULTING GROUP 1

- 1** Hipotesis untuk diuji
- 2** Soalan spesifik untuk menguji hipotesis
- 3** Menyemak jawapan
- 4** Ruangan untuk menulis komen



Soalan berdasarkan hipotesis untuk menguji isu-isu perniagaan

Revenue

Do you need to change prices to increase revenue?

Yes / No

Compared to my direct competitors my sales are low

I find it difficult to sell more products to the same customers

I price my products on a cost-plus model (cost to make + profit margin)

For similar products, my prices are different from my competitors

My products are distinctive enough from my competitors to justify a higher price

Total number of 'Yes'

Additional comments
(Please ask interviewee to describe these challenges in the context of the business if he/she has answered "yes" to three or more questions)

THE BOSTON CONSULTING GROUP 1

Cost

Do you need to reduce your variable costs?

Yes / No

My profit margins are low

It's difficult to increase prices

My material or direct labour costs are too high

Utilities and other direct cost to make each product is too high

There is a potential to reduce variable costs without affecting my product quality

Total number of 'Yes'

Additional comments
(Please ask interviewee to describe these challenges in the context of the business if he/she has answered "yes" to three or more questions)

THE BOSTON CONSULTING GROUP 75



Soalan berdasarkan hipotesis untuk menguji isu-isu perniagaan (samb)

Produk

Product

Do you need to carry different quality of products?

Yes / No

- My customers seek higher or lower quality products than what I carry
- My customers typically buy these different quality products from my competitors
- I am technically able to produce higher/lower quality products that customers want
- The market for these different quality products is larger
- I have the capability to serve this market profitability

Total number of "Yes"

Additional comments
(Please ask interviewee to describe these challenges in the context of the business if he/she has answered "yes" to three or more questions)

The BOSTON CONSULTING GROUP

Pengedaran

Distribution

Do you need to change your location?

Yes / No

- My customer base is not large enough
- Customers find my location inconvenient or difficult to find
- My competitors at better locations have more customers
- It is important for me to be located near my customers
- It is feasible to move to a new location (flexible lease and low moving cost)

Total number of "Yes"

Additional comments
(Please ask interviewee to describe these challenges in the context of the business if he/she has answered "yes" to three or more questions)

The BOSTON CONSULTING GROUP

Pemasaran

Marketing

Do you need to create or improve your brand?

Yes / No

- My products are not the cheapest in the market so brand is important for me
- I don't dedicate enough time to establish or strengthen my brand
- My products have unique selling points but many customers are not aware of it
- Competitors with stronger brands have more customers and charge higher prices
- I often have to discount my products to attract customers

Total number of "Yes"

Additional comments
(Please ask interviewee to describe these challenges in the context of the business if he/she has answered "yes" to three or more questions)

The BOSTON CONSULTING GROUP

Kebolehpayaan

Capabilities

Do you need to improve managerial capabilities?

Yes / No

- I don't spend time on a monthly basis on business planning
- There are no written management roles and responsibility guidelines
- I find it difficult to delegate responsibilities to my employees
- Employees are not clear on who the right decision maker is for certain issues
- I find it difficult to motivate my employees

Total number of "Yes"

Additional comments
(Please ask interviewee to describe these challenges in the context of the business if he/she has answered "yes" to three or more questions)

The BOSTON CONSULTING GROUP

Pengurusan Kewangan

Financial Management

Do you need to learn how to access financing?

Yes / No

- I have a profitable business and would like to grow it
- I don't have the cash needed to finance growth
- I am not aware of the different ways to access money to grow my business
- I don't understand what typical investors look for in a business before investing
- I don't know what banks typically require before giving loans

Total number of "Yes"

Additional comments
(Please ask interviewee to describe these challenges in the context of the business if he/she has answered "yes" to three or more questions)

The BOSTON CONSULTING GROUP

Sokongan Perniagaan

Support

Do you need better business processes?

Yes / No

- I don't have written processes for my business
- If I don't come to work, my employees will have difficulty running the business
- I don't have written job descriptions for my employees
- My employees routinely come to me for simple decisions
- Standard processes can improve efficiency and lower my costs

Total number of "Yes"

Additional comments
(Please ask interviewee to describe these challenges in the context of the business if he/she has answered "yes" to three or more questions)

The BOSTON CONSULTING GROUP

PROGRAM MASE UNTUK INISIATIF PEMBINAAN KEUPAYAAN USAHAWAN CSR EKUINAS OLEH BOSTON CONSULTING GROUP (BCG)

Seterusnya, mentor membuat kesimpulan berdasarkan keputusan soal selidik yang dijalankan dan mengenal pasti tiga cabaran paling kritikal berdasarkan bilangan jawapan “ya” bagi setiap soalan.

Rajah 6: Contoh keputusan diagnostik daripada peserta program perintis

Model Perniagaan			
• Do you have business model challenges			2
Can you increase revenues		Is there room to improve marketing	
• Do you need to change prices to increase revenue	2	• Do you need to create or improve your brand	2
• Do you need to increase volume to raise revenue	2	• Do you need to do more marketing	2
Can you reduce costs		Do you need to improve capabilities	
• Do you need to reduce your fixed costs	2	• Do you need to improve managerial capabilities	2
• Do you need to reduce your variable costs	2	• Do you need to improve employee capabilities	0
Do you have product portfolio issues		Do you need to improve financial management	
• Do you need to change your product range	1	• Do you need to improve financial management	0
• Do you need to carry different quality of products	0	• Do you need to learn how to access financing	1
Do you need new distribution channels		Do you need to improve business support	
• Do you need to improve your location	3	• Do you need better systems	1
• Do you need to improve your distribution channels	4	• Do you need better business processes	2



2. Pelan Tindakan

Setelah tiga cabaran kritikal dalam perniagaan mentri dikenalpasti, mentor akan menganalisa isu-isu untuk menentukan punca sebenar permasalahan yang dihadapi. Maklumat dari perbualan dengan mentri, rujukan kepada pelan tindakan berdasarkan rangka kerja dalam program MASE serta pengalamannya sendiri dalam perniagaan dan industri menjadi tunggak asas dalam menggubal satu penyelesaian yang praktikal bagi setiap satu cabaran kritikal yang telah dikenalpasti. Penyelesaian akhir dibangunkan secara bersama dengan mentri untuk memastikan “buy-in”. Templat berikut telah dicipta untuk menggariskan dengan jelas langkah-langkah penyelesaian bagi setiap cabaran dalam format yang mudah untuk diikuti:

Rajah 7: Sumber yang diwujudkan bagi Pelan Tindakan MASE

1 Pelan tindakan dan matlamat khas

Action plan: business model challenges

Health Check question	Y/N	My business is often losing money
Do you have business model challenges?	Y/N	The market for my products is shrinking
	Y/N	It's very difficult to grow my sales
	Y/N	I am finding it difficult to attract new customers
	Y/N	I cannot decrease my costs much further

Current issues	Action plan	Target goal
xxx	xxx	xxx
xxx	xxx	xxx
xxx	xxx	xxx
xxx	xxx	xxx

THE BOSTON CONSULTING GROUP

Mewujudkan pelan tindakan khas untuk setiap cabaran berdasarkan isu khusus

2 Panduan berdasarkan rangka kerja

How to address business model challenges

Action plan	Details	Done?
Identify key issues	Market conditions	<input type="checkbox"/>
	Revenue issues	<input type="checkbox"/>
	Cost issues	<input type="checkbox"/>
Available alternatives	Try to increase revenue	<input type="checkbox"/>
	Try to decrease cost	<input type="checkbox"/>
	Pursue new markets	<input type="checkbox"/>
Need to make a choice	Exit business	<input type="checkbox"/>
	Decision making process	<input type="checkbox"/>
Monitor impact	Track impact of decision	<input type="checkbox"/>

THE BOSTON CONSULTING GROUP

Panduan langkah demi langkah untuk mencapai penyelesaian yang praktikal

3 Pengurusan dan pemantauan

Tracking tool: address business model challenges

Action plan	Responsible	Budget	Due date	Done
xxx	xxxxx			
xxx	xxxxx			
xxx	xxxxx			
xxx	xxxxx			

Tracking results	Month 1	Month 2	Month 3	Month 4	Month 5	Month 6
Total sales						
Revenue initiative target						
Total cost						
Cost initiative target						

1 & 2: number of new customers, 3 & 4: supplier cost

THE BOSTON CONSULTING GROUP

Memperuntukkan tanggungjawab dan belanjawan

Memantau impak ke atas perniagaan

APAKAH HARAPAN YANG INGIN DICAPAI?

Program MASE telah dicipta untuk menyokong perusahaan mikro dan kecil untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya. Dalam persekitaran perniagaan yang amat tidak menentu dan berdaya saing tinggi, banyak perusahaan mikro dan kecil dengan produk dan perkhidmatan yang baik sering menghadapi cabaran perniagaan yang mana mereka tidak dilatih untuk menanganinya. Walaupun perusahaan mikro dan kecil membentuk 95% daripada jumlah perniagaan di Malaysia, tahap sokongan dan sumber yang tersedia untuk kumpulan ini masih tidak mencukupi.

Program MASE bertujuan untuk mengisi jurang ini dengan mewujudkan satu rangkaian sokongan – menghubungkan perusahaan mikro dan kecil dengan mentor yang berpengalaman untuk meningkatkan kebarangkalian mereka untuk berjaya. Kedua-dua mentor dan mentee diberi akses kepada instrumen inovatif yang dicipta khusus untuk menangani cabaran perniagaan perusahaan mikro dan kecil.

Maklum balas positif yang diterima daripada usahawan yang mengambil bahagian dalam program perintis adalah petunjuk awal bahawa MASE mempunyai potensi untuk mencapai matlamatnya. Dengan menerima penilaian objektif bagi cabaran yang paling kritikal dalam perniagaan mereka, serta penyelesaian praktikal untuk memperbaiki keadaan ini, usahawan bukan sahaja diberi peluang untuk menjadikan perniagaan mereka lebih mampan, tetapi juga boleh berkembang dan terus menyumbang kepada ekonomi Malaysia.

Sumbangan artikel oleh Kumpulan BCG:

- Pn. Nor Azah Razali, Partner dan Pengarah Urusan
- En. Palash Ahmed, Ketua Projek
- Cik Amy Zheng
- En. Subhen Jeyaindran



BCG SOUTH EAST ASIA

MENGENAI BCG:

Boston Consulting Group (BCG) ialah sebuah firma perundingan pengurusan dan penasihat strategi perniagaan global terkemuka. Kami bekerjasama dengan klien dari sektor swasta, awam dan organisasi bukan berasaskan keuntungan di semua rantau untuk mengenal pasti peluang, menangani cabaran kritikal, dan membantu mentransformasi syarikat mereka.

Pendekatan khas yang khusus adalah gabungan dari pemahaman meluas tentang perihal syarikat dan pasaran melalui kerjasama langsung yang erat di setiap peringkat organisasi. Ini untuk memastikan klien kami mempunyai kelebihan dari segi persaingan, membina lebih banyak organisasi berkebolehan, dan menjamin hasil yang memberangsangkan. BCG ialah sebuah syarikat swasta yang diasaskan pada 1963, dengan 79 buah pejabat di 44 buah negara.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati bcg.com.

TADBIR URUS KORPORAT

- Penyata Tadbir Urus Korporat
- Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
- Laporan Jawatankuasa Audit
- Dasar Pendedahan

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PENGENALAN

Oleh kerana Ekuinas bukan sebuah entiti tersenarai, syarikat tidak perlu mematuhi syarat-syarat pendedahan tadbir urus korporat yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) atau Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Walau bagaimanapun, sebagai syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas memberikan komitmen penuh untuk bersifat telus dan menyediakan laporan berkualiti di dalam Laporan Tahunan Syarikat. Oleh yang demikian, pendedahan di dalam seksyen ini telah disediakan berdasarkan amalan tadbir urus korporat terbaik yang digariskan oleh Bursa Malaysia, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2012) serta Dasar Pendedahan Ekuinas dan meliputi Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman serta Laporan Jawatankuasa Audit.

Penyata-penyata ini, di mana bersesuaian, telah disediakan berdasarkan pematuhan terhadap Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2012) dan kami berharap dapat menyediakan maklumat penting yang bermakna berkenaan amalan tadbir urus Ekuinas kepada semua pihak berkepentingan.

Sehubungan itu, kami ingin menekankan bahawa semua ahli Lembaga Pengarah Ekuinas telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai pemegang saham muktamad Syarikat. Walau bagaimanapun, untuk tujuan laporan ini, kami telah mengklasifikasikan Pengarah Bebas sebagai pengarah yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan (dan tidak berada di dalam perkhidmatan Kerajaan selama dua tahun), bebas dari pihak Pengurusan dan bebas daripada sebarang perniagaan atau hubungan lain yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan perniagaan. Pengarah yang bukan di dalam lingkungan takrifan ini dianggap sebagai Pengarah Bukan Bebas.

RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Lembaga Pengarah Ekuinas percaya bahawa tadbir urus korporat yang mantap adalah asas kepada organisasi yang berjaya. Ia memastikan kepentingan pihak-pihak berkepentingan terpelihara di samping mempertingkatkan prestasi dan kebertanggungjawaban korporat.

Sebagai syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Ekuinas komited untuk mencapai standard tertinggi dalam tadbir urus korporat dan dengan itu, telah melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Ekuinas di peringkat Syarikat di samping menggalakkan amalan tadbir urus yang mantap dalam Rangka Kerja ini di semua syarikat portfolio kami.

Satu rangka kerja tadbir urus korporat yang pragmatik telah dibangunkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan diguna pakai oleh Ekuinas berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- i. Menggalakkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan bertindak responsif;
- ii. Mengukuhkan penciptaan nilai jangka panjang dan mengimbangi antara risiko dan pulangan; dan
- iii. Menggalakkan inovasi dan keusahawanan di dalam Syarikat melalui kecekapan pemerhatian dan rangka kerja pengurusan risiko.

Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Ekuinas

Penyata Tadbir Urus yang Baik

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah (✓)

Peranan dan Tanggungjawab Pengarah (✓)

Pengurusan Pihak Berkepentingan (✓)

Kebertanggungjawaban dan Audit (✓)

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

Sistem & Kawalan Dalam (✓)

Rangka Kerja Audit Dalam (✓)

Rangka Kerja Pengurusan Risiko (✓)

Rangka Kerja Audit Luaran (✓)

Kod Etika

Kod Etika Pengarah (✓)

Kod Etika Kakitangan (✓)

Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan (✓)

Dasar Penipuan dan *Whistle Blowing* (✓)

Pendedahan dan Urusniaga Sekuriti (✓)

Nota:

(✓) Lengkap disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Ekuinas mengiktiraf peranan penting semua ahli Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusannya dalam merumus dan menentukan hala tuju serta operasi Ekuinas. Ekuinas diterajui dan diurus oleh ahli Lembaga Pengarah yang berpengalaman luas dan berkemahiran tinggi dari pelbagai latar belakang meliputi sektor Kerajaan dan sektor swasta, dan mereka ini amat penting dalam menentukan hala tuju strategik keseluruhan Ekuinas.

Sepanjang tahun ini, Lembaga Pengarah terus memastikan standard tadbir urus yang tertinggi diamalkan demi melindungi dan meningkatkan nilai pihak-pihak berkepentingan.

Sebagai sebahagian daripada amalan terbaik dalam tadbir urus korporat, Lembaga Pengarah telah meluluskan piagam tadbir urus yang menggariskan prinsip-prinsip tadbir urus penting untuk diguna pakai oleh Lembaga Pengarah. Seperti yang termaktub di dalam piagam tersebut, ahli-ahli Lembaga Pengarah dikehendaki melaksanakan kewajipan mereka dengan penuh integriti, kejujuran dan secara profesional, selaras dengan undang-undang dalam memastikan kepentingan pihak berkepentingan sentiasa terpelihara. Piagam ini merangkumi, antara lain, perkara-perkara berikut:-

- Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah;
- Kod Perilaku;
- Komposisi Lembaga Pengarah;
- Mesyuarat dan Sokongan Lembaga Pengarah;
- Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- Pengasingan Kuasa;
- Perwakilan Kuasa;
- Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan; dan
- Proses Audit dan Kawalan Dalaman.

Penyata ini menghuraikan bagaimana Ekuinas mengguna pakai prinsip-prinsip dan syor-syor utama amalan yang baik sejajar dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2012) (Kod) dan keperluan lain seperti:

- (i) Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR);
- (ii) Panduan Tadbir Urus Korporat: Ke Arah Kecemerlangan Lembaga Pengarah (CG Guide) yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia Berhad; dan
- (iii) Rangka Tindakan Tadbir Urus Korporat oleh Suruhanjaya Sekuriti.

TANGGUNGJAWAB AHLI-AHLI LEMBAGA DAN HAD BIDANG KUASA

Ekuinas telah menubuhkan Had Bidang Kuasa yang memperuntukkan kuasa membuat keputusan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai perkara-perkara tertentu seperti:

- i. Pengambilalihan dan pelupusan pelaburan;
- ii. Pelan tahunan, bajet dan strategi syarikat;
- iii. Dasar-dasar utama, prosedur dan perwakilan kuasa syarikat; dan
- iv. Perubahan kepada Pengurusan Kanan dan Eksekutif.

Had Kuasa juga menetapkan kuasa yang diwakilkan dan had kelulusan bagi keputusan-keputusan penting, pengendalian dan perbelanjaan modal dan perolehan barangan dan perkhidmatan. Selain daripada urusan yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah secara khusus, Lembaga Pengarah meluluskan sebahagian besar transaksi yang melebihi had nilai ambang tertentu, manakala mewakili kuasa untuk transaksi di bawah had-had tersebut kepada pihak Pengurusan untuk mengoptimumkan kecekapan operasi.

Lembaga Pengarah juga telah menerima pakai Piagam Lembaga/Tadbir Urus rasmi, yang menetapkan nilai, prinsip dan etos utama Ekuinas. Dalam hal ini, Piagam Lembaga/Tadbir Urus berfungsi bukan sahaja sebagai peringatan tentang peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, bahkan ia juga merupakan pernyataan am mengenai hasrat dan jangkaan bagaimana Lembaga Pengarah akan menyempurnakan tugas-tugasnya. Ia juga berfungsi sebagai sumber rujukan, yang memberi panduan kepada ahli-ahli lembaga pengarah baru serta kumpulan Pengurusan Kanan.

JAWATANKUASA-JAWANTANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa jawatankuasa lembaga pengarah (Jawatankuasa Lembaga Pengarah) telah ditubuhkan, seperti berikut:-

- Jawatankuasa Audit;
- Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran;
- Jawatankuasa Pelaburan; dan
- Jawatankuasa Pelaburan CSR.

Fungsi dan Bidang Tugas bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan mematuhi saranan Kod di mana berkenaan. Kuasa dan bidang tugas akan disemak secara berkala untuk memastikan kandungannya kekal relevan dan dikemaskinikan.



Kepelbagaian pengalaman dan kemahiran yang sesuai dipertimbangkan seiring dengan keperluan untuk mengekalkan keseimbangan di kalangan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Saranan dan keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dicatat dan direkodkan di dalam minit mesyuarat. Ringkasan laporan dan pertimbangan setiap Jawatankuasa ini seterusnya dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah. Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan bidang tugas (TOR) utamanya adalah seperti berikut:-

a. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif iaitu:-

Pengerusi:

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Ahli:

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
Datuk Noriyah Ahmad

Butir-butir lanjut mengenai bidang tugas dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan ini dibentangkan di halaman 148 hingga 150 Laporan Tahunan ini.

b. Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC) dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, kesemuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tiada sebarang hubungan perniagaan atau perhubungan lain yang mampu menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Ahli-ahlinya terdiri daripada:-

Pengerusi:

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Ahli-ahli:

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Sebanyak satu (1) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan ini dan rekod kehadiran setiap ahli disediakan di dalam jadual di halaman 131.

Bidang Tugas

Tanggungjawab utama NRC selaras dengan bidang tugasnya adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi-fungsi berikut:-

a. *Fungsi Utama*

Berkenaan dengan pencalonan, tugas-tugas jawatankuasa ini termasuklah:

- mencalonkan dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon yang akan dilantik sebagai Pengarah Syarikat;
- semasa membuat saranan, mempertimbangkan calon pengarah yang dicadangkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) atau oleh mana-mana eksekutif kanan atau pengarah atau pemegang saham;
- mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon pengarah untuk menganggotai Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- membantu Lembaga Pengarah membuat semakan tahunannya berhubung dengan gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan dan ciri-ciri lain, termasuk keupayaan utama yang harus dimiliki oleh Pengarah Bukan Eksekutif sebagai anggota Lembaga Pengarah;
- menilai saiz dan komposisi Lembaga Pengarah bagi memudahcara pencalonan calon-calon Pengarah; dan
- membantu Lembaga Pengarah melaksanakan program penilaian tahunan untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan pengarah individu.

Berhubung dengan ganjaran, tanggungjawab NRC merangkumi perkara berikut:

- menentukan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja atau dasar umum bagi pakej ganjaran CEO Syarikat, dan mana-mana ahli Pengurusan lain yang perlu dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah;
- mewujudkan prosedur rasmi dan telus untuk merangka dasar tentang jumlah pakej ganjaran individu bagi CEO dan ahli Pengurusan lain termasuk bonus, insentif dan opsyen saham;
- merangka pakej ganjaran untuk CEO dan ahli Pengurusan lain dengan tujuan menarik dan mengekalkan Pengurusan berkaliber tinggi yang berupaya meraih kejayaan untuk pemegang saham dan mendukung standard perkhidmatan yang tinggi

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

untuk pihak berkepentingan, dengan mengambilkira persekitaran perniagaan di mana Syarikat beroperasi. Setelah pakej disediakan, cadangan akan dibuat bagi mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Pengarah;

- menyemak dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah tentang sebarang penambahbaikan kepada dasar dan pakej ganjaran kumpulan Pengurusan dan isu-isu lain yang berkaitan dengan ganjaran Pengurusan setiap tahun;
- menyemak sebarang perubahan ketara dalam struktur ganjaran kakitangan di seluruh Syarikat, dan jika dianggap wajar, membuat saranan kepada Lembaga Pengarah untuk menerima perubahan sedemikian; dan
- menyemak dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah tentang rangka kerja bagi skim insentif tahunan Syarikat. Rangka kerja skim insentif tahunan ini merangkumi:-
 - Kenaikan gaji berasaskan merit;
 - Bonus berasaskan merit; dan
 - Insentif pengekalan dan ganjaran.

b. Bidang kuasa

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya berkaitan dengan isu ganjaran:-

- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan daripada mana-mana kakitangan Syarikat untuk melaksanakan tugasnya; dan
- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang nasihat undang-undang atau profesional luar termasuk nasihat perunding bebas berhubung ganjaran, dan jika perlu, memastikan penasihat luar ini hadir semasa mesyuaratnya serta mendapatkan maklumat berwibawa yang terkini mengenai ganjaran yang ditawarkan di syarikat-syarikat lain, di mana segala perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat.

NRC mempunyai kuasa penuh untuk mengarahkan supaya sebarang laporan atau tinjauan dibuat untuk membantu memenuhi kewajipannya sekiranya perlu.

c. Komposisi Ahli

NRC dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif, yang kesemuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tidak mempunyai sebarang hubungan perniagaan atau hubungan lain yang boleh menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Salah seorang Pengarah Bebas ini akan dilantik sebagai Pengerusi NRC.

d. Setiausaha

Setiausaha Syarikat dan/atau Setiausaha-setiausaha Syarikat dilantik sebagai Setiausaha NRC.

e. Mesyuarat

- Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila perlu.
- Notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari untuk mengadakan mesyuarat NRC perlu diberikan kepada ahli-ahli NRC yang berada di Malaysia.
- Korum dicapai apabila mana-mana dua ahli hadir.
- Pengerusi mesyuarat mempunyai undi pemutus apabila bilangan undi adalah sama.
- Setiausaha bertanggungjawab untuk menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, mengundi dan merekodkan minit mesyuarat.
- Resolusi yang ditandatangani oleh semua ahli NRC disifatkan sebagai resolusi yang diluluskan semasa mesyuarat NRC bersidang, dan boleh merangkumi beberapa dokumen dalam bentuk yang serupa, yang mana setiap satunya ditandatangani oleh seorang atau lebih daripada seorang ahli NRC.

Ringkasan Aktiviti pada tahun 2013

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, NRC melaksanakan beberapa aktiviti utama seperti berikut:

- Menyemak dan meluluskan Laporan Pelan Pelapis;
- Penilaian para Pengarah Bebas;
- Mempertimbangkan dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ekuinas, Pembayaran Bonus dan Kenaikan Gaji Berasaskan Merit bagi tahun kewangan 2012; dan
- Mengkaji Cadangan Rangka Kerja KPI bagi tahun kewangan 2013.

c. Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Struktur yang diterima pakai merupakan struktur yang lazimnya diamalkan di sebahagian besar firma ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan pelaburan dibuat tepat pada masanya dengan pengawasan yang mencukupi, komitmen yang teguh dan kebertanggungjawaban pihak kakitangan profesional.

Tanggungjawab dan fungsi utama Jawatankuasa Pelaburan termasuklah:

- Meluluskan cadangan keputusan pelaburan dan pelupusan yang dibuat oleh Ekuinas;
- Meluluskan semua keputusan berkaitan pengurusan pelaburan yang dibuat oleh Ekuinas; dan
- Mengkaji kualiti dan kebolehpercayaan semua maklumat kewangan yang berkaitan dengan pelaburan.

d. Jawatankuasa Pelaburan CSR

Jawatankuasa Pelaburan CSR (CIC), yang dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan pada tahun 2013 untuk memastikan penilaian bebas dan tadbir urus yang baik dalam penyaluran dana untuk Program Pembinaan Keupayaan Usahawan Bumiputera, yang merupakan program CSR berorientasikan pelaburan di bawah rangka kerja keseluruhan CSR. Butir-butir rangka kerja dan aktiviti-aktiviti CSR dibentangkan di halaman 98 hingga 120 di dalam Laporan Tahunan ini.

Tanggungjawab dan fungsi utama CIC termasuk:

- melantik Pemilik Proses untuk program ini;
- meluluskan cadangan belanjawan bagi apa-apa projek di bawah program ini, pelaksanaan keseluruhan serta mengkaji keberkesanan program ini; dan
- mengkaji dan meluluskan perancangan tahunan program ini berdasarkan lingkungan bajet keseluruhan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

e. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh CEO dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk membantu Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. Walaupun risiko yang dilaporkan tidak mewakili semua risiko perniagaan yang dihadapi oleh Ekuinas, objektif laporan risiko adalah untuk mengenalpasti risiko perniagaan utama untuk menggariskan langkah-langkah bagi mengurangkan risiko yang melibatkan Ekuinas sebagai organisasi dan juga syarikat portfolio.

KOD PERILAKU

Ekuinas telah menerima pakai Kod Etika Pengarah ke atas semua Pengarah Ekuinas berasaskan prinsip-prinsip keikhlasan, integriti, tanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Penerimaan pakai Kod Etika Pengarah memformalkan nilai-nilai etika di seluruh Syarikat dan memastikan pematuhannya.

Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan memikul tanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:-

- bimbingan strategik kepada Ekuinas dengan menentukan objektif-objektif Ekuinas dan cara untuk mencapainya;
- meningkatkan nilai jangka panjang bagi pihak berkepentingan Ekuinas di samping memelihara dan melindungi nilai-nilai asas Ekuinas untuk kepentingan mereka;
- memantau pengurusan Ekuinas yang merangkumi sistem kawalan dan akauntabiliti;
- melantik dan melucutkan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif;
- mengesahkan pelantikan dan, di mana sesuai, meluluskan pelucutan jawatan Pengurusan Kanan (berdasarkan saranan Ketua Pegawai Eksekutif);
- menentukan pembangunan dan pelan penggantian atau pelapis bagi Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan;
- menyediakan input dan meluluskan strategi korporat dan belanjawan tahunan Syarikat;
- meluluskan dan memantau kemajuan perbelanjaan modal yang besar, pengurusan modal dan pengambilalihan pelaburan/pelupusan pelaburan;
- memantau pematuhan semua obligasi undang-undang, cukai dan kawal selia;
- mengkaji dan mengesahkan sistem pengurusan risiko dan pematuhan serta kawalan dalaman, kod perilaku, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang dan dasar-dasar korporat penting yang lain;
- memantau prestasi pihak Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, sambil memastikan ketersediaan sumber yang berkaitan;
- meluluskan dan memantau laporan kewangan dan lain-lain kepada pasaran, kakitangan dan pihak berkepentingan; dan
- meluluskan pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luaran.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Kod Etika Kakitangan dan Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan

Kod Etika Kakitangan dan Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan telah disediakan dan diterima pakai oleh kakitangan dan penyedia perkhidmatan Ekuinas untuk menggalakkan standard perilaku yang tinggi berhubung dengan amalan perniagaan beretika. Dasar-dasar ini memberi panduan mengenai standard tingkah laku yang diharapkan daripada semua kakitangan dan rakan perniagaan dan dengan jelas menyatakan kesan-kesan daripada pelanggaran yang mungkin melibatkan penamatan pekerjaan/perkhidmatan dan pelucutan jawatan.

Dasar Anti-Penipuan dan *Whistleblowing*

Bagi mengukuhkan budaya etika perniagaan dan tadbir urus yang baik di seluruh Syarikat, dasar *whistleblowing* telah diperkenalkan bagi membolehkan kakitangan mempunyai akses untuk membuat laporan terhadap sebarang salah laku yang disyaki. Ini termasuklah salah laku penipuan, penyalahgunaan aset, gangguan seksual, pecah amanah, rasuah, amalan perakaunan yang mencurigakan, penyalahgunaan maklumat sulit, kelakuan yang difikirkan bertentangan dengan Syarikat, menyalahi undang-undang dan dasar awam, menyalahi sebarang dasar Syarikat dan Kod Perilaku Syarikat atau sengaja menyembunyikan sebarang perkara di atas. Dasar ini menunjukkan komitmen Syarikat terhadap integriti dan perilaku beretika bagi membantu mengekalkan persekitaran kerja di mana kakitangan boleh bertindak selayaknya tanpa takut kepada hukuman.

AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN KHIDMAT NASIHAT BEBAS

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasannya, Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan laporan kewangan menyeluruh secara berkala. Lazimnya, pihak Pengurusan berusaha untuk mengemukakan agenda mesyuarat bersama satu set kertas Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat berkaitan perkara yang dibincangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah kepada ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Ini adalah untuk memberi masa yang secukupnya bagi para ahli Lembaga Pengarah untuk mengkaji, menimbang dan memahami dengan lebih dalam perkara-perkara yang akan dibincangkan sebelum mesyuarat diadakan. Justeru, perbincangan mesyuarat akan lebih tertumpu kepada soalan-soalan mengenai perkara-perkara berbangkit.

Kertas Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang distrukturkan dengan kemas, konsisten, ringkas dan tepat yang memberikan maklumat kuantitatif dan kualitatif, agar keputusan terbaik dapat dibuat. Kertas Lembaga Pengarah merangkumi antara lainnya:

- i. Minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah terdahulu;
- ii. Kesemua Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah terdahulu;
- iii. Laporan hal-hal yang berbangkit;
- iv. Laporan berkenaan perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah;
- v. Laporan suku tahunan kewangan dan laporan prestasi pelaburan Syarikat; dan
- vi. Perkara penting lain yang perlu dibincangkan dan diluluskan.

Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Urusan Pelaburan dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) hadir di pembentangan ini untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada ahli Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan tentang perkembangan mutakhir mengenai keperluan statutori dan kawal selia berkaitan tugas dan tanggungjawab mereka. Apabila perlu, para Pengarah turut disediakan dengan laporan *ad hoc*, kertas maklumat dan latihan yang berkaitan, demi memastikan mereka sedia maklum akan hal ehwal penting yang berkaitan dengan perniagaan, operasi, korporat, perundangan dan industri.

Lembaga Pengarah mempunyai akses bebas kepada CEO, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luaran pada bila-bila masa dirasakan perlu. Lembaga Pengarah boleh memohon nasihat profesional bebas mengikut budi bicara, sekiranya perlu, bagi memastikan maklumat dan nasihat yang lengkap sudah tersedia sebelum keputusan penting diambil.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga Pengarah menyediakan agenda mesyuarat serta mentadbir, menghadiri dan menyediakan minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah, dan memastikan aliran maklumat yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan jawatankuasanya. Pihak Pengurusan juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan dan proses tadbir urus yang mantap dalam Syarikat.

KOMPOSISI DAN KESEIMBANGAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah pada masa ini dianggotai oleh enam (6) ahli, yang terdiri daripada Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, seorang (1) Pengarah Eksekutif yang dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), tiga (3) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang (1) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Tidak seorang pun daripada para pengarah yang dilantik mempunyai tempoh perkhidmatan terkumpul melebihi sembilan (9) tahun.

Struktur semasa Lembaga Pengarah dan integriti setiap individu Pengarah memastikan bahawa tiada seorang individu atau kumpulan yang mendominasi proses membuat keputusan.

Dua pertiga daripada ahli Lembaga Pengarah adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, melebihi keperluan satu pertiga seperti yang dinyatakan dalam Kod dan Keperluan Penyenaraian Bursa. Ini mencerminkan komitmen Lembaga Pengarah untuk mengekalkan perwakilan Pengarah bebas yang kukuh dalam Lembaga Pengarah bagi memastikan objektiviti dalam semua isu yang dibincangkan.

Lembaga Pengarah diterajui oleh ahli-ahli yang aktif dan berpengalaman, dengan latar belakang profesional yang berbeza meliputi pengalaman industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, serta kawal selia dan perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam usaha memantapkan hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas dalam mengorak langkah menjadi firma ekuiti persendirian terkemuka. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa berdasarkan skala operasi Syarikat pada masa ini, bilangan Pengarah yang ada merupakan saiz yang optimum untuk memastikan Lembaga Pengarah dapat berfungsi dengan berkesan.

Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC), demi memastikan saiz tersebut adalah kondusif untuk tujuan perbincangan dan proses membuat keputusan yang berkesan serta memastikan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai bilangan pengarah bebas yang sewajarnya. Jawatankuasa tersebut juga berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang berkesan di kalangan para Pengarah, termasuk mengelakkan potensi konflik kepentingan.

NRC menentukan dan menyemak profil yang dikehendaki oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah, dengan pengesahan daripada Yayasan Ekuiti Nasional.

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara atau Pengarah baru perlu dilantik, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran akan mengkaji semula kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri ahli dan komposisi Lembaga Pengarah. Jawatankuasa tersebut akan mengenalpasti keperluan Ekuinas dan menyediakan senarai pendek calon yang mempunyai profil bersesuaian untuk dicalonkan atau dicalonkan semula. Sekiranya perlu, Jawatankuasa juga boleh meminta nasihat daripada perunding luar bidang sumber manusia.

Keahlian NRC terdiri daripada pengarah Bukan Eksekutif dan Bebas. Maklumat terperinci mengenai skop dan fungsi NRC boleh didapati di halaman 125 hingga 127 di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.

GANJARAN PARA PENGARAH

Objektif dasar ganjaran Pengarah Syarikat adalah untuk menarik dan mengekalkan Pengarah berkaliber tinggi yang diperlukan untuk menerajui Syarikat ke arah mencapai kejayaan. Bagi Pengarah Eksekutif, unsur-unsur komponen ganjaran dirangka agar ganjaran berkait rapat dengan prestasi korporat dan juga individu. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif pula, tahap imbuhan adalah berdasarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tersebut.

NRC menyarankan rangka kerja bagi pakej ganjaran untuk Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab muktamad meluluskan ganjaran Pengarah Eksekutif.

Butiran ganjaran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, secara agregat, dikategorikan ke dalam komponen yang berkenaan, adalah seperti berikut:-

Ganjaran (RM)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
Fi	-	RM315,000
Elaun dan imbuhan lain	-	RM88,500
Gaji dan ganjaran lain		
• Gaji dan imbuhan lain	RM987,840	
• Bonus tidak tetap	RM419,760	
• Sumbangan KWSP	RM238,061	

Ganjaran yang dibayar kepada para Pengarah sepanjang tahun ini, yang dikategorikan dalam julat RM50,000, mematuhi keperluan pendedahan di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa adalah seperti berikut:-

Julat Ganjaran (RM)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
RM50,000 – RM100,000		5
RM1,500,000 – RM1,650,000	1	

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

MENGEKALKAN LEMBAGA PENGARAH YANG BEBAS, MANTAP DAN BERKESAN

Penilaian prestasi Lembaga Pengarah menyediakan saluran yang berkesan untuk menilai bukan sahaja para pengarah bebas tetapi juga prestasi keseluruhan Lembaga Pengarah. Ia juga menyerlahkan perkara-perkara yang memerlukan penambahbaikan dan tindakan pemulihan ke atas cara pentadbiran dan proses Lembaga Pengarah. Penilaian rasmi ke atas prestasi Lembaga Pengarah telah dijalankan pada tahun 2012.

Syarikat telah mengguna pakai metodologi “Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah” (BEE) yang menumpukan kepada, antara lainnya:

- i. Penilaian prestasi Lembaga Pengarah – tanggungjawab, komposisi, pentadbiran dan proses, perilaku, interaksi dan komunikasi, keberkesanan Pengerusi dan CEO;
- ii. Penilaian prestasi setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah – struktur dan proses, akauntibiliti dan tanggungjawab, keberkesanan Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan
- iii. Menanda aras keputusan penilaian Lembaga Pengarah dengan contoh sepadan bagi mendapatkan pandangan tambahan mengenai kecekapan dan isu-isu berkaitan Lembaga Pengarah.

BEE melibatkan penyempurnaan soal selidik oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah mengenai keberkesanan Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran, dan Jawatankuasa Pelaburan secara keseluruhannya.

Bagi memastikan integriti dan kebebasan dalam proses penilaian, Syarikat PWC Advisory Services dilantik sebagai Penasihat Bebas untuk memudahkan proses, menjadual dan melaporkan keputusan penilaian kepada Pengerusi. Ringkasan laporan kemudian dibentangkan kepada Lembaga Pengarah.

Di samping itu, Lembaga Pengarah, melalui NRC, telah mengadakan penilaian bebas ke atas semua Pengarah Bebas dalam tahun kewangan tersebut. Kriteria penilaian bebas tersebut adalah berpandukan takrif “pengarah bebas” seperti yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia MMLR. Selain itu, para Pengarah juga mengemukakan pengisytiharan tahunan bagi mematuhi Kod Etika Pengarah.

Ketidaksandaran dan Imbangan Kuasa

Untuk memastikan keseimbangan kuasa, jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif tidak dipegang oleh individu yang sama. Pengasingan yang jelas bagi kedua-dua peranan ini menggalakkan perdebatan dan perbincangan yang konstruktif di peringkat Lembaga Pengarah. Penggabungan kedua-dua jawatan ini boleh menyebabkan timbulnya sikap berat sebelah dan menjejaskan keupayaan dan kesanggupan para Pengarah Bebas untuk membuat

pertimbangan mereka secara bebas. Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif tiada kaitan antara satu sama lain.

Pengerusi, yang bersifat bukan eksekutif, menerajui dan memudahkan usaha Lembaga Pengarah semasa bermesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan, kecekapan serta fungsi Lembaga Pengarah, di samping memastikan prinsip dan proses Lembaga Pengarah sentiasa terpelihara. CEO bertanggungjawab menyediakan dan melaksanakan strategi, dasar serta pengendalian operasi Ekuinas bagi pihak Lembaga Pengarah.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang merupakan individu-individu berkecayaan tinggi dan terbilang, saling berkongsi pengetahuan yang mendalam tentang bidang masing-masing. Mereka tidak turut serta di dalam operasi harian dan tidak terlibat di dalam sebarang urusan perniagaan atau perhubungan lain dengan Ekuinas. Ini adalah untuk memastikan mereka mampu melakukan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan Ekuinas.

Mereka bukan sahaja membawa kualiti kesaksamaan kepada keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah tetapi juga memberi input yang membina dan berharga dalam mencapai keputusan itu.

Profil ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti yang dibentangkan di halaman 46 hingga 51 Laporan Tahunan ini.

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan tentang prestasi, rancangan dan usul Syarikat yang dibuat oleh pihak Pengurusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada penghujung tahun kewangan untuk mempertimbang dan meluluskan belanjawan Syarikat bagi tahun berikutnya. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah akan diadakan apabila perlu bagi mempertimbangkan hal-hal yang memerlukan keputusan segera pihak Lembaga Pengarah.

Di samping itu, mesyuarat lembaga pengarah juga turut diadakan secara khusus untuk mempertimbangkan dan meluluskan cadangan pelaburan dan isu-isu lain yang berbangkit. Lazimnya, Lembaga Pengarah juga bermesyuarat, sekurang-kurangnya sekali setahun, dengan pihak pengurusan kanan syarikat-syarikat portfolio untuk membincangkan hal-hal strategik, prestasi atau sebarang isu yang berkaitan dengan bidang perniagaan tertentu.

Jadual bagi mesyuarat Lembaga Pengarah diserahkan kepada semua ahli sebelum permulaan setiap tahun kewangan untuk merancang dan mendapatkan komitmen masa dari semua Pengarah.

Kehadiran di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Rekod kehadiran para Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut.

Nama Pengarah	Lembaga Pengarah	AC	NRC	IC
	Bilangan Mesyuarat Dihadiri			
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	6 dari 6	5 dari 5	1 dari 1	–
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	6 dari 6	5 dari 5	1 dari 1	–
Tan Sri Mohamed Azman Yahya	6 dari 6	–	0 dari 1	5 dari 5
Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff	3 dari 6	–	–	–
Datuk Noriyah Ahmad	6 dari 6	5 dari 5	–	–
Dato' Abdul Rahman Ahmad	6 dari 6	–	–	5 dari 5

Nota

1. AC – Jawatankuasa Audit
2. NRC – Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran
3. IC – Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun mengikut bidang tugasnya.

LATIHAN PENGARAH

Belanjawan khusus bagi latihan Pengarah disediakan setiap tahun untuk menggalakkan para Pengarah menghadiri latihan yang berkaitan dan bermanfaat bagi membantu mereka menjalankan tanggungjawab dengan berkesan. Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai perniagaan Syarikat termasuk menerusi taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu strategik berkaitan dengan bidang atau industri tertentu. Para pengarah juga menghadiri latihan untuk memastikan mereka mengetahui perkembangan semasa serta keperluan statutori dan kawal selia yang terkini.

Program latihan dan pembangunan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah, termasuk penglibatan mereka sebagai pembentang/penceramah dalam konvensyen di dalam dan luar negara mengenai topik yang relevan kepada peranan mereka semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 dibentangkan pada halaman 132 hingga 134 Laporan Tahunan ini.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Program latihan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Tajuk Seminar/Woksyop/Kursus	Pembentang/Penganjur	Tarikh
Leadership practices for building an agile and sustainable talent pool	Ramon Chelva – PwC Dianjurkan oleh Maxis Berhad	25 Februari 2013
Leadership Reflection	Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz – Bank Negara Malaysia	30 April 2013
Leadership, Health & Wellness	Dato' Venugopal Balchand – Pantai Health Center Dianjurkan oleh ICLIF Leadership & Governance Center	
Educators as the Catalyst Transformation Learning	Pelbagai – Dianjurkan oleh Yayasan Amir	24 – 26 Ogos 2013
Entertainment & Media Outlook 2013/2014	Michael Graham – PwC Dianjurkan oleh Maxis Berhad	24 September 2013
The Future is Here – Engaging the New Malaysian	Sajith Sivanandan – Google Malaysia Dianjurkan oleh Maxis Berhad	24 September 2013
Trust Schools & Visible Learning	Professor John Hattie – University of Melbourne Dianjurkan oleh Yayasan Amir	28 September 2013
Khazanah Megatrends Forum	Pelbagai Dianjurkan oleh Khazanah Nasional Berhad	30 September – 1 Oktober 2013
SME Business Conference	Pelbagai Dianjurkan oleh Maxis Berhad dan SME Publication Malaysia	2 Oktober 2013

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Tajuk Seminar/Woksyop/Kursus	Pembentang/Penganjur	Tarikh
Seminar on Directors Duties, Regulatory Updates, Governance for Director of PLC's	Affin Bank	29 Januari 2013
ASIC Annual Forum 2013	Suruhanjaya Sekuriti	24 Mac 2013
Training and Development by MPB – Leadership Series by Dr Pawan Agrawal, CEO Mumbai Dabbawalas	Media Prima Berhad	1 April 2013
Affin Investment Conference Series: Malaysia at Crossroads – Where to from here?	Affin Bank	18 April 2013
Seminar Pencegahan Wang Haram & Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) 2013	Program Financial Institution Director's Education (FIDE)	25 April 2013
Special Dialogue & Presentation Session on ASEAN Corporate Governance Scorecard 2013	MSWG	13 Jun 2013
MPB BOD Training – The Creative Economy – How People Make Money from Ideas by John Howkin	Media Prima Berhad	20 Jun 2013
Affin Investment Conference Series 2013: “The Way Forward – Towards Sustainable Economic Growth & Competitiveness	Affin Bank	2 Julai 2013
11th NEAT Annual Conference	ISIS Malaysia	26 – 27 Ogos 2013
WCMC Conference	Suruhanjaya Sekuriti	22 Oktober 2013

Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Tajuk Seminar/Woksyop/Kursus	Pembentang/Penganjur	Tarikh
Penceramah Jemputan di Westports Sdn Bhd Management Development Lecture Series	Westports Sdn Bhd	28 Mei 2013
Khazanah Mid Year Retreat 2013 & Khazanah's Strategic Planning Group: Talk by Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed Yakcop entitled 19 Going On 20, What Kind of Khazanah is Required to Reach 2020?	Khazanah Nasional Berhad	7 Jun 2013
South East Asian Motorsports Business Forum 2013, SIC	Sepang International Circuit Sdn Bhd	10 Oktober 2013
Luncheon Talk by Tan Sri Andrew Sheng on Global Economic Outlook, Khazanah	Khazanah Nasional Berhad	10 Disember 2013
Talk on the implementation and impact of the Personal Data Protection Act 2010 (PDPA), Symphony Life Berhad	Symphony Life Berhad	17 Disember 2013

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff

Tajuk Seminar/Woksyop/Kursus	Pembentang/Penganjur	Tarikh
Consultation Meeting of the Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA) and 101st Board Meeting of the Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA), Thailand	Malaysia-Thailand Joint Authority	1 – 2 Mac 2013
Sidang Kemuncak BIMP-EAGA ke-9 dan Sidang Kemuncak IMT-GT ke-7, Brunei	BIMP-EAGA, IMT-GT Brunei	23 – 26 April 2013
Merasmikan Multidimensional Poverty Peer Network, University of Oxford	Universiti of Oxford	6 – 7 Jun 2013
Intergovernmental Group of Experts on Competition Law and Policy, Geneva, Switzerland	Suruhanjaya Persaingan Malaysia	8 – 12 Julai 2013
Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA), Thailand	Malaysia-Thailand Joint Authority	21 September 2013
2013 Poverty Reduction and Development Forum and Regional Urban Policy Exchange, Beijing, China	United Nations Development Programme	17 – 19 Oktober 2013
Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM), Colombo, Sri Lanka	Kementerian Luar Negeri, Malaysia	14 – 17 November 2013

Datuk Noriyah Ahmad

Tajuk Seminar/Woksyop/Kursus	Pembentang/Penganjur	Tarikh
Financial Language in the Boardroom	Malaysian Directors Academy (MINDA)	21 – 22 Mei 2013

Dato' Abdul Rahman Ahmad

Tajuk Seminar/Woksyop/Kursus	Pembentang/Penganjur	Tarikh
Mastering Financial Negotiations	Euromoney Training	14 – 15 Mac 2013
Effective Corporate Mergers & Acquisitions – From Complexity To Execution Excellence	Malaysian Alliance Of Corporate Directors	8 Oktober 2013



INTEGRITI DALAM LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah berhasrat untuk menyediakan dan membentangkan penilaian prestasi kewangan syarikat yang seimbang dan bermakna dalam semua pendedahan yang dibuat kepada pihak yang berkepentingan. Lembaga Pengarah, dibantu oleh Jawatankuasa Audit, menyelia proses dan kualiti laporan kewangan, di samping mengkaji semula dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah juga mengkaji kesesuaian dan perubahan kepada dasar-dasar perakaunan Syarikat, serta memastikan penyata kewangan ini mematuhi keperluan dan peraturan perakaunan serta amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik.

Jawatankuasa Audit juga bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran Pengurusan, dan ini adalah satu forum di mana juruaudit luar boleh menyatakan, antara lain, mana-mana kebimbangan mereka mengenai aspek pematuhan penyata kewangan.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa dalam menyediakan penyata kewangan, Syarikat telah menggunakan dasar perakaunan yang sesuai, secara konsisten dan disokong pula oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat. Semua piawai perakaunan yang berkaitan telah diterima pakai, tertakluk kepada apa-apa penjelasan untuk perbezaan ketara yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

KEBEBASAN JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit, telah mewujudkan hubungan rasmi dan telus dengan juruaudit dalaman dan luar Syarikat. Jawatankuasa Audit bersidang secara berkala dengan juruaudit luar dan dalaman untuk

membincangkan dan mengkaji pelan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang penemuan audit, serta membuat cadangan untuk kelulusan pihak Lembaga Pengarah. Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, selaras dengan keperluan amalan terbaik.

Lembaga Pengarah menyedari potensi konflik kepentingan yang mungkin timbul jika juruaudit luar Syarikat terlibat dalam menyediakan perkhidmatan lain bukan audit kepada Syarikat. Untuk mengurangkan risiko ini, juruaudit luar telah menyediakan pengesahan bertulis bahawa mereka telah mengkaji perkhidmatan bukan audit yang disediakan kepada Syarikat pada tahun ini, dan sepanjang pengetahuan juruaudit luar, perkhidmatan bukan audit tidak menjejaskan kebebasan juruaudit luar. Laporan Tahunan Syarikat juga menzahirkan fi yang diterima oleh juruaudit luar untuk kerja-kerja bukan audit.

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang memberikan jaminan munasabah mengenai operasi yang cekap dan berkesan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, serta prosedur dan garis panduan dalaman.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang memberikan gambaran tentang keseluruhan keadaan kawalan dalaman di dalam Syarikat, dibentangkan di halaman 138 hingga 146 dalam Laporan Tahunan ini.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Fungsi Audit Dalaman

Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada Pengurusan untuk mencapai objektif perniagaan dalam had etika perniagaan dan standard tadbir urus yang baik. Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), yang juga beroperasi sebagai fungsi audit dalaman, melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit, yang mana ini menunjukkan komitmen Syarikat dalam memastikan kewibawaan rangka kerja tadbir urus.

Struktur pelaporan CGRM adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:



DASAR DAN GARIS PANDUAN PENDEDAHAN KORPORAT

Ekuinas telah menggariskan dan menerima pakai garis panduan pendedahan, yang dirumuskan berdasarkan beberapa garis panduan industri termasuklah yang dinyatakan di dalam *Walker Guidelines Monitoring Group 2007*, sebuah kumpulan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan Garis Panduan Laporan *European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006*. Butiran dasar pendedahan dan rangka kerja dibentangkan di halaman 152 hingga 153 di dalam Laporan Tahunan ini.

Sebagai sebahagian daripada dasar pendedahan ini, Syarikat telah mendedahkan urusniaga berkaitan di dalam penyata kewangan. Butiran transaksi urusniaga berkaitan yang

dilaksanakan oleh Syarikat di sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 digariskan di dalam Laporan Tahunan Ekuinas 2013 - *Portfolio Reporting and Financial Statements* adalah seperti berikut:

- Ekuiti Nasional Berhad – halaman 37-39;
- E-Cap (Internal) One Sdn Bhd – halaman 73-75;
- E-Cap (Internal) Two Sdn Bhd – halaman 107-109;
- E-Cap (External) One Sdn Bhd – halaman 135; dan
- E-Cap (External) Two Sdn Bhd – halaman 160-161.

Laporan Jawatankuasa Audit dibentangkan di halaman 147 Laporan Tahunan ini.

HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Ekuinas berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memainkan peranan dan memenuhi matlamatnya sebagai syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan. Dalam perkara ini, Syarikat sedar akan kepentingan memelihara ketelusan dan akauntabiliti bagi memastikan hubungan dengan pihak berkepentingan Syarikat sentiasa baik dan produktif. Komitmen penuh untuk mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti ini merupakan sebahagian daripada amalan terbaik tadbir urus korporat Ekuinas, selain daripada memastikan keperluan kawal selia dipenuhi dengan sewajarnya.

Oleh yang demikian, Ekuinas bertekad mengekalkan standard tertinggi dalam menyediakan maklumat penting yang relevan mengenai perkembangan Syarikat serta mengurus kepentingan pihak berkepentingannya. Oleh yang demikian, Syarikat amat menitikberatkan kepentingan penyebaran maklumat yang tepat pada masanya dan telus kepada masyarakat awam dan pihak berkepentingan.

Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan

Syarikat mengamalkan dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang komprehensif dan dasar ini sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar tersebut menyediakan panduan bagaimana Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk masyarakat awam, badan kerajaan dan pihak berkuasa, demi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya.

Ekuinas amat menitikberatkan komunikasi dan interaksi dengan pihak-pihak berkepentingan dan ini dilakukan melalui komunikasi secara proaktif dengan mereka tentang isu-isu penting dalam usaha memahami keperluan dan harapan mereka dengan lebih mendalam. Dengan ini, Syarikat berharap dapat memberikan maklum balas yang sesuai dan sewajarnya.

Siaran Akhbar

Syarikat membuat pengumuman melalui siaran akhbar dan mengadakan sidang media untuk memaklumkan maklumat terkini mengenai kemajuan syarikat, perkembangan penting korporat dan pelbagai inisiatif perniagaan.

Laporan Tahunan

Selain membuat pengumuman media, Syarikat juga menyediakan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan tentang aktiviti perniagaan, kewangan dan aktiviti utama lain di dalam Laporan Tahunan Syarikat. Lembaga Pengarah berhasrat untuk mengemukakan pendedahan yang jelas dan menyeluruh di dalam Laporan Tahunan, selaras dengan prinsip yang termaktub dalam Keperluan Penyenaian Bursa (di mana perlu) dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Laman Sesawang Syarikat

Selain daripada siaran akhbar dan pengumuman, Syarikat menggunakan laman web sebagai saluran komunikasi utama untuk menyebarkan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan dan orang awam. Ini termasuk mewujudkan seksyen khusus untuk tadbir urus korporat dan menyediakan maklumat seperti dasar pendedahan, laporan tahunan, siaran akhbar, pengumuman dan maklumat korporat.

Syarikat komited untuk memastikan khalayak awam dapat mengakses maklumat tersebut dengan mudah melalui laman sesawangnya di www.ekuinas.com.my.

Sebarang pertanyaan mengenai Ekuinas boleh diajukan kepada:

Jabatan Komunikasi

Telefon : 03-77107171
Faks : 03-77107173
E-mel : info@ekuinas.com.my

Penyata Tadbir Urus Korporat ini dibuat menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 13 Mac 2014.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman menurut perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR). Ini adalah untuk menggalakkan tadbir urus korporat dan amalan terbaik, meskipun MMLR tidak terpakai kepada Syarikat.

Bagi menyediakan penyata ini, Lembaga Pengarah telah berpandukan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Syarikat Tersenarai oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia yang diterima pakai dan diluluskan oleh Bursa Malaysia.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi memastikan kecukupan dan integriti memuaskan melalui proses kajian, pemantauan dan kepastian. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa sistem ini hanya boleh memberikan kepastian yang munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap kerugian ketara, penipuan, kenyataan yang tidak tepat dan pelanggaran undang-undang atau peraturan.

Jawatankuasa Audit (AC) ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah di mana tanggungjawab utamanya adalah untuk pengurusan risiko dan pengawasan kawalan dalaman; tugas ini dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC).

Lembaga Pengarah juga telah memastikan proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ini terkandung dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat yang merangkumi Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko, Piagam Audit Dalaman dan Rangka Kerja Sistem dan Kawalan Dalaman.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan memainkan peranan penting dalam membantu Lembaga Pengarah melaksanakan dasar-dasar dan prosedur ke atas risiko dan kawalan dengan mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi, serta mereka bentuk, pengoperasian dan pemantauan sistem kawalan dalaman yang bersesuaian untuk mengurangkan dan mengawal risiko-risiko ini.

Kecukupan Sistem Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Ekuinas telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman syarikat beroperasi dengan berkesan dalam tahun kajian dan sehingga semasa penyata ini diluluskan.


SISTEM PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah Ekuinas telah meluluskan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat yang menerangkan dengan jelas akauntibiliti dan kebertanggungjawaban untuk proses pengurusan risiko, termasuk mengenalpasti risiko dan cara mengurus risiko yang mampu menjejaskan matlamat strategik atau pelaksanaan Syarikat.

Pengurusan risiko adalah sebahagian daripada aktiviti perniagaan, fungsi dan proses penting Syarikat. Aspek pengurangan dan kawalan risiko dirangka dan dilaksanakan dengan cara yang dapat menjamin Syarikat mencapai matlamat strategiknya.

Pengurusan risiko merupakan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan ia mencakupi struktur tadbir urus atau pengawasan Syarikat dan mengekalkan rangka kerja kawalan dalaman yang bersesuaian. Pihak Pengurusan pula bertanggungjawab mengurus risiko bagi pihak Lembaga Pengarah dan melaksanakan kajian semula risiko dengan lebih rapi bagi sebarang cadangan atau urusan strategik khusus serta memastikan isu-isu risiko dikenalpasti, dianalisis, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

Struktur dan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman diringkaskan seperti berikut:



Jawatankuasa Audit (AC)

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit, menyelia semua aktiviti pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat. Antara tanggungjawab utama AC adalah untuk memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dilaksanakan dengan baik, menilai pendedahan risiko dan mengkaji isu-isu kawalan dalaman yang dinyatakan oleh Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), Pengurusan, dan juruaudit luar; dan mengkaji semula fungsi dan pelan kerja CGRM. Jabatan CGRM yang menyelia fungsi audit dalaman Syarikat melapor terus kepada Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit dianggotai keseluruhannya oleh ahli Lembaga Pengarah Bebas dan Bukan Eksekutif yang diberikan akses penuh kepada juruaudit dalaman dan luar. Jawatankuasa bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh CEO dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk membantu Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan

risiko Ekuinas. Walaupun risiko yang dilaporkan tidak mewakili semua risiko perniagaan yang dihadapi oleh Ekuinas, objektif laporan risiko adalah untuk mengenalpasti risiko perniagaan yang penting untuk menggariskan langkah utama bagi mengurangkan risiko yang melibatkan Ekuinas sebagai organisasi dan juga syarikat portfolionya.

Semua risiko penting yang dikenalpasti kemudiannya dinilai dan ditarafkan untuk menentukan kesan dan kemungkinan ia berlaku berdasarkan Rangka Kerja Penarafan Risiko Syarikat berlandaskan Dasar Pengurusan Risiko Ekuinas yang telah diluluskan.

Dalam usaha mengurangkan risiko, inisiatif utama dikenalpasti melalui perbincangan dengan pihak Pengurusan. Ringkasan risiko berdasarkan keutamaan didokumenkan dalam laporan dan dibentangkan kepada RMC dan Jawatankuasa Audit setiap suku tahun. Proses ini dikendalikan setiap suku tahun, di mana risiko perniagaan baru dikenalpasti dan risiko sedia ada dikaji semula serta keberkesanan inisiatif pengurangan risiko yang telah dikenalpasti turut dipantau.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab RMC:-

- menyemak dan mengesyorkan dasar pengurusan risiko dan membuat laporan untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah;
- memantau pendedahan risiko Syarikat dan syarikat portfolio serta menyarankan tindakan yang diperlukan;
- menyemak prestasi keseluruhan, inisiatif yang dilaksanakan dan risiko perniagaan utama syarikat portfolio setiap suku tahun;
- menyemak sebarang risiko dan pendedahan ketara yang wujud dan menilai inisiatif yang dikendalikan oleh pihak Pengurusan dan syarikat portfolio untuk mengurangkan risiko.

Selaras dengan tanggungjawab di atas, empat (4) mesyuarat RMC telah diadakan sepanjang tahun kewangan 2013. Laporan suku tahunan Pengurusan Risiko telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM)

Peranan CGRM adalah untuk membantu Jawatankuasa Audit dan Pengurusan syarikat untuk menjalankan tugas dengan berkesan dengan melaksanakan kawalan efektif, menilai risiko, mencadangkan cara untuk mengurangkan risiko tersebut dan memastikan proses tadbir urus korporat yang betul. Sebagai peranan penting dalam proses ini, CGRM akan memberikan analisis, penilaian, nasihat dan maklumat yang bebas kepada Jawatankuasa Audit berkenaan aktiviti yang dikaji.

Aktiviti utama yang dijalankan oleh CGRM yang menambah nilai kepada Syarikat dan syarikat portfolio adalah seperti berikut:-

- **Mengkaji Matlamat dan Aktiviti**
Mengkaji aktiviti operasi dan memastikan matlamat utama adalah sejajar dengan matlamat keseluruhan perniagaan.

- **Menilai Risiko**
Menenalpasti semua aktiviti yang boleh diaudit dan faktor risiko yang relevan dan menilai kepentingannya.
- **Mengesahkan Maklumat Kewangan dan Bukan Kewangan**
Mengkaji dan mengumpul maklumat yang memuaskan, berdasarkan fakta dan lengkap.
- **Menganalisis Operasi**
Menganalisa dan memeriksa operasi untuk menilai keberkesannya dan jika perlu, membuat cadangan untuk penambahbaikan.
- **Memberikan Jaminan Tentang Pematuhan**
Memberikan jaminan mengenai pematuhan kepada keperluan berkanun, undang-undang, dasar dan garis panduan syarikat.
- **Mencadangkan Kawalan Dalaman**
Mencadangkan kawalan yang bersesuaian untuk mengatasi kekurangan dan menambahbaik operasi.
- **Menjamin Perlindungan**
Menilai dasar-dasar sedia ada bagi melindungi aset syarikat.
- **Menasihati dan Memudahcara**
Membantu menubuhkan rangka kerja pengurusan risiko yang sesuai, menilai risiko dan memantau keberkesanan program pengurusan risiko dan memastikan kecukupan sistem kawalan dalaman.
- **Tugasan Khas dan Ad-hoc**
Menjalankan penyiasatan dan semakan *ad-hoc* yang diminta oleh Pengurusan dan/atau Jawatankuasa Audit.

Pelan tahunan dan KPI CGRM dikaji dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah dan keputusan audit dilaporkan secara berkala kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan.

AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Strategi Pengurangan Risiko

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat adalah panduan pragmatik mengenai pengenalpastian dan pengurusan risiko yang penting untuk mencapai objektif strategik. Keberkesanan rangka kerja pengurangan risiko sentiasa dikaji semula dan ditambah baik secara sistematik.

Syarikat telah mengenalpasti jenis-jenis risiko seperti berikut – strategik, kewangan, operasi dan pelaburan. Risiko tidak terhad hanya kepada empat jenis ini sahaja tetapi risiko pelaburan dianggap sebagai risiko perniagaan paling kritikal dalam Syarikat.



Risiko strategik yang merangkumi persekitaran luaran, pasaran dan industri, kawal selia dan pengurusan pihak berkepentingan diurus melalui usaha pemantauan faktor-faktor utama ekonomi, prospek industri, perkembangan kawal selia serta perjumpaan dan pengemaskinian secara berkala dengan pihak Kerajaan. Penerimaan dan pelaksanaan dasar-dasar Pendedahan, Pengurusan Pihak Berkepentingan dan Komunikasi adalah sebahagian daripada pelan pengurangan risiko untuk risiko strategik.

Bagi mengurus risiko kewangan, dasar perbendaharaan dan had kuasa kewangan Syarikat didokumenkan, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Sebarang risiko kewangan yang ketara, seperti kecairan, penggearing, hutang bersih dan pendedahan kredit dikenalpasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan kepada pihak Lembaga Pengarah secara berkala. Dasar yang diluluskan menetapkan had-had bagi pengurusan kecairan, risiko pihak bertentangan dan pembiayaan Syarikat.

Risiko operasi, yang wujud dalam semua aktiviti perniagaan, merupakan risiko kerugian kewangan yang mungkin timbul akibat kegagalan sokongan kepada kawalan, proses atau sistem dalaman. Risiko operasi sememangnya tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk mengurangkan risiko sedemikian mungkin melampaui manfaat yang bakal diraih. Oleh yang demikian, Syarikat bertindak mengurus risiko operasi dengan mengguna pakai dasar dan prosedur operasi standard, had kuasa yang didokumenkan dan rangka kerja laporan berkala yang merangkumi laporan operasi dan kewangan.

Bagi mengurangkan risiko pelaburan pula, Syarikat memastikan bahawa keputusan pelaburan dibuat berpandukan garis panduan pelaburan yang terkandung di dalam Rangka Kerja Pelaburan Syarikat. Rangka kerja ini telah didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah demi memastikan urusniaga yang dilaksanakan memenuhi kriteria pelaburan penting di mana sektor-sektor utama dikenalpasti berdasarkan pendekatan penapisan yang telus. Rangka kerja ini diterima pakai di dalam semua proses pelaburan dan urusniaga pelaburan yang bakal dilaksanakan.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Rangka kerja pelaburan Ekuinas meliputi pengurusan risiko dengan semakan risiko yang rapi terhadap semua cadangan atau urusniaga strategik dan tertentu untuk memastikan risiko dikenal pasti, dianalisa, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

Semua pelaburan diteliti dengan rapi bagi memastikan pelaburan tersebut sejajar dengan tumpuan strategik Syarikat yang berupaya mencapai kadar pulangan yang sewajarnya dan mengambilkira semua faktor risiko lain yang berkaitan, seperti risiko industri dan risiko pelaksanaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga telah menetapkan bahawa semua cadangan pelaburan yang diserahkan oleh pihak Pengurusan perlu disertakan dengan penilaian risiko yang menyeluruh dan cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai.

Laporan Pengurusan Risiko

Rangka Kerja Pengurusan Risiko menggariskan pendekatan Ekuinas terhadap pengurusan risiko, mengaitkannya dengan matlamat strategik dan organisasi dan menyepadukannya dengan proses perniagaan syarikat. Laporan Pengurusan Risiko meliputi penilaian risiko dan keberkesanan kawalan sedia ada, dan keperluan untuk kawalan tambahan bagi mengurangkan risiko untuk Syarikat dan Syarikat Portfolio. Elemen utama proses ini adalah:

PENDEKATAN PENILAIAN RISIKO		
KONTEKS	KEKERAPAN	PROSES
Ekuinas	Dikemaskini Setiap Suku tahun	Laporan Risiko setiap suku tahun
Syarikat Portfolio	Dikemaskini Setiap Suku tahun	Laporan Risiko setiap suku tahun
Cadangan Pelaburan	Apabila perlu	Prosedur Cadangan pelaburan

Memastikan kajian risiko-risiko utama dan langkah-langkah pengurangan bagi Syarikat dan syarikat-syarikat portfolio dibentangkan di mesyuarat RMC dan pembentangan seterusnya kepada AC dan Lembaga Pengarah.

Memastikan risiko-risiko utama dikenalpasti dan aktiviti pengurusan risiko dijalankan sebagai sebahagian daripada keperluan asas bagi semua cadangan pelaburan

Proses Kawalan Dalam Utama

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang teguh agar operasi Syarikat dapat dikendalikan dengan sebaiknya. Antara proses penting yang telah disediakan untuk menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, adalah seperti berikut:-

- Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Selain daripada Lembaga Pengarah, syarikat juga menggalakkan tadbir urus korporat dan ketelusan dengan mempunyai Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan Jawatankuasa Pelaburan. Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu Lembaga Pengarah memantau pengurusan Syarikat secara bebas dengan tanggungjawab dan kuasa yang diperuntukkan dengan jelas dalam bidang tugas masing-masing.

- Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)**

Prosedur bertulis mengenai proses-proses penting Syarikat didokumen, dilaksana dan dijelaskan oleh pihak Pengurusan kepada kakitangan Syarikat, selaras dengan Rangka Kerja Dasar dan SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar-dasar ini disokong oleh prosedur yang didokumenkan untuk mengurus risiko operasi. Dasar dan prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa prinsip atau mekanisme kawalan dalaman menjadi sebahagian daripada operasi Syarikat. Prosedur bertulis ini meliputi bidang Pelaburan Langsung, Program Penyumberan Luar, Kewangan, Sumber Manusia, Teknologi Maklumat (IT), Perolehan, Perundangan, Pengurusan Pihak Berkepentingan, Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) serta dasar dan prosedur penting lain. Rangka Kerja SOP untuk syarikat adalah seperti ilustrasi di bawah:

RANGKA KERJA DASAR DAN PROSEDUR OPERASI STANDARD Sejajar dengan Model Operasi Ekuinas



Perkhidmatan Bersama	Kewangan & Perakaunan	Sumber Manusia
	Dasar Perakaunan dan/atau Prosedur Operasi Standard meliputi:- <ul style="list-style-type: none"> Aset Tetap (✓) Tunai Runcit (✓) Prosedur dan Dasar Pelaporan Kewangan (✓) Belanjawan (✓) Pembayaran & Tuntutan (✓) Garis Panduan Nilai Saksama Portfolio Pelaburan (✓) 	Prosedur dan/atau Dasar Sumber Manusia meliputi:- <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan Gaji (✓) Latihan & Pembangunan (✓) Pengambilan Pekerja & Perancangan Modal Insan (✓) Pengurusan Prestasi & Pampasan (✓) Terma & Faedah Pekerjaan (✓) Pelan Pengkalan Jangka Panjang (✓) Pengurusan Bakat (✓) Hubungan Pekerja (✓)
	Perbendaharaan	Perundangan
	Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perbendaharaan (✓)	Prosedur Operasi Standard Perundangan (✓)
	Perolehan & Pentadbiran	MIS
	Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perolehan (✓)	Dasar dan Prosedur Operasi Standard Teknologi Maklumat (✓)
	Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)	Komunikasi
	Dasar dan Prosedur Operasi Standard CSR (✓)	Dasar Komunikasi (✓)
	Pengurusan Pihak Berkepentingan	Dasar Pendedahan
	Dasar dan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pihak Berkepentingan (✓)	Rangka Kerja dan Dasar Pendedahan (✓)

Nota:
(✓) Lengkap/Sempurna dan diluluskan untuk diterima pakai

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

- **Kod Etika**

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menjadi contoh kepimpinan terbaik bagi perilaku dan tadbir urus korporat yang berhemah. Kod Etika telah dipersetujui dan diguna pakai oleh semua Pengarah dan Kakitangan untuk memastikan standard perilaku tinggi yang sering dikaitkan dengan amalan perniagaan beretika. Semua Pengarah dan Kakitangan dikehendaki memahami Kod ini dan menandatangani borangakuan penerimaannya.

- **Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan**

Syarikat percaya bahawa hubungan dengan penyedia perkhidmatan mestilah berdasarkan prinsip integriti, kejujuran dan kebertanggungjawaban dan menentang sekeras-kerasnya apa jua bentuk sogokan atau rasuah. Dengan matlamat ini, Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan ini perlu dipatuhi oleh semua pembekal, kontraktor, perunding dan penasihat utama yang berurusan dengan Ekuinas. Ekuinas boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi sebarang ketidakpatuhan Kod ini yang tidak terhad kepada penamatan perkhidmatan atau larangan mencadangkan apa jua perkhidmatan kepada Ekuinas untuk jangka masa yang ditetapkan.

- **Had Kuasa Yang Didokumenkan**

Pihak Pengurusan diberikan Had Kuasa yang diluluskan bagi mengendali operasi harian, membuat keputusan pelaburan, perolehan dan pelupusan aset sebagai kaedah kawalan untuk mengurangkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

- **Dasar dan Prosedur Sumber Manusia**

Syarikat telah menetapkan garis panduan yang sewajarnya bagi pengambilan dan pemberhentian kakitangan, program latihan untuk kakitangan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur lain yang berkaitan untuk memastikan kakitangan sentiasa kompeten dan cukup terlatih untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Senarai SOP Sumber Manusia yang telah didokumenkan adalah seperti berikut:

- Terma dan Faedah Penggajian;
- Pengurusan Gaji;
- Pengurusan Prestasi dan Pampasan;
- Hubungan Pekerja;
- Latihan dan Pembangunan;
- Pengambilan Pekerja; dan
- Pengurusan Prestasi dan Pampasan.

- **Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)**

Antara komponen utama Rangka Kerja SOP ialah Dasar dan Prosedur ICT. Ia digubal bagi memastikan kawalan pengurusan yang mencukupi dan operasi yang lancar dalam urusan ICT Syarikat dan juga untuk melindungi sumber, pengkalan data dan maklumat syarikat. Panduan prinsip bagi Dasar dan Prosedur ICT adalah seperti berikut:

- Dasar Pengurusan ICT dan Pengguna;
- Pengurusan Keselamatan;
- Dasar E-mel;
- Dasar Internet;
- Dasar Kesenambungan dan Pemulihan Perniagaan;
- Dasar Pengurusan Aset ICT;
- Dasar Pengurusan Perubahan;
- Pengurusan Peristiwa; dan
- Pengurusan Komunikasi ICT.

- **Proses Belanjawan**

Setiap Jabatan di dalam Syarikat dikehendaki menyediakan belanjawan tahunan bagi membentuk belanjawan dan rancangan keseluruhan Syarikat yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah. Sistem laporan untuk menilai perbelanjaan sebenar berbanding belanjawan telah diwujudkan dan sebarang percanggahan ketara yang dikesan akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.

- **Dasar Laporan Kewangan dan Garis Panduan Penilaian Saksama Portfolio Pelaburan**

Di antara komponen utama Rangka Kerja SOP dan Dasar adalah Dasar dan Prosedur Laporan Kewangan dan Garis Panduan Penilaian Saksama Portfolio Pelaburan yang digubal bagi memastikan kawalan pengurusan yang mencukupi dan operasi yang lancar dalam aktiviti kewangan syarikat. Matlamat SOP ini adalah untuk memastikan laporan kewangan syarikat mematuhi keperluan perakaunan dan kawal selia dan memastikan penilaian dibuat mengikut prinsip penilaian umum yang diterima pakai dan juga menurut cadangan seperti yang dinyatakan dalam "*International Private Equity and Venture Capital Valuation Guidelines*" (Garis Panduan IPEV).



- **Pendedahan Urusniaga Sekuriti**

Sejajar dengan komitmen Syarikat untuk mengukuhkan standard etika perniagaan yang tinggi, satu Dasar Perdagangan Orang Dalam dan Dasar Pendedahan telah dilaksanakan. Kakitangan Ekuinas diminta untuk menandatangani Akujanji Kelakuan Profesional yang menyediakan garis panduan ketakeddahan maklumat sulit, konflik kepentingan dan larangan perdagangan orang dalam. Satu senarai diedarkan secara tetap kepada semua kakitangan bagi memaklumkan larangan pelaburan di dalam sekuriti tersenarai yang telah dikenalpasti.

- **Buku Panduan Pencegahan Penipuan dan Dasar *Whistle Blowing***

Buku panduan dan dasar ini adalah sebahagian daripada budaya Syarikat dan membuktikan komitmen Syarikat dalam mencegah penipuan. Ia juga memupuk persekitaran yang telus dan terbuka agar penipuan di dalam Syarikat dapat dilaporkan.

- **Pengurusan Prestasi**

Syarikat komited untuk menarik dan mengekalkan kakitangan yang berkeupayaan, berdedikasi dan berbakat. Pengurusan prestasi dan pembangunan modal insan terus ditekankan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif demi memastikan kakitangan mempamerkan mutu dan kemahiran yang sewajarnya. Bagi menyemai budaya kerja berprestasi tinggi, semakan prestasi dan ganjaran dikait rapat dengan penunjuk prestasi utama sejajar dengan visi dan misi Syarikat.

- **Rangka Kerja Latihan dan Pembangunan**

Syarikat mengamalkan dasar melatih kakitangan di semua peringkat supaya mereka mampu melaksanakan tugas semasa dengan cekap, di samping melatih mereka yang berpotensi untuk melaksanakan tugas dengan tanggungjawab yang lebih besar supaya mereka bersedia untuk menggalasnya apabila diperlukan.

- **Dasar Komunikasi**

Dasar Komunikasi dilaksanakan demi memastikan bahawa komunikasi di seluruh Syarikat, serta kepada masyarakat awam dan pihak berkepentingan, diurus secara berkesan. Ini penting bagi memastikan imej Ekuinas yang konsisten sepanjang masa.

- **Dasar dan Rangka Kerja Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)**

Dasar dan Rangka Kerja CSR digubal untuk memastikan tadbir urus yang baik bagi semua aktiviti CSR yang dijalankan oleh Syarikat mengikut prinsip-prinsip panduan dan rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Dasar ini mempunyai tujuan yang berikut:-

- i. Mendokumenkan komitmen dan harapan Lembaga Pengarah dan Pengurusan ke atas tanggungjawab kakitangan semasa melaksanakan aktiviti CSR Syarikat;
- ii. Menyediakan garis panduan dalam membuat keputusan untuk pemilihan inisiatif CSR; dan
- iii. Memastikan aktiviti CSR Syarikat memenuhi objektif dan niat yang ditetapkan.

Di samping itu, Jawatankuasa Pelaburan CSR (CIC) telah ditubuhkan untuk memastikan penilaian yang bebas dan tadbir urus yang baik dalam penyaluran dana untuk Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Bumiputera.

- **Kawalan Pelaburan**

Di dalam kebanyakan kes pelaburan, pegawai kanan Ekuinas dilantik menganggotai jawatankuasa pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah syarikat portfolio untuk terlibat secara aktif dalam hala tuju strategik, proses membuat keputusan utama dan bahagian-bahagian operasi utama.

Di samping menjalin hubungan baik dengan pengurusan syarikat portfolio, Ekuinas turut mengambil bahagian dalam inisiatif proses operasi untuk mencipta nilai dan menyokong tadbir urus dan amalan terbaik.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

- **Rangka Kerja dan Dasar Pendedahan**

Garis panduan pendedahan Ekuinas digubal berdasarkan beberapa garis panduan industri, antaranya, termasuklah yang digariskan dalam *The Walker Guidelines Monitoring Group 2007*, kumpulan pemantau ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan. Rangka kerja ini juga digubal berikutan kajian ke atas pendedahan yang dibuat oleh syarikat ekuiti persendirian, dana negara berdaulat dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia. Maklumat dasar dan rangka kerja pendedahan diterangkan dengan terperinci di halaman 152 dan 153 dalam Laporan Tahunan ini.

Semakan Penyata oleh Juruaudit Luar

Juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

Berdasarkan prosedur yang dilaksanakan, mereka telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sebarang perkara yang pada pemerhatian mereka boleh menyebabkan mereka beranggapan bahawa Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang bertujuan untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan tidak disediakan, dalam semua aspek material, mengikut pendedahan yang digariskan oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Terbitan Terserai, dan tidak ada maklumat yang tidak tepat.

Semakan jaminan terhad ini dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan Disyorkan (RPG) 5 (Pindaan) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. RPG 5 (Pindaan) tidak memerlukan juruaudit luar untuk menyatakan pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat.

KESIMPULAN

Bagi tahun kewangan yang dikaji, berdasarkan siasatan, maklumat dan jaminan yang disediakan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingannya. Tumpuan ke atas langkah-langkah untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pihak berkepentingan dan kemampuan perniagaan akan terus dilaksanakan.

Penyata ini dibuat menerusi resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 13 Mac 2014.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit (AC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Komposisi dan Kehadiran Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada tahun 2010 sejajar dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan memenuhi keperluan berikut:

- dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- majoriti adalah pengarah bebas;
- semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif;
- sekurang-kurangnya seorang adalah ahli persatuan perakaunan; dan
- pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Komposisi Jawatankuasa Audit dan rekod kehadiran adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Status Jawatan Pengarah	Kehadiran mesyuarat	%
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda (Pengerusi Jawatankuasa)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 daripada 5	100
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 daripada 5	100
Datuk Noriyah Ahmad	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 daripada 5	100

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, atau lebih kerap jika perlu.

Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Urusan Pelaburan, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua CGRM dan wakil-wakil juruaudit luar turut menghadiri mesyuarat apabila diperlukan. Jawatankuasa Audit juga mengendalikan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan semasa mesyuarat Jawatankuasa Audit pada 6 Mac 2013 dan 19 September 2013.

Pengerusi Jawatankuasa Audit membuat laporan mengenai setiap mesyuarat yang diadakan kepada pihak Lembaga Pengarah. Minit-minit mesyuarat diambil dan diedarkan kepada setiap ahli Jawatankuasa Audit serta ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain.

Objektif

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab berkanun serta tanggungjawab lain yang berkaitan dengan kawalan dalaman, hal ehwal kewangan dan perakaunan, pematuhan dan pengurusan risiko.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Bidang Tugas

Dalam melaksanakan tugas dan menyempurnakan tanggungjawabnya, Jawatankuasa Audit memenuhi keperluan Bidang Tugas seperti berikut:-

Komposisi Ahli

Komposisi Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik dari kalangan Pengarah-pengarah dan memenuhi keperluan berikut:-

- Jawatankuasa Audit hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
 - majoriti ahlinya hendaklah terdiri daripada Pengarah bebas dan semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif; dan
 - sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit:
 - adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
 - jika beliau bukan ahli MIA, beliau hendaklah memiliki sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dan:
 - beliau telah lulus peperiksaan seperti yang termaktub di dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - beliau adalah ahli salah sebuah persatuan akauntan seperti yang termaktub dalam Bahagian II Jadual Pertama, Akta Akauntan 1967.
 - Pengerusi mestilah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit;
 - Sekiranya berlaku kekosongan di dalam Jawatankuasa Audit dan menyebabkan ketidakpatuhan terhadap keperluan yang dinyatakan di atas, Syarikat hendaklah mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan; dan
 - Setiausaha Syarikat hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit.
- Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab fidusiarinya, khususnya berkaitan dengan etika perniagaan, dasar dan kawalan pengurusan kewangan;
 - Jawatankuasa Audit hendaklah memastikan komunikasi langsung diwujudkan antara Lembaga Pengarah, Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman dan pihak Pengurusan melalui mesyuarat yang telah ditetapkan;
 - Jawatankuasa Audit akan terus menitikberatkan fungsi audit dengan meningkatkan objektiviti dan kebebasan Juruaudit Luar dan Dalaman dan menyediakan forum perbincangan yang berasingan daripada pihak Pengurusan;
 - Jawatankuasa Audit boleh mempelawa mana-mana individu untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu Jawatankuasa Audit membuat keputusan dan ia juga boleh bermesyuarat sesama sendiri sahaja apabila perlu; dan
 - dakwaan serius terhadap mana-mana kakitangan syarikat yang membabitkan implikasi kewangan hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Audit agar penyiasatan dapat dijalankan.

Skop

- Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk menyiasat sebarang aktiviti Syarikat dan anak-anak syarikatnya, dan semua kakitangan diarahkan agar bekerjasama seperti mana yang diminta oleh ahli-ahli Jawatankuasa;
- Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk melantik mana-mana individu yang mempunyai kebolehan khusus apabila perlu untuk membantu Jawatankuasa ini menjalankan tanggungjawabnya;

Bidang Kuasa

Jawatankuasa Audit mempunyai kuasa berikut seperti yang diamanahkan oleh Lembaga Pengarah:

- kuasa untuk menyiasat sebarang perkara dalam lingkungan bidang tugasnya;
- akses kepada sebarang sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
- akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat, rekod, harta dan kakitangan Syarikat serta sebarang anak syarikat lain (jika ada) atau syarikat seindustri;
- saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan mereka yang melaksanakan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
- boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan juruaudit dalaman bersama-sama dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah lain yang bebas dan bukan eksekutif, tanpa kehadiran mana-mana pengarah eksekutif, sekurang-kurangnya sekali setahun atau sekiranya perlu.



Mesyuarat

- Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun untuk membincangkan sebarang perkara yang dibangkitkan oleh Juruaudit semasa menjalankan fungsi mereka. Korum mesyuarat Jawatankuasa Audit ialah dua (2) orang ahli;
 - sekurang-kurangnya sekali setahun, keseluruhan Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana ahli Lembaga Pengarah eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurusan Kanan;
 - Setiausaha bertanggungjawab menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, mengundi dan mengambil minit mesyuarat;
 - selain daripada ahli-ahli Jawatankuasa Audit, Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua CGRM dijemput menghadiri setiap mesyuarat. Ketua syarikat/jabatan dan kumpulan pengurusan masing-masing akan hadir apabila laporan audit mengenai syarikat/jabatan mereka dibentangkan untuk perbincangan. Juruaudit Luar akan diminta hadir apabila perlu;
 - Pengerusi akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Audit, di atas permintaan Juruaudit Luar, untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang dipercayai harus dibawa kepada perhatian pengarah atau pemegang saham; dan
 - Juruaudit berhak hadir dan bersuara di sebarang mesyuarat Jawatankuasa Audit dan hendaklah hadir di mesyuarat Jawatankuasa Audit apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa tersebut.
- Ringkasan mengenai kebimbangan dan kelemahan ketara dalam persekitaran kawalan yang diperhatikan sepanjang tahun dan langkah-langkah sesuai yang diambil untuk menangani isu-isu tersebut;
 - Menyelia fungsi jabatan CGRM dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perubahan ketara dalam perniagaan dan persekitaran luar yang mempengaruhi risiko-risiko utama;
 - Mengkaji segala urusan berkaitan pematuhan yang disediakan oleh Pengurusan berkaitan keperluan kawal selia atau keperluan pelaporan luar lain, berhubung operasi Syarikat;
 - Semakan laporan audit anak syarikat dan sebarang syarikat berkaitan turut terangkum di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Audit, oleh yang demikian, semua fungsi yang dinyatakan di atas juga hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit dan diselaraskan dengan Lembaga Pengarah anak syarikat dan syarikat berkaitan; dan
 - Mempertimbangkan perkara-perkara lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

b. Juruaudit Luar

- Mempertimbangkan pelantikan juruaudit luar, fi audit dan sebarang persoalan mengenai perletakan jawatan atau pemecatan;
- Berbincang dengan juruaudit luar mengenai bidang kuasa dan skop audit sebelum audit dimulakan, dan memastikan penyelarasan sekiranya ia melibatkan lebih daripada satu firma audit;
- Berbincang dengan juruaudit luar tentang laporan audit dan penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman; dan
- Menyemak penyata kewangan suku tahunan dan tahunan Syarikat, dengan memberi tumpuan khusus terhadap:
 - sebarang perubahan dalam dasar dan amalan perakaunan;
 - pelarasan ketara yang berbangkit daripada audit;
 - andaian usaha berterusan; dan
 - pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain.

Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit berkaitan kumpulan-kumpulan berikut adalah seperti di bawah:

a. Lembaga Pengarah

- Mendapatkan jawapan yang memuaskan daripada pihak Pengurusan mengenai laporan yang sediakan oleh juruaudit dalaman dan juruaudit luar untuk dilaporkan kepada Lembaga Pengarah:
 - Mengenalpasti fakta penting dan kesan laporan audit tentang operasi;
 - Pertimbangan dan keputusan yang dibuat di peringkat Jawatankuasa Audit dengan menumpukan isu dan resolusi penting yang telah diselesaikan oleh Jawatankuasa Audit, secara berkala;

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

c. Juruaudit Dalam

- Membincangkan masalah dan kebimbangan yang berbangkit daripada audit luaran, dan lain-lain perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit;
- Menyelia fungsi audit dalaman dengan:
 - Mengkaji semula kecukupan skop, fungsi, sumber fungsi audit dalaman dan memastikan ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
 - Menyemak semula program dan proses audit dalaman, hasil program dan hasil proses audit dalaman atau siasatan yang dijalankan dan memastikan tindakan sewajarnya diambil susulan daripada saranan fungsi audit dalaman;
 - Menyemak sebarang penilaian yang dibuat ke atas prestasi ahli-ahli fungsi audit dalaman;
 - Menetapkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah bidang kuasa fungsi audit dalaman, termasuk imbuhan fungsi audit dalaman;
 - Meluluskan pelantikan atau pelucutan jawatan ahli pengurusan kanan fungsi audit dalaman;
 - Mengemaskini maklumat terkini tentang peletakan jawatan ahli kakitangan audit dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan yang meletak jawatan untuk memberikan sebab-sebab perletakan jawatan;
 - Memastikan Audit Dalaman sentiasa mempunyai sumber yang mencukupi dan cekap;
 - Memantau dengan teliti sebarang percanggahan ketara antara Audit Dalaman dengan pihak Pengurusan, tidak kira sama ada percanggahan ini telah diselesaikan atau tidak; dan
 - Mempertimbangkan isu-isu penting yang diperolehi daripada siasatan dalaman dan tindakan pihak Pengurusan.
- Menyemak dan meluluskan pelan audit jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja bagi tahun kewangan tersebut yang masing-masing disediakan oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar;
- Menyemak laporan Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar dan mempertimbangkan isu-isu dan pelan tindakan;
- Menyemak laporan suku tahunan dan tahunan Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak cadangan dasar dan prosedur penting untuk diguna pakai oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak laporan Pengurusan Risiko yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko setiap suku tahun untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pengurusan;
- Menyemak fi juruaudit luar;
- Menyemak laporan mengenai Jawatankuasa Audit, Penyata Kawalan Dalaman, Penyata Tadbir Urus Korporat dan Penyata Pengurusan Risiko sebelum dimuatkan di dalam Laporan Tahunan Syarikat;
- Menyemak dan mempertimbangkan laporan audit, isu dan saranan daripada juruaudit dalaman dan luar berdasarkan audit yang dikendalikan sepanjang tahun ini;
- Menyemak kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan dalam lingkungan fungsi audit dalaman untuk melaksanakan pelan ini serta hasil kerja mereka; dan
- Menyemak dan menimbang kes yang disiasat oleh CGRM berikutan permintaan daripada Pengurusan/Jawatankuasa Audit.

d. Transaksi Pihak Berkaitan

- Mempertimbangkan sebarang transaksi pihak berkaitan yang mungkin berbangkit dalam Syarikat termasuk sebarang transaksi, prosedur atau perilaku yang membangkitkan persoalan tentang integriti Pengurusan.

Aktiviti-aktiviti

Sejajar dengan bidang tugas Jawatankuasa Audit, aktiviti berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan ini:-

Fungsi Audit Dalam

Fungsi audit dalaman Syarikat dilaksanakan oleh Jabatan CGRM. Jabatan CGRM melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan kepada Ketua Pegawai Eksekutif dari aspek pentadbiran. Fungsi audit dalaman adalah menurut Piagam kebebasan semasa menilai dan membuat laporan mengenai kecukupan, integriti dan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat, berlandaskan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin.










Syarikat mempunyai fungsi audit dalaman dengan sumber yang mencukupi untuk membantu Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah mengekalkan sistem kawalan dalaman dan keseluruhan amalan tadbir urus yang cekap. Semakan dan inisiatif penambahbaikan kawalan yang dilaksanakan oleh CGRM ditetapkan dalam pelan audit tahunan yang disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit pada tahun kewangan.

Sepanjang tahun ini, sebagaimana dinyatakan dalam pelan audit dalaman yang diluluskan, CGRM telah menyemak dan membantu mendokumenkan dan memformalkan dasar dan prosedur Syarikat, mengkaji semula serta mendokumenkan

risiko Ekuinas untuk dilaporkan kepada RMC dan Jawatankuasa Audit.

Di samping itu, CGRM juga turut berbincang dengan syarikat-syarikat portfolio untuk menggalakkan pelaksanaan tadbir urus dan amalan-amalan terbaik. Di antara inisiatif tadbir urus utama yang dilaksanakan bersama dengan pengurusan syarikat-syarikat portfolio adalah menyemak dan mengemaskini had kuasa untuk diluluskan dan diguna pakai, membantu dalam menubuhkan unit audit dalaman dalam syarikat-syarikat portfolio (di mana perlu) dan membantu mereka dalam inisiatif penambahbaikan tadbir urus dan kawalan mengikut keperluan.

Ringkasan inisiatif tadbir urus utama yang dilaksanakan di syarikat portfolio pasca-perolehan Ekuinas adalah seperti berikut:

Syarikat-Syarikat Portfolio	Had Kuasa Melulus	EXCO dan Lembaga Pengarah	Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat	Rangka Kerja Prosedur Operasi Standard	Audit Dalaman/Pematuhan	Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko	Mengulas Kertas Kerja Pra-Mesyuarat Jawatankuasa Audit/EXCO	Ulasan Proses Penambahbaikan
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	✓	✓	Sedang dilaksanakan	—	✓
	✓	✓	✓	Sedang dilaksanakan	✓	Sedang dilaksanakan	✓	✓
	✓	✓	✓	Sedang dilaksanakan	✓	✓	✓	Sedang dilaksanakan
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	—	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	—
	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	—
	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	✓	✓
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	✓	✓
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	✓	✓
	✓	✓	—	Sedang dilaksanakan	—	—	—	Sedang dilaksanakan

CGRM juga terlibat dalam melaksanakan proses ketekunan wajar yang meliputi tadbir urus dan risiko pelaburan dalam usaha perolehan pelaburan baru. Sebagai sebahagian daripada proses penilaian pelaburan, isu-isu utama akan dibangkitkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam usaha memastikan semua risiko pelaburan utama dikurangkan secara teliti.

Semua fungsi audit dalaman sepanjang tahun ini telah dikendalikan oleh CGRM. Tiada satu pun bidang fungsi audit dalaman yang ditugaskan kepada sumber luar.

Laporan ini disediakan menurut resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 13 Mac 2014.

DASAR PENDEDAHAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian yang dimandatkan untuk mengurus dan melabur dana awam, Ekuinas merupakan entiti awam yang beroperasi di dalam persekitaran yang dikawal selia dengan ketat. Justeru itu, kami menitikberatkan ketelusan di dalam perhubungan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, syarikat-syarikat penerima pelaburan, pihak media dan seluruh rakyat Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Syarikat telah mewujudkan rangka kerja pendedahan yang mesra-pasaran, telus dan dibentuk mengikut penanda aras amalan terbaik global.

Garis panduan pendedahan Ekuinas dirumus berdasarkan beberapa garis panduan industri, antara lainnya seperti garis panduan *Walker Guidelines Monitoring Group 2007*, sebuah kumpulan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan Garis Panduan Laporan *European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006*. Rangka kerja pendedahan Ekuinas telah dihasilkan berikutan kajian menyeluruh mengenai pendedahan yang disediakan oleh firma-firma ekuiti persendirian, dana negara berdaulat atau *sovereign wealth funds* dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia.


Pendedahan dibuat pada tahap berbeza-beza, daripada sekadar menyediakan maklumat minimum seperti nombor telefon untuk dihubungi dan maklumat asas syarikat di laman sesawang rasmi, sehingga maklumat mengenai strategi dan matlamat syarikat, perolehan dan pelupusan, serta prestasi portfolio. Namun begitu, Ekuinas memilih organisasi seperti 3i plc yang berpangkalan di United Kingdom dan Tabung Pencen Kerajaan Norway, sebagai penanda aras, memandangkan organisasi ini menyediakan pendedahan sepenuhnya mengenai semua pegangan dan pemilikan portfolio, latar belakang kumpulan pengurusan, profil syarikat portfolio terpilih, serta laporan tahunan dan penyata kewangan teraudit.

Ekuinas komited untuk menyediakan pendedahan maklumat korporat yang saksama dan komprehensif, sejajar dengan amalan terbaik firma ekuiti persendirian global. Kami berhasrat mematuhi semua undang-undang dan peraturan demi memastikan komunikasi yang sewajarnya disebarkan kepada pihak awam menurut keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkuat kuasa.

Dasar pendedahan kami merangkumi prinsip utama berikut:

- Dibentuk mengikut penanda aras amalan industri ekuiti persendirian dan dana negara berdaulat yang terkemuka;
- Maklumat penting harus didedahkan dengan saksama dan menyeluruh kepada pihak awam melalui laporan tahunan dan disebarkan dengan meluas melalui media massa.
- Bersikap responsif terhadap permohonan maklumat daripada pihak berkepentingan utama; dan pada masa yang sama turut mematuhi peraturan serta garis panduan dasar pendedahan ini; dan
- Sekiranya kami tidak dapat mendedahkan sebarang maklumat atas permintaan rakan pelabur bersama atau sekiranya pendedahan tersebut dapat menjejaskan pelan peningkatan nilai syarikat, kami akan memberikan penjelasan yang sewajarnya.


RANGKA KERJA PENDEDAHAN EKUINAS






MENCAPAI KEJAYAAN

Amalan budaya berprestasi tinggi mendorong kami untuk sentiasa mencapai lebih dari jangkauan dan sentiasa menghasilkan pencapaian yang luar biasa





PROFIL KORPORAT

LATARBELAKANG

Ekuiti Nasional Berhad, atau Ekuinas, adalah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada 1 September 2009 dengan matlamat untuk menggalakkan pegangan ekuiti dan penglibatan Bumiputera di dalam sektor ekonomi menerusi penubuhan syarikat-syarikat peneraju generasi baru di Malaysia.

Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan Ekuinas dengan dana permulaan sebanyak RM500 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan sebanyak RM4.5 bilion lagi di bawah Rancangan Malaysia ke-10. Dana yang berbentuk geran disimpan di dalam tabung amanah Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) yang diwujudkan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam ekonomi Malaysia secara saksama.


Dana yang diperuntukkan di bawah YEN disalurkan kepada Ekuinas Capital Sdn Bhd, atau Ekuinas Capital, yang berperanan sebagai syarikat permodalan yang dilantik. Ekuinas pula berfungsi sebagai firma ekuiti persendirian yang bertanggungjawab mengurus dana yang diperuntukkan dan entiti di mana pihak pengurusan ditempatkan.

Kedua-dua syarikat Ekuinas dan Ekuinas Capital adalah anak syarikat milik penuh YEN dan dengan itu, Ekuinas sentiasa berusaha untuk mencapai misi menggalakkan penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama, berkesan dan berkekalan dengan memenuhi objektif-objektif kewangan dan sosial.

Ekuinas menjalankan dua operasi pelaburan serentak iaitu:

- Pelaburan Langsung – di mana Ekuinas memperoleh saham secara langsung di dalam syarikat-syarikat berpotensi tinggi; dan
- Program Penyumberan Luar – di mana Ekuinas melantik pengurus dana ekuiti persendirian pihak ketiga untuk mengurus dana yang diperuntukkan dan membuat pelaburan bagi pihak Ekuinas.

Rajah 1: Struktur Ekuinas



YAYASAN EKUITI NASIONAL: LEMBAGA PEMEGANG AMANAH



**YAB Dato' Sri Mohd Najib
bin Tun Haji Abdul Razak**

Perdana Menteri merangkap
Menteri Kewangan



**YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin
bin Mohd Yassin**

Timbalan Perdana Menteri
merangkap Menteri Pelajaran



**YB Dato' Sri Mustapa
bin Mohamed**

Menteri Perdagangan
Antarabangsa dan Industri



**YB Dato' Seri Haji Ahmad Husni
bin Mohamad Hanadzlah**

Menteri Kewangan (II)



**YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid
bin Omar**

Menteri di Jabatan
Perdana Menteri



**YBhg Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar
bin Abdullah**

Ketua Setiausaha
Perbendaharaan/Kementerian Kewangan



**YBhg Datuk Dr Rahamat Binti
Yusoff**

Ketua Pengarah,
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

PROFIL KORPORAT

OBJEKTIF

Ekuinas adalah sebuah syarikat yang didorong secara komersial dengan objektif utamanya untuk meningkatkan pulangan kewangan bagi aktiviti pelaburannya. Syarikat telah menetapkan sasaran Kadar Pulangan Dalaman (IRR) minima sebanyak 12% setahun bagi portfolio pelaburannya dan berazam untuk menjana secara purata 20% IRR bagi keseluruhan portfolio pelaburan.

Ekuinas percaya bahawa hanya melalui disiplin dan nilai kewangan yang tinggi, agenda sosial Ekuinas akan dapat dicapai secara mapan.

Sebagai sebuah syarikat ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas juga mempunyai objektif sosial iaitu untuk meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera di dalam ekonomi Malaysia. Bagi memastikan kesan yang berkekalan, Ekuinas komited dalam usaha mencapai matlamatnya secara mesra-pasaran, berdasarkan merit dan telus.

Menerusi aktiviti pelaburannya, Ekuinas berhasrat menggalak dan meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera di dalam ekonomi Malaysia menerusi empat dimensi utama:-

- Meningkatkan pemilikan ekuiti korporat;
- Meningkatkan penyertaan pengurusan dan keusahawanan;
- Meningkatkan peluang pekerjaan yang bermakna; dan
- Memperbaiki rantaian bekalan.

TADBIR URUS

Di Ekuinas, kami mematuhi piawaian tadbir urus yang paling tinggi dan mengguna pakai amalan-amalan global yang terbaik dalam semua operasi kami.

Kami juga mematuhi amalan-amalan terbaik firma ekuiti persendirian antarabangsa dari segi pendedahan maklumat yang memadai dan terkini berhubung semua pelaburan yang dilaksanakan. Maklumat lanjut mengenai tadbir urus dan rangka kerja pendedahan maklumat Syarikat dibentangkan di bahagian-bahagian berkaitan di dalam Laporan Tahunan ini.

MODEL OPERASI EKUINAS

Model operasi Ekuinas mencakupi semua fungsi penting yang membentuk asas perniagaan. Dasar-dasar utama diperkenalkan dan diguna pakai bagi memastikan Ekuinas berupaya menjalankan operasi pelaburan ekuiti persendirian yang setanding dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa. Dasar-dasar tersebut merangkumi dasar bagi bahagian pelaburan langsung dan penyumberan luar Syarikat beserta rangka kerja dan garis panduannya, dan juga bahagian-bahagian lain termasuk tadbir urus, pendedahan maklumat, perbendaharaan, sumber manusia, pengurusan pihak berkepentingan dan komunikasi. Maklumat lanjut berkenaan dasar-dasar ini dibentangkan di dalam Penyata Kawalan Dalaman di halaman 143.

Rajah 2: Objektif Pelaburan yang Jelas – Objektif Kewangan dan Sosial yang Seimbang

Objektif Kewangan

Mewujudkan nilai secara berkekalan menerusi keuntungan komersial

- Kriteria pelaburan yang paling utama ialah sasaran kewangan
- Sasaran kewangan minima – IRR 12% setahun dan sasaran aspirasi IRR 20%
- Sasaran pulangan sejajar dengan penanda aras ekuiti persendirian global
- Yakin bahawa agenda sosial hanya boleh dicapai melalui disiplin kewangan yang tinggi

Objektif Sosial

Menggalakkan penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama menerusi empat dimensi:

- Meningkatkan pemilikan ekuiti korporat yang bermakna
- Meningkatkan bilangan pengurus yang bertauliah dan berpengalaman
- Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di dalam sektor dan syarikat sasaran
- Mewujudkan nilai di seluruh rantaian bekalan


Fokus terhadap KUALITI dan bukan kuantiti

Jumlah RM5 bilion yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia Ke-10 akan dilaburkan menerusi tiga dana dalam tempoh lima tahun bagi kedua-dua Pelaburan Langsung dan Program Penyumberan Luar Ekuinas. Pada tahun 2010, RM1 bilion telah diperuntukkan di bawah Pelaburan Langsung Tranche I dan RM400 juta untuk Program Penyumberan Luar Tranche I. Pada tahun 2012, dana Tranche II bagi kedua-dua Program Langsung dan Program Penyumberan Luar telah ditubuhkan dengan peruntukan masing-masing sebanyak RM1.0 bilion dan RM300.0 juta.

TUMPUAN PELABURAN

Di Malaysia, Kerajaan telah menubuhkan pelbagai agensi, institusi dan program yang tertumpu kepada dana Modal Teroka atau *Venture Capital* (VC) dengan matlamat menyokong pembangunan dan pertumbuhan perniagaan serta syarikat baru di dalam negara. VC menyediakan dana untuk syarikat yang memulakan perniagaan baru dan membangunkan teknologi baru, manakala ekuiti persendirian, atau *Private Equity* (PE) pula tertumpu kepada syarikat yang telah sekian lama beroperasi dan ingin berkembang ke peringkat seterusnya. Walaupun industri PE di Malaysia dianggap masih lagi berada di peringkat awal, Kerajaan menjangkakan industri ini akan menjadi satu sektor yang memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia, seiring dengan usaha negara menyesuaikan diri dengan realiti baru dalam pasaran.

Rajah 3: Model Operasi Ekuinas



PROFIL KORPORAT

Rajah 4: Tinjauan Dana

	Pelaburan Langsung		Program Penyumberan Luar	
	Dana I	Dana II	Dana I	Dana II
Tahun Permulaan	2010	2012	2011	2013
Modal Komited	RM1.0 bilion	RM1.0 bilion	RM400.0 juta	RM240.0 juta
Tempoh	5 + 2 tahun	5 + 2 tahun	6 + 1 tahun	7 + 1 tahun
Jangka masa Pelaburan	3 ke 5 tahun	3 ke 5 tahun	3 ke 6 tahun	3 ke 7 tahun
Tumpuan Pelaburan	Malaysia <i>Buy-Out</i> , Modal Pertumbuhan		Malaysia Modal Pertumbuhan	
Sektor Utama	Minyak & Gas, Pendidikan, Barangan Pengguna Laris (FMCG), Peruncitan dan Percutian, Medikal, Perkhidmatan			
Status	Diagihkan sepenuhnya	Dilaburkan	Dilaburkan	Dilaburkan

Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Ekuinas, sebuah institusi yang mengguna pakai pendekatan ekuiti persendirian, sebagai salah satu instrumen baru inovatif yang diperkenalkan di bawah Model Baru Ekonomi (MBE). Pelaburan dana ekuiti persendirian Ekuinas dilaksanakan dengan prinsip mesra-pasaran dan berdasarkan merit serta telus khusus untuk mencapai ekonomi yang lebih terangkum dengan penyertaan saksama oleh semua rakyat Malaysia. Melalui Program Penyumberan Luar pula, Ekuinas memainkan peranan membangunkan syarikat-syarikat tempatan PE dengan melantik mereka sebagai Pengurus Dana Penyumberan Luar untuk melabur bagi pihak Ekuinas.

Untuk mengelak pertindihan dari segi peranan antara agensi-agensi Kerajaan, Ekuinas tidak dimandatkan untuk membantu syarikat di peringkat permulaan atau masih di peringkat awal, yang lebih sesuai bagi pelaburan *Venture Capital* (VC). Justeru, Ekuinas lebih tertumpu kepada pelaburan di dalam syarikat pertumbuhan yang telah beroperasi selama beberapa tahun.

Pendekatan Ekuiti Persendirian Ekuinas:

Ekuiti Persendirian (PE):

- Pelaburan di dalam syarikat berpotensi tinggi
- Membangunkan syarikat secara agresif untuk meningkatkan nilai
- Melupakan pelaburan setelah syarikat menjadi peneraju pasaran

Berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- Mesra-pasaran
- Berdasarkan merit
- Telus
- Amalan-amalan terbaik

Rajah 5: Tumpuan Pelaburan Ekuinas

Ekuinas dimandatkan untuk menyokong syarikat Malaysia bersaiz sederhana hingga besar yang berada di peringkat PERTUMBUHAN – lazimnya syarikat sedemikian mempunyai rekod prestasi operasi dan berupaya mengenal pasti peluang untuk berkembang ke peringkat seterusnya.



SEKTOR TUMPUAN

Ekuinas boleh membuat pelaburan di dalam mana-mana sektor tetapi enam sektor tumpuan telah dikenal pasti iaitu Minyak & Gas, Pendidikan, Barangan Pengguna Laris (FMCG), Peruncitan & Percutian termasuk Makanan & Minuman (F&B), Medikal dan Perkhidmatan.

Ekuinas dilarang membuat pelaburan di dalam sektor perjudian, arak atau mana-mana aktiviti yang melanggar undang-undang/ tidak beretika; dana lindung nilai; derivatif atau komoditi; hartanah dan pembinaan; dan syarikat-syarikat yang tidak menyumbang kepada ekonomi Malaysia.

Rajah 6: Sektor Tumpuan Ekuinas



PROFIL KORPORAT

JENIS PELABURAN

Ekuias mempertimbangkan syarikat Malaysia bersaiz sederhana hingga besar di dalam kategori-kategori berikut:

KATEGORI 1 – pelaburan modal pertumbuhan di dalam syarikat Malaysia bagi mempercepatkan pertumbuhan;

KATEGORI 2 – pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang kukuh dan berpotensi tinggi untuk menjadi peneraju pasaran; dan

KATEGORI 3 – pemerolehan buy-out aset bukan teras milik syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat awam tersenarai (PLC), syarikat multinasional (MNC) atau Yayasan.

Rajah 7: Jenis Pelaburan




* Pelaburan di dalam Tanjung Offshore Berhad dan Konsortium Logistik Berhad masing-masing telah diluluskan pada tahun 2012 dan 2013.

STRATEGI PELABURAN

Strategi pelaburan Ekuinas adalah dengan mengenal pasti peluang-peluang pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia yang bersaiz sederhana untuk mentransformasi dan membantu syarikat-syarikat tersebut berkembang menjadi peneraju pasaran dan berjaya menjana keuntungan yang tinggi. Setelah matlamat dicapai, Ekuinas akan melupuskan pelaburannya di dalam syarikat tersebut. Rajah di bawah memaparkan unsur-unsur utama di dalam proses pelaburan kami.

Rajah 8: Tesis Pelaburan



PROFIL KORPORAT

RANGKA KERJA PELABURAN

Ekuinas melaksanakan pelaburannya melalui dua model operasi:

- Pelaburan Langsung – pelaburan dilaksanakan secara langsung oleh Ekuinas dan tertumpu kepada saiz urusan besar. Ia melibatkan perolehan kepentingan majoriti atau kepentingan ketara untuk membolehkan penyertaan Ekuinas secara aktif di dalam syarikat bagi melaksanakan pelan penciptaan nilai untuk kepentingan syarikat dan semua pihak berkepentingan.
- Program Penyumberan Luar – Ekuinas melaksanakan pelaburan menerusi firma ekuiti persendirian pihak ketiga yang dilantik sebagai pengurus dana yang dipertanggungjawabkan untuk mengumpul modal luar tambahan dan mengurus pelaburan-pelaburan yang dilaksanakan.

Untuk mengelakkan pertindihan, setiap model operasi Ekuinas mempunyai tumpuan pelaburan yang berbeza sepertimana yang telah digariskan di dalam Rajah 9.

Rajah 9: Tumpuan Pelaburan Bagi Setiap Model Operasi



PELABURAN LANGSUNG

Aktiviti Pelaburan Langsung Ekuinas meliputi beberapa proses penting yang bermula dari **peringkat awal** iaitu mengenal pasti pelaburan yang berpotensi, **peringkat akhir** penilaian dan kelulusan oleh Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Pengarah, sehingga perolehan dimuktamadkan.

Pasca perolehan, Ekuinas akan bekerjasama dengan syarikat penerima pelaburan untuk menyediakan dan melaksanakan Pelan Penciptaan Nilai atau *Value Creation Plan* (VCP) dengan matlamat untuk membantu syarikat dari semua aspek perniagaan dan berkembang ke peringkat seterusnya.

Untuk memastikan pelaksanaan pelbagai VCP yang disediakan, kumpulan Pengurusan dan Pemantauan Portfolio (PMM) bekerjasama dengan kumpulan pelaburan dan pengurusan syarikat portfolio khususnya dalam bidang Kewangan, Sumber Manusia, Proses dan Sistem Pengurusan Maklumat.

Rajah 10: Proses Pelaburan Penting bagi Pelaburan Langsung



PROFIL KORPORAT

PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

Untuk melengkapkan aktiviti Pelaburan Langsung, Ekuinas juga mengendalikan Program Penyumberan Luar dengan matlamat membangun dan menguruskan program yang melibatkan Pengurus Dana Penyumberan Luar, atau Outsourced Fund Managers (OFM) pihak ketiga yang berkebolehan untuk melabur bagi pihak Ekuinas.

Program Penyumberan Luar ini bukan sahaja membantu Ekuinas untuk mencapai objektif-objektif kewangan dan kualitatif tetapi juga membolehkan Ekuinas menyumbang ke arah pembangunan industri PE di Malaysia. Rangka kerja dan garis panduan bagi Program ini dibentangkan di dalam Rajah 11 di bawah.

Rajah 11: Program Penyumberan Luar Ekuinas – Rangka Kerja dan Garis Panduan

Sasaran Kewangan	Sama seperti Pelaburan Langsung <ul style="list-style-type: none"> • IRR 12% setahun sebagai sasaran minimum • IRR 20% setahun sasaran aspirasi 	Sektor Tumpuan	Terbuka kepada semua sektor kecuali sektor-sektor terlarang:- <ul style="list-style-type: none"> • Perjudian, arak, hartanah, pembinaan • Syarikat yang tidak mempunyai penyertaan rakyat Malaysia
Sasaran Sosial	Memandangkan kawalan terbatas, usaha tertumpu kepada peningkatan: <ul style="list-style-type: none"> • Pemilikan ekuiti • Pengurusan Kanan • Pekerjaan <i>Pencapaian digalakkan dengan menawarkan bahagian keuntungan lebih tinggi jika sasaran dicapai</i>	Pegangan Ekuiti	<ul style="list-style-type: none"> • Menjurus kepada penyediaan modal pertumbuhan dan kepentingan minoriti untuk menyokong usahawan/syarikat sedia ada

Garis Panduan Program Penyumberan Luar Penting yang lain

Saiz Dana	Saiz Pelaburan	Modal Luaran	Tempoh Pelaburan	Peringkat Pertumbuhan Syarikat	Ganjaran	Pelupusan
<ul style="list-style-type: none"> • Antara RM120 juta hingga RM250 juta untuk memastikan saiz urusniaga yang mencukupi 	<ul style="list-style-type: none"> • Antara RM15 juta hingga RM50 juta • Tidak boleh kurang daripada RM15 juta • Tidak boleh melebihi 20%-25% daripada Saiz Dana 	<ul style="list-style-type: none"> • OFM perlu mengumpul sekurang-kurang 20% daripada Dana dari pelabur pihak ketiga 	<ul style="list-style-type: none"> • 3 hingga 6 tahun untuk membantu penciptaan nilai • Tiada pelaburan kurang dari setahun atau melebihi 7 tahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Tumpuan kepada syarikat pertumbuhan • Tiada syarikat baru atau syarikat di peringkat pembangunan 	<ul style="list-style-type: none"> • Ekuinas bertekad membayar fi pengurusan dan bahagian keuntungan mengikut kadar pasaran industri untuk memastikan prestasi yang tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> • Melupuskan pelaburan menerusi pelbagai cara termasuk penyenaian dan penjualan syarikat


Lima dimensi penilaian utama yang telah digunakan di dalam proses pemilihan OFM dipaparkan di bawah.

Rajah 12: Dimensi Utama yang Digunakan di dalam Proses Pemilihan OFM

1	Rekod prestasi yang mantap	<ul style="list-style-type: none"> • Reputasi yang baik di dalam industri ekuiti persendirian Malaysia • Prestasi kewangan yang kukuh • Berjaya mencipta nilai di dalam syarikat portfolio
2	Pengalaman pasukan pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> • Pasukan pengurusan kanan yang berkebolehan dan berkeupayaan menjana aliran urusniaga yang kukuh • Pengalaman pelupusan dan perolehan serta rekod prestasi yang relevan (contohnya pelaksanaan dan pengurusan portfolio) • Kepakaran di dalam jenis urusniaga, sektor dan geografi yang relevan
3	Proses pelaburan yang kukuh	<ul style="list-style-type: none"> • Proses pengurusan pelaburan didokumenkan dan rekod prestasi pematuhan yang baik • Proses membuat keputusan, rangka kerja tadbir urus dan pengurusan risiko yang kukuh • Pasukan sokongan yang berkeupayaan
4	Keupayaan mengumpul dana	<ul style="list-style-type: none"> • Rekod prestasi di dalam mengumpul dana • Potensi untuk mengumpul sekurang-kurangnya 20% modal daripada pihak ketiga seperti yang dikehendaki • Mewujudkan rancangan bagi mengumpul dana dari pihak ketiga luaran
5	Mematuhi keperluan dan garis panduan RFP	<ul style="list-style-type: none"> • Memenuhi kriteria yang terkandung di dalam strategi pelaburan, struktur dana dan tadbir urus Ekuinas

RINGKASAN

Secara ringkasnya, Ekuinas ialah sebuah syarikat ekuiti persendirian yang berusaha untuk mencapai objektifnya secara mesra pasaran, berdasarkan merit dan telus bagi memastikan impak yang mampan untuk jangka masa panjang.



syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan

- **bermatlamat menggalakkan peningkatan pegangan ekuiti dan penglibatan Bumiputera di dalam ekonomi negara**
- **menerusi pembentukan syarikat-syarikat peneraju generasi baru di Malaysia**

Model operasi Ekuinas?
Berdasarkan model 'Private Equity':


- pelaburan di dalam perniagaan yang berpotensi tinggi
- mengembangkan syarikat secara agresif; dan
- menjual kembali ekuiti setelah syarikat menjadi besar dan meneraju pasaran

Memenuhi 2 objektif utama...
... melalui 2 kaedah penting...
... mensasarkan 2 kumpulan utama...

1	Objektif Kewangan	1	1	1	1
	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan penginstitutionan ekuiti Bumiputera • Sasaran pulangan: <ul style="list-style-type: none"> - Min IRR 12% - Sasaran aspirasi IRR 20% setahun 		1	1	1
	2	2	2	2	2
	Objektif Sosial Menggalakkan penglibatan ekonomi Bumiputera: <ul style="list-style-type: none"> • Pemilikan ekuiti • Pengurusan • Peluang pekerjaan • Mewujudkan nilai di seluruh rantaian bekalan 		2	2	2
			2	2	2
			2	2	2
			2	2	2

Objektif dicapai secara mesra-pasaran, berdasarkan merit dan telus untuk memastikan impak jangka masa panjang yang mampan

STRUKTUR KORPORAT



LEMBAGA PENGARAH

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda (*Pengerusi*)
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
Tan Sri Mohamed Azman Yahya
Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff
Datuk Noriyah Ahmad
Dato' Abdul Rahman Ahmad (*Ketua Pegawai Eksekutif*)

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Audit

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda (*Pengerusi*)
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
Datuk Noriyah Ahmad

Jawatankuasa Pelantikan & Ganjaran

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan (*Pengerusi*)
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Jawatankuasa Pelaburan

Tan Sri Mohamed Azman Yahya (*Pengerusi*)
Dato' Abdul Rahman Ahmad
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Mazhairul Jamaludin
Nik Johaan Nik Hashim
Amil Izham Hamzah

Jawatankuasa Pelaburan CSR (CIC)

Datuk Noriyah Ahmad (*Pengerusi*)
Dato' Abdul Rahman Ahmad
(*gantian dengan Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir atau Mazhairul Jamaludin*)
Suridah Jalaluddin
Nik Johaan Nik Hashim

SETIAUSAHA SYARIKAT

Shamsiah A Rahman (MAICSA 7008380)
Norsham Abdul Ghani (LS 01203)

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers
Akauntan Bertauliah

BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad
AmBank (M) Berhad

ALAMAT BERDAFTAR

Prokhas Sdn Bhd
Tingkat 12, Bangunan Setia 1
15 Lorong Dungun
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

ALAMAT PEJABAT

Ekuiti Nasional Berhad (868265 U)
Aras 13, Surian Tower
No. 1, Jalan PJU 7/3
Mutiar Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

JAWATANKUASA PENGURUSAN

Abdul Rahman Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Pengarah Urusan, Pelaburan

Mazhairul Jamaludin
*Ketua Pegawai Kewangan/
Pengarah Kanan, Pelaburan/Penyumberan Luar*

Nik Johaan Nik Hashim
Pengarah Kanan, Pelaburan/Pengurusan Pihak Berkepentingan

Amil Izham Hamzah
Pengarah Kanan, Pelaburan

Suridah Jalaluddin
Pengarah Kanan, Pelaburan/Perkhidmatan Bersama

PERISTIWA PENTING KORPORAT

2009

Jun

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak mengumumkan penubuhan Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), sebuah institusi pelaburan yang baharu.

September

Pelantikan Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas.

Disember

Ekuinas menerima RM100 juta daripada jumlah RM500 juta yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-9.

Januari

Permulaan Dana Tranche I Pelaburan Langsung dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion.

Februari

Baki RM400 juta daripada RM500 juta yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 diterima daripada Kerajaan.

Pelaburan pertama: Alliance Cosmetics Group.

Jun

Pelaburan kedua: Tanjung Offshore Berhad.

Julai

Pelantikan Pengurus Dana Penyumberan Luar bagi Tranche I, Program Penyumberan Luar.

Oktober

Pelaburan ketiga: Konsortium Logistik Berhad.

November

Pelaburan keempat: Kumpulan Pendidikan APIIT.

2010

2011

Februari

Dana pertama untuk tahun 2011 sebanyak RM300 juta diterima daripada Kerajaan.

Mac

Permulaan Program Penyumberan Luar Tranche I dengan dana berjumlah RM543 juta.

Navis Capital Partners, salah satu daripada Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) telah melaksanakan pelaburan pertama melalui Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. (MGO Fund) di dalam Atelier Asia Sdn Bhd, sebuah kumpulan syarikat pengedar dan pembekal pelbagai barangan berjenama popular di dalam segmen pakaian gaya hidup dan penjagaan bayi yang pesat berkembang.

April

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak mengumumkan pencapaian tahun pertama Ekuinas:-

- Pulangan Kasar Portfolio: RM54.5 juta
- Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR): 53.1%, IRR Bersih Tahunan (IRR): 24.3%

- Nilai Ekuiti Bumiputera meningkat sebanyak RM483.2 juta atau 1.3 kali ganda modal dilabur Ekuinas bernilai RM380.6 juta; dan
- Nilai Keseluruhan Pemegang Saham meningkat sebanyak RM582.1 juta atau 1.5 kali ganda modal dilabur Ekuinas

Ogos

Dana tambahan RM300 juta lagi diterima daripada Kerajaan, menggenapkan dana diperuntukkan bagi tahun 2011 sebanyak RM600 juta.

September

Pelaburan kelima dan keenam: BURGER KING® dan San Francisco Coffee.

Disember

Pelaburan ketujuh: Kumpulan Revenue Valley, yang terdiri daripada Manhattan Fish Market, Popeyes dan Tony Roma's.

Pelaburan kelapan: Kumpulan Cosmopoint, yang terdiri daripada Kuala Lumpur Metropolitan University College dan Cosmopoint International College of Technology.

Januari

Ekuinas memulakan proses pemilihan pengurus dana pihak ketiga bagi Program Penyumberan Luar Tranche II.

Mac

Ekuinas menerima peruntukan dana sebanyak RM300 juta daripada Kerajaan.

April

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop mengumumkan pencapaian tahun kedua Ekuinas:

- Pulangan Kasar Portfolio: RM174.1 juta
- Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR): 35.1%, IRR Bersih Tahunan (IRR): 23.2%
- Nilai Ekuiti Bumiputera meningkat sebanyak RM806.5 juta atau 1.4 kali ganda modal dilabur Ekuinas bernilai RM577.7 juta; dan
- Nilai Keseluruhan Pemegang Saham meningkat sebanyak RM986.2 atau 1.7 kali ganda modal dilabur Ekuinas

Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. (MGO Fund), yang diuruskan oleh Navis Capital Partners di bawah Program Penyumberan Luar Ekuinas, melaksanakan dua pelaburan minoriti bersama di dalam MCAT Box Office Sdn. Bhd. (MBO), pengendali rangkaian pawagam ketiga terbesar di Malaysia dan SEG International Bhd. (SEGi), salah satu kumpulan pendidikan swasta terbesar dengan pelaburan masing-masing sebanyak RM21.0 juta dan RM61.6 juta.

Mei

Pelaburan kesembilan:

Unitar Capital Sdn Bhd, pemilik dan pengendali University of Management and Technology (UMTECH) dengan pelaburan sebanyak RM58.5 juta. UMTECH kini dikenali sebagai UNITAR International University.

2012

Jun

Ekuinas menerima dana peruntukan tambahan sebanyak RM400 juta untuk tahun 2012 daripada Kerajaan.

Julai

Pelaburan ke-10: Tanjung Kapal Services Sdn Bhd

September

Pelaburan ke-11: OMNI Petromaritime Sdn Bhd (OMNI)

Pelaburan ke-12: Burger King Singapore Pte Ltd

Oktober

Pengurusan Kanan Ekuinas mengadakan perbincangan tertutup dengan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Ekuiti Nasional (YEN), yaysan yang memiliki Ekuinas Capital, bagi membentangkan laporan kemajuan setengah tahun Syarikat.

Ekuinas melancarkan Dana Tranche II Pelaburan Langsung dengan peruntukan berjumlah RM1 bilion.

November

Ekuinas melaksanakan penstrukturan semula strategik portfolio minyak & gas (O&G) untuk menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pasaran kapal sokongan luar pesisir (OSV). Ia melibatkan pelupusan pelaburan kepentingan minoriti di dalam Tanjung Offshore Berhad (TOB) yang mana hasilnya dilabur semula menerusi perolehan ekuiti tambahan di dalam Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS).

Ekuinas mengumumkan penggabungan strategik dua syarikat OSVnya iaitu TKS dan OMNI untuk membentuk salah sebuah Kumpulan OSV terbesar di Malaysia. Di bawah penggabungan ini, kedua-dua syarikat menjadi anak syarikat milik penuh syarikat pegangan pelaburan OSV iaitu Icon Offshore Berhad. Upacara pelancaran Icon Offshore Berhad telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

GLOSARI TERMA LAZIM DALAM EKUITI PERSENDIRIAN

Pelaburan *Buy-out* (juga dikenali sebagai MBO-LBO-MBI-BIMBO)

Pelaburan *buy-out* membolehkan pengurusan operasi sedia ada dan pelabur untuk memperoleh atau membeli pegangan saham ketara dalam syarikat yang diuruskan. Syarikat ekuiti persendirian biasanya mendapatkan kepentingan majoriti dalam ekuiti syarikat yang disasarkan apabila *buy-out* berlaku.

Strategi “Beli dan Bina”

Strategi yang menyokong pertumbuhan organik portfolio syarikat melalui perolehan tambahan.

Pelaburan ‘*Bolt-on*’ (juga dikenali sebagai Pelaburan Tambahan)

Pelaburan yang dilaksanakan melalui syarikat portfolio sedia ada, kebiasaannya perniagaan dalam industri yang sama, dan memberikan nilai strategik.

Pelaburan Bersama

Pelaburan bersama ialah pelaburan minoriti yang dibuat bersama-sama pelabur ekuiti persendirian yang lain. Ianya pasif dan merupakan satu pelaburan tiada kepentingan kerana syarikat ekuiti persendirian yang terlibat biasanya menjalankan fungsi kawalan dan pemantauan.

Komitmen

Jumlah modal tertentu yang dijanjikan untuk dana ekuiti persendirian. Jumlah komitmen kepada dana ekuiti persendirian adalah bersamaan dengan jumlah saiz dana.

Pelaburan Komited

Amaun modal yang telah dikhususkan untuk pelaburan dalam syarikat portfolio.

Surutan (*Drawdown*)

Perbuatan memindahkan modal yang telah dikhususkan kepada dana untuk membuat pelaburan.

Pasaran Baharu Muncul

Dana yang melabur dalam ekuiti atau memberi pinjaman kepada pasaran baharu muncul yang selalunya mempunyai pertumbuhan yang tinggi dan mudah berubah.

Dana kepada Kumpulan Wang

Instrumen kewangan yang melabur dalam beberapa kerjasama ekuiti persendirian. Program Penyumberan Luar Ekuinas adalah Dana kepada Kumpulan Wang di mana Ekuinas mengumpulkan modal dengan pengurus dana ekuiti persendirian pihak ketiga yang telah dilantik untuk melabur bagi pihaknya.

Rakan Am (General Partner)

Rakan Am bertanggungjawab menguruskan portfolio dan keuntungan dana ekuiti persendirian.

Modal Pertumbuhan

Modal pertumbuhan merujuk kepada dana yang digunakan untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat atau digunakan untuk mengembangkan perniagaan.

Rakan Terhad (Limited Partner)

Institusi atau pelabur individu/sofistikated yang menyumbang modal kepada dana ekuiti persendirian. Dalam kes Ekuinas, Rakan Terhadnya ialah Yayasan Ekuiti Nasional/Kerajaan Malaysia.

Fi Pengurusan

Fi pengurusan ketika tempoh pelaburan adalah dikira sebagai peratusan fi yang dikenakan ke atas komitmen yang dibuat oleh rakan terhad kepada dana. Penentu utama beban kerja Rakan Am adalah mencari potensi pelaburan dan ini dipacu oleh saiz jumlah komitmen kepada dana dan bukan amaun sebenar yang dilaburkan pada tahap tertentu dalam jangka hayat dana.

Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Bersih %

Kadar Pulangan Dalaman Bersih diterima oleh Rakan Terhad selepas ditolak fi dan *carry*. Kadar pulangan dalaman adalah berdasarkan aliran tunai direalisasi dan penilaian faedah berbaki dalam perkongsian. IRR adalah angka anggaran, kerana ia bergantung bukan sahaja kepada aliran tunai tetapi juga penilaian aset yang tidak direalisasi.

Syarikat Portfolio/Syarikat Penerima Pelaburan

Syarikat portfolio atau syarikat penerima pelaburan ialah syarikat atau entiti di mana dana ekuiti persendirian melabur. Kesemua syarikat ini disokong oleh syarikat ekuiti persendirian dan diletakkan di bawah portfolio pelaburan.

Kerjasama Awam-Swasta

Persetujuan/perjanjian kontraktual di antara badan-badan awam, pihak berkuasa tempatan atau kerajaan pusat dengan syarikat-syarikat swasta untuk menghasilkan projek umum, sosial atau infrastruktur ekonomi.

Sektor Tumpuan

Dana yang dilaburkan khusus dalam perniagaan yang beroperasi dalam industri atau sektor tertentu dalam ekonomi.

Modal Teroka

Modal teroka adalah sejenis pelaburan ekuiti persendirian yang memberi modal kepada perniagaan baru dan sedang berkembang. Dana teroka ini melabur dalam syarikat-syarikat permulaan dan perniagaan kecil yang mempunyai potensi untuk berkembang dalam jangka masa panjang.

Berdasarkan definisi di www.preqin.com dan kegunaan dalaman yang diterima pakai di Ekuinas.

Alliance Cosmetics Sdn Bhd

No. 35, Jln Pelukis U1/46
Temasya Industrial Park
40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
T : 03-5569 4588
F : 03-5569 4366
W : www.silkycosmetics.com

Burger King Singapore Pte Ltd

Level 3, No. 2 Ang Mo Kio Street 64
Econ Building #03-05
Singapore 569084
T : +65-6853 4744
F : +65-6853 4644
W : www.burgerking.com.sg

APIIT Lanka

No. 388, Union Place
Colombo 2, Sri Lanka
T : (+94) 117 675 100
W : www.apiit.lk

Cosmopoint Sdn Bhd: Kuala Lumpur Metropolitan University College & Cosmopoint College of Technology

Level 10, Wisma Havela Tharkadas
No. 1, Jalan Tiong Nam
Off Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
T : 03-2694 9455
F : 03-2694 9477
W : www.cosmopoint.com.my
W : www.klmu.edu.my

Asia Pacific Schools

No. 1, Persiaran A
Off Jalan Lapangan Terbang Subang
47200 Subang
Selangor Darul Ehsan
T : 03-7847 1000
F : 03-7847 1001
W : www.apis.edu.my, www.apss.edu.my

INTEGRATED FOOD GROUP SDN BHD:

Cosmo Restaurants Sdn Bhd / Revenue Valley Sdn Bhd / San Francisco Coffee Sdn Bhd

Unit 3.01, Wisma Academy
No. 4A, Jalan 19/1
46300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
T : 03-7957 1118
F : 03-7957 0118/03-7957 9118
W : www.tonyromas.com.my,
www.manhattanfishmarket.com,
www.sfcoffee.com,
www.burgerking.com.my

PrimaBaguz Sdn Bhd

No. 16 & 18, Jalan P/13
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan
T : 03-8925 3788
F : 03-8925 1612
W : www.primahalal.com

Asia Pacific University of Technology & Innovation

Technology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur
T : 03-8996 1000
F : 03-8996 1001
W : www.apu.edu.my

Icon Offshore Berhad

Level 12A, East Wing, The Icon
No.1, Jalan 1/68F, Off Jalan Tun Razak
55000 Kuala Lumpur
T : 03-2180 6300
F : 03-2165 1085/1086
W : www.iconoffshore.com.my

UNITAR International University

3-01A, Level 3, Tierra Crest
Jalan SS6/3
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
T : 03-7627 7200
F : 03-7627 7447
W : www.unitar.my

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa pihak luar yang sudi menyumbang artikel-artikel untuk dimuatkan di dalam Laporan Tahunan Ekuinas 2013:

1. **Bain & Co.** di atas sumbangan artikel “Malaysian Private Equity Outlook” yang telah memaparkan satu tinjauan ringkas mengenai industri PE di Malaysia dan rantau ini, seperti yang dibentangkan di halaman 34 hingga 37 dalam Laporan Tahunan ini. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih, khususnya kepada Mr Suvir Varma, Partner di pejabat Asia Tenggara yang menerajui Private Equity Bain di Asia Pasifik; Mr Usman Akhtar, Principal di Private Equity, pejabat Asia Tenggara; dan Ms Johanne Dessard, pengurus latihan untuk Private Equity di Asia Pasifik;
2. **Towers Watson Investment** di atas perkhidmatan yang disediakan semasa proses pemilihan pengurus dana bagi Program Penyumberan Luar Tranche II Ekuinas dan juga sumbangan artikel “Selecting private equity managers in Southeast Asia” di halaman 38 hingga 41 Laporan Tahunan ini. Ucapan terima kasih buat Mr Paul Colwell, Senior Investment Consultant, Chair of Asia Portfolio Construction Group, Ms So Yeun Lim, Investment Consultant, Private Markets Manager Research, Mr Richard Tan, Head of Private Markets, Asia dan Mr Mark Calnan, Global Head of Private Equity yang telah menjadikan ini semua realiti; dan
3. **The Boston Consulting Group** di atas kerjasama dan kerja berpasukan dalam membangunkan Program Micro and Small Enterprise (MASE) dan Pemeriksaan Diagnostik dan Pelan Tindakan bersama Ekuinas untuk Projek Pembinaan Keupayaan Usahawan CSR kami, serta perihal ringkas berkenaan Program MASE di halaman 112 hingga 120 dalam Laporan Tahunan ini. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Ms Nor Azah Razali, Partner dan Pengarah Urusan BCG Kuala Lumpur di atas sokongan yang berterusan kepada Ekuinas dalam pelbagai projek kami dan melantik Ketua Projek, Mr Palash Ahmed, bersama dengan ahli pasukannya, Ms Amy Zheng dan Mr Subhen Jeyaindran, dalam memastikan kejayaan projek perintis dengan Bibah Songket di bawah Projek Pembinaan Keupayaan Usahawan CSR Ekuinas.

SENARAI SEMAKAN SERAHAN CADANGAN PERNIAGAAN

Ekuinas mengalu-alukan cadangan daripada semua syarikat-syarikat Malaysia yang telah beroperasi antara satu hingga tiga tahun dan kini merancang untuk melangkah ke fasa perkembangan yang selanjutnya. Senarai semak segera di bawah akan membantu anda menilai sama ada syarikat anda bersesuaian dengan kriteria pelaburan Ekuinas.

- ▶ Adakah syarikat anda menjalankan aktiviti perniagaan selain daripada perjudian, arak, aktiviti yang menyalahi undang-undang, aktiviti yang tidak beretika, hartanah, pembinaan atau jual beli dana/komoditi lindung nilai?
- ▶ Adakah syarikat anda sudah mantap dan mempunyai rekod prestasi sekurang-kurangnya 1 – 3 tahun?
- ▶ Adakah syarikat anda mempunyai potensi pertumbuhan yang ketara?
- ▶ Adakah syarikat anda memerlukan pelaburan Ekuinas sebanyak >RM30 juta?
- ▶ Adakah anda bersedia untuk mempunyai rakan niaga yang terlibat secara aktif di dalam syarikat anda?

Sekiranya anda menjawab YA kepada semua soalan di atas, kami mengalu-alukan cadangan perniagaan anda. Sila rujuk senarai semak di bawah.

SENARAI SEMAK MAKLUMAT

Untuk menyerahkan cadangan perniagaan anda kepada Ekuinas, sila pastikan semua maklumat penting di bawah disediakan dan diserahkan ke pejabat kami:

Profil perniagaan:	Maklumat Kewangan:
<ul style="list-style-type: none">✓ Aktiviti utama syarikat✓ Senarai Pemegang Saham✓ Ahli Lembaga Pengarah dan profil mereka✓ Ahli Pengurusan Kanan dan profil mereka✓ Huraian produk dan perkhidmatan	<p>Ringkasan keputusan kewangan Syarikat bagi 3 tahun yang lalu dan unjuran kewangan 3 tahun akan datang termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none">✓ Hasil/Keuntungan Kasar✓ EBITDA/EBIT✓ PBT/PAT✓ Jumlah aset✓ Dana pemegang saham✓ Hutang
Butir-butir cadangan:	Tinjauan Industri / Sektor:
<ul style="list-style-type: none">✓ Pelupusan pelaburan secara penuh atau separa, suntikan ekuiti baru✓ Kepentingan sedia ada/saiz urusan/jumlah pelaburan diperlukan✓ Jika ekuiti baru, penggunaan perolehan yang dicadangkan	<ul style="list-style-type: none">✓ Saiz✓ Kadar pertumbuhan✓ Ciri-ciri industri✓ Syarikat-syarikat lain dalam industri

Sila serahkan cadangan perniagaan anda kepada:

Bahagian Pelaburan
Ekuiti Nasional Berhad
Aras 13, Surian Tower
No. 1 Jalan PJU 7/3
Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

Tel : 03-7710 7171
Faks : 03-7710 7173
E-mel : info@ekuinas.com.my
Laman sesawang : www.ekuinas.com.my

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

www.ekuinass.com.my

Ekuiti Nasional Berhad 868265 U
Aras 13 Surian Tower
No 1 Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

Tel : +603 7710 7171
Faks: +603 7710 7173